

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT KEDUA**

---

**Shah Alam, Selasa 13 Julai 2010**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei (Seri Muda)

YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)

YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

YB Tuan Edward Lee Poh Lin

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

## **TIDAK HADIR**

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

## **TIDAK HADIR**

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

**( Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama satu (1) tahun mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009 )**

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Noor Diana bt. Razali  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
**PELAPOR PERBAHASAN**

( Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat )

Dewan disambung semula pada jam 10.00 pagi

**TUAN SPEAKER:** Dewan di sambung semula.

**SETIAUSAHADEWAN:** Bismillahi *rahmani rahim Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Kedua Belas dimulakan dengan bacaan Doa.

I. **DOA.**

II. **PERTANYAAN-PERTANYAAN**

Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan (sambungan).

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pelek.

**YBTUAN YAP EE WAH** : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan No. 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : KAMPUNG-KAMPUNG TRADISIONAL MELAYU**

7. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar
- a) Apakah jenis pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam konteks memajukan kampung-kampung tradisional Melayu ?
  - b) Apakah program-program yang dilaksanakan untuk pembangunan sosial masyarakat di kampung-kampung tradisional Melayu ?

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : *Bismillahi rahmani rahim Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Tuan Speaker bagi menjawab soalan Sungai Pelek Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada tiga aspek pembangunan iaitu Pembangunan Keharmonian, Pembangunan Fizikal dan Pembangunan Ekonomi. Bagi Pembangunan Keharmonian Kerajaan Negeri telah menjalankan Program Perhatian JKK di Selangor seramai 800 orang telah mengikuti program ini yang melibatkan Daerah Gombak, Kuala Langat, Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Sepang. Kursus SPIES JKK Negeri Selangor 800 orang JKK baru mengikuti program. Lawatan persefahaman dasar Kerajaan bagi Ketua Kampung Tradisi Selangor ke SUK seramai 120 orang mengikuti program ini.

Bagi Pembangunan Fizikal Kerajaan Negeri telah menaruhkan beberapa peruntukan ke kampung-kampung melalui Pejabat Daerah untuk projek-projek kecil luar Bandar yang kritikal seperti membaiki 100 buah pilihan raya dengan kos RM2 juta. Membaiki baik pulih 26 batang

jalan Kampung yang kos RM500,000. Membaik pulih 15 saluran longkang dengan kos RM200,000.

Bagi Pembangunan Ekonomi Kerajaan Negeri sedang melaksanakan projek seperti berikut:-

- 1) Program Mentor-Menti bagi Tanaman Cendawan sehingga kini terdapat seramai 56 orang peserta yang melibatkan Daerah Petaling, Hulu Langat dan Hulu Selangor. Purata pendapatan tambahan peserta telah meningkatkan kepada RM800 sebulan.
- 2) Bagi peringkat permulaan tiga buah pusat pengumpulan IKS akan dibina di Sepang, Kuala Langat dan Sabak Bernam. Untuk di Sepang akan dibina di Sungai Pelek, walaupun Sungai Pelek kawasan pembangkang Kerajaan Negeri berbesar hati untuk menyediakan satu IKS di situ.

Dana Industri Kampung pada tahun 2010 sebanyak RM1 juta diperuntukkan bagi membantu meningkatkan pendapatan usahawan industri kecil sederhana. Kerajaan Negeri mensasarkan pendapatan setiap peserta dapat dipertingkatkan kepada RM5,000 hingga RM10,000 sebulan. Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mengujudkan sebuah lagi *Homestay* baru di Daerah Hulu Langat. 4 peserta telah dikenal pasti dan 6 peserta masih lagi dalam di peringkat saringan oleh UPEN. Kementerian Pelancongan Majlis Perbandaran Kajang dan Pejabat Daerah Hulu Langat, Majlis Pelancaran *Homestay* tersebut dijadualkan akan diadakan pada 21 Disember 2010 sempena Majlis Pelancaran Selangor Ria. *Homestay* ini akan dibina di kawasan Sungai Lui di kawasan Dusun Tua. Sekali lagi Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat bina *Homestay* di kawasan Pembangkang. Peningkatan pendapatan padi Kerajaan Negeri akan memberi fokus kepada aktiviti pengapuran dan tanah serta penyediaan benih padi oleh pesawah. Kerajaan Negeri berkeyakinan pendapatan petani dapat ditingkatkan melebihi RM1,500 sebulan jika perkara-perkara tersebut dapat dilaksanakan. Pada masa kini terdapat seramai 5,205 peserta telah mengikuti Projek Perintis Peningkatan Hasil Padi yang melibatkan kawasan seluas 7,443 hektar. Sementara itu berdasarkan rekod Jabatan Pertanian Negeri Selangor 6,048 pesawah atau 60% telah berjaya memperoleh pendapatan garis kemiskinan Negeri Selangor.

b) Bagi soalan b akibat daripada tindakan teknologi Maklumat dan Komunikasi melalui televisyen dan media alternatif seperti Internet dan telefon bimbit masih ke desa semakin terendah dengan pelbagai budaya daripada cita rasa Masyarakat Sedunia. Di atas kesedaran ini Pembangunan Desa perlu dirancang dengan sebaik-baiknya agar Masyarakat ini dapat turut sama menikmati proses Pembangunan yang benar-benar manfaat tanpa menggadaikan nilai-nilai budaya desa yang murni. Desa Lestari yang ingin dibina adalah sebuah kependudukan Masyarakat yang membangun dengan mengejar Kerahmatan Allah sebagai akhir. Masyarakat yang hidup dalam keharmonian membangun dengan mercu kemajuan seimbang dengan menjunjung dan menghayati nilai-nilai yang disasari tunjang agama bagi membanteras Masyarakat. Bagi mewujudkan Desa Lestari terdapat empat aspek yang diambil kira.

- 1) Keagamaan dan Sivik.
- 2) Keharmonian Masyarakat.
- 3) Kebajikan dan Keselamatan.
- 4) Kebersihan dan Kesihatan.
- 5) Adat dan Budaya.
- 6) Pendidikan dan Latihan Kemahiran.
- 7) Kepimpinan dan Kegiatan Institusi.
- 8) Prasarana dan Kebudayaan Awam.
- 9) Pertanian dan Penternakan.

- 10) Teknologi Maklumat dan Komunikasi.
- 11) Keindahan dan Keceriaan.
- 12) Perniagaan, Perindustrian dan Pelancongan.
- 13) Sumber Kekayaan Baru Desa.
- 14) Kreativiti dan Inovasi Penduduk.

Kerajaan Negeri akan membelanjakan Perintis Desa Lestari yang pertama pada 5 Oktober 2010 bertempat di Kampung Bukit Cherakah Jaya, Daerah Petaling ini di kawasan DUN Meru. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Soalan Tambahan. Saya tertarik dengan jawapan Y.B. EXCO Pertanian yang menjawab tentangan Peningkatan Hasil Padi di Kampung Tradisional Melayu di mana Kerajaan telah melaksanakan Projek Perintis untuk membantu petani di Kampung Tradisional dan lebih daripada 5,000 peserta dan telah berjaya melepasi paras garis kemiskinan daripada 65%. Semua itu saya juga ingin meminta pandangan dan Apakan Pendirian serta Peranan Kerajaan Negeri dalam konteks dalam isu harga padi khususnya benih padi di mana Yang Berhormat Menteri Pertanian Noh Omar telah, Yang Berhormat Noh Omar telah berjanji terbuka kepada petani dalam satu dialog perjumpaan baru-baru ini akan memberi, Kerajaan akan memastikan 1,400 setan untuk padi benih tetapi hakikat yang dijual pada petani kepada pengilang hanya mendapat 1,300 perlu ditolak dengan *transpor* dan sebagainya. Apakah janji itu bukan janji kosong tapi tipu kepada petani. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Terima kasih, Sekinchan. Kawasan Sekinchan adalah kawasan yang tertinggi pencapaian hasil padi. Tahniah, terima kasih kepada petani-petani Sekinchan dan kita harap petani-petani lain juga akan mencontohi Sekinchan. Berkaitan dengan benih padi Sekinchan telah makluman dalam Dewan yang lalu bahawa sejak Menteri Noh Omar mengambil alih kuasa di Kementerian beliau telah menjadikan proses pengeluaran padi diswastakan sebuah Syarikat. Inilah nasib malang yang telah menimpa petani-petani padi di kawasan Kuala Selangor, Sabak Bernam. Bila mana kualiti benih padi yang dikeluarkan adalah rendah dan petani-petani merungut kerana jumlah padi anginnnya sangat tinggi. Kerajaan Negeri bertegas bahawa kita tidak setuju dengan dasar untuk menswastakan benih padi kepada sebuah Syarikat yang difahamkan setakat ini kroni dapat kepada UMNO dan usaha-usaha sedang dibuat serta bincang pihak Jabatan supaya mencontohi Sekinchan agar mengeluarkan benih padi sendiri, agar kualiti benih padi dapat dikawal. Namun demikian subsidi benih padi di luar kawalan Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri akan terus membantu petani supaya memastikan petani mengikut Program-program yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih, Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Apakah sikap Kerajaan Negeri selain campur tangan JKPP di dalam Pentadbiran dan Pembangunan Kampung-kampung. Adakah usaha penyelarasan atau tindakan yang diambil? Terima kasih.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Daripada awal lagi, Kerajaan Negeri tidak mengiktiraf JKPP kerana ini melambangkan Kerajaan Pusat telah campur tangan keterlaluan tidak mengiktiraf keputusan rakyat Negeri Selangor yang secara majoriti menolak Barisan

Nasional patutnya Barisan Nasional akur yang kehendak rakyat dan membatalkan ataupun menghapuskan JKPP Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri tidak bekerjasama dengan JKPP Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan Tambahan. Rasa saya tidak perlu saya ucap terima kasih kerana membantu Kawasan DUN Sungai Pelek. Rasa saya ini sebagai satu tanggungjawab Kerajaan Negeri yang pemerintahan Pakatan Rakyat jadi Industri IKS di Sepang itu sebelum 2008 di Sungai Pelek ini pun sudah pesat dibangunkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dulu. Bagi soalan saya, soalan tambahan saya Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan tahunan kepada setiap Daerah untuk menjalankan baik pulih kemudahan asas di setiap Kampung-kampung di Negeri Selangor. Sekian terima kasih.

**YBTUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, sepatutnya Barisan Nasional sedar bahawa Kerajaan sekarang di bawah Pakatan Rakyat. Peruntukan Luar Bandar sejumlah RM95 juta sepatutnya diserahkan kepada Kerajaan Negeri agar diagihkan ke Pejabat Daerah dan belanja ini boleh diagihkan. Setiap Pejabat Daerah punyai teknik yang boleh memantau program-program. Sebaliknya peruntukan luar Bandar 207 / 208 sejumlah RM5 juta telah diambil oleh Barisan Nasional saya difahamkan dibahagi-bahagi kepada Ketua-ketua Bahagian UMNO untuk mengagihkan projek tersebut. Saya difahamkan duit telah habis tetapi projek tak nampak. Jawapan saya.

**TUAN SPEAKER** : Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Tuan Speaker, soalan no. 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
(SERI SETIA )**

**TAJUK** : **SUKAN**

8. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan negeri Selangor bagi memastikan Selangor berada di pencapaian terbaik dalam mana-mana pertandingan yang disertai?
- b) Apakah langkah yang diambil bagi membanteras judi sukan yang semakin berleluasa?

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, terima kasih kepada Seri Setia, yang membangkitkan perkara mengenai langkah yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan Selangor berada di pencapaian terbaik dalam pertandingan-pertandingan sukan. Kedua, apakah langkah yang dijalankan bagi membanteras judi sukan yang semakin berleluasa?

Rancangan Kerajaan Negeri sudah lama dilakukan terutama mengenai program sekolah pusat sukan negeri yang didirikan di Seksyen 11, Shah Alam. Walau bagaimanapun, banyak perkara yang sekarang masih belum dapat dilaksanakan oleh sebab terdapat kekangan daripada segi Pejabat Pelajaran Negeri, iaitu yang tidak ingin bersama-sama dengan Kerajaan Negeri untuk

memasuki sekolah tersebut supaya dapat bersama-sama meneruskan program untuk mempertingkatkan keupayaan atlet-atlet tersebut. Dan oleh itu Kerajaan Negeri sekarang mengambil sikap untuk menempatkan pembangunan sukan-sukan ini di PBT. Dan pembangunan sukan di PBT ini juga disokong oleh zon belia-belia di tiap PBT supaya belia-belia ini dapat dikenal pasti dan diberi sokongan untuk mempertingkatkan pencapaian. Saya rasa kita dapat pengalaman 2 tahun daripada segi sukan SUKMA, yang kita dapati walaupun kita tidak dapat mengekalkan tahap yang pertama, tetapi kita kekal dapat ke peringkat yang ada yang kita sebenarnya tidak berjaya. Jika ditolak, umpamanya semua pingat yang negeri Selangor tidak dapat berjaya iaitu pingat-pingat mengenai sukan laut yang dibolot oleh Terengganu sekurang-kurangnya 15 ke 20 emas, tetapi apabila ditolak pingat-pingat tersebut kita boleh muncul sebagai juara. Tetapi ini bukan satu alasan tetapi kita perlu buat apa yang disebut persediaan yang lebih mantap lagi. Oleh sebab itu kita mula menyusun semula program-program sukan ini supaya PBT, dan saya hendak meminta ahli-ahli EXCO juga terlibat dalam beberapa permainan supaya dapat kita bersama-sama meneruskan usaha untuk mempertingkatkan program elit persediaan SUKMA. Dan ini sudah mula dirancang.

Mengenai perkara yang dibangkitkan, iaitu judi sukan bola yang berleluasa, Kerajaan Negeri berpendapat tidak perlu lagi kita memberikan lagi lesen ataupun kebenaran untuk penambahan judi sukan di premis yang diberikan lesen oleh PBT untuk menambahkan lagi permainan judi di tempat tersebut. Untuk makluman Dewan, kuasa untuk meluluskan lesen judi bukan kuasa Kerajaan Negeri. Kuasa pada Kerajaan Negeri hanyalah lesen untuk kedai-kedai ataupun tempat-tempat urus niaga ataupun urus niaga judi itu dilakukan. Dan keputusan Kerajaan Negeri hanya bagi tempat-tempat yang dibenarkan itu tetapi penambahan bentuk-bentuk judi yang baharu seperti judi sukan ini, bola umpamanya tidak dibenarkan. Tetapi pemantauan ini ataupun usaha ini, saya rasa hanya sebahagian kecil daripada satu usaha yang mesti dibuat oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan, supaya pemantauan dan penentuan judi-judi ini dapat dibuat dengan bukan sahaja mengawal tempat-tempat judi tetapi juga membuat kawalan daripada segi lesen-lesen yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

**TUAN SPEAKER** : Seri Setia

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Soalan susulan. Apakah faktor yang menyebabkan kerajaan negeri dapat mengambil keputusan awal menolak judi bola sedangkan kerajaan persekutuan mula-mula benarkannya sebelum ambil keputusan untuk akhirnya tidak membenarkan judi bola.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Menurut beberapa kajian yang dibuat faktor yang sosial akibat judi bola ini melebihi hasil yang diterima oleh kerajaan iaitu Kerajaan Negeri dan juga kerajaan Persekutuan. Kajian ini boleh kita lihat daripada segi satu kajian yang menyeluruh pernah dibuat oleh Singapura. Singapura pernah membuat beberapa kajian walaupun ada menempatkan dua kasino di Singapura. Tetapi kajian itu menunjukkan Singapura mungkin mengalami keadaan sosial yang kalau ramai penduduknya kena penyakit judi, akibatnya bukan kepada individu itu sahaja tetapi keluarga yang terlibat. Oleh sebab itu kerajaan Singapura adakan pemantauan terhadap mereka yang pergi ke kasino. Rakyat Singapura diadakan satu *tracking* kepada mereka. Maknanya, di mana dan bagaimana dan keadaan mereka. Saya rasa perkara ini tidak dapat dilakukan di negeri kita, di Selangor juga di Persekutuan dan kita masih tidak mempunyai satu pengurusan yang dapat melakukan perkara ini. Oleh sebab itu keputusan Kerajaan Negeri akibat sosial hasil daripada perjudian ini melebihi hasil pendapatan. Dengan cara itu ia tidak menguntungkan, iaitu daripada segi keuntungan ekonomi tetapi juga daripada kejatuhan sosial. Ia juga tidak meningkatkan produktiviti daripada segi pembangunan negeri. Menurut hukum Islam, perjudian itu adalah haram. Jadi bukan satu faktor sahaja, tetapi

mengambil kira semua faktor dan mendapati ada baiknya perjudian judi bola ini tidak diteruskan di Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar. Soalan pertama saya, saya tertarik dengan pandangan bahawasanya PBT-PBT dipertanggungjawabkan untuk membangunkan pembangunan di negeri Selangor. Soalan saya yang pertama ada tak langkah-langkah daripada pihak kerajaan negeri untuk memastikan bahawa PBT-PBT ini memberi kelonggaran kepada persatuan di negeri yang diiktiraf, contohnya persatuan hoki Selangor bila menggunakan padang-padang ataupun *Astroturf* yang dipunyai PBT-PBT ini. Kerana contohnya persatuan hoki Selangor membayar hampir seratus ke dua ratus ringgit sekali guna padang *Astroturf* di MPK, walhal padang itu dalam keadaan yang cukup mendukacitakan. Jadi saya berharap agar pandangan ini dapat diambil kira dan dapat kelonggaran kepada persatuan-persatuan sukan diiktiraf di negeri Selangor.

Yang kedua, saya juga mengucapkan syabas dan tahniah atas pencapaian negeri Selangor dalam SUKMA baru-baru ini, tetapi sepertimana yang kita sedia tahu kejayaan ini bukan sahaja kejayaan kerajaan negeri tetapi juga adalah hasil usaha jurulatih-jurulatih yang telah begitu bersungguh-sungguh dan ikhlas membangunkan sukan di negeri kita. Soalan saya adalah, ada tak sebagai pengiktirafan usaha kerja mereka yang begitu bersungguh untuk menaikkan sukan di negeri kita. Contohnya pasukan bola sepak Malaysia dan juga pasukan negeri Selangor, maka *officer-officer* mereka, pengurusan dan jurulatih diberi pengiktirafan mungkin pingat-pingat kebesaran dari negeri Selangor. Contohnya, soalan saya kerana jurulatih Kebangsaan Malaysia iaitu K. Rajagopal yang begitu telah mengharumkan nama sukan Malaysia dan juga nama negeri Selangor telah menjadi pemain negeri Selangor begitu lama, telah menjadi jurulatih negeri Selangor, juga telah berkhidmat di PKNS selama hampir 25 tahun. Tetapi yang mengiktiraf beliau adalah negeri-negeri lain tapi saya tidak nampak langsung kerajaan negeri Selangor mengiktiraf beliau dengan memberi satu pingat kebesaran. Maka saya berharap pandangan ini dapat diambil kira dan untuk memartabatkan dan memberi semangat kepada mereka ini untuk memajukan lagi sukan di negeri Selangor. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Speaker, saya ingat pandangan itu kita terima tetapi untuk soalan yang pertama mengenai penggunaan premis, dan penggunaan tempat-tempat permainan. Saya menggalakkan konsep yang kita mesti membayar tentang penggunaan sebab kalau tidak kita tidak merasakan keperluan tersebut. Jadi konsep ini bukan menyebabkan kita mencari untung tetapi menyebabkan kita boleh menentukan yang perkhidmatan atas bayaran itu dibuat. Dan saya tau, sesetengah PBT terpaksa umpama seperti di Shah Alam dan di Subang Jaya terpaksa menggunakan duit-duit lain untuk membiayai perkhidmatan sukan ini. Tetapi kalau cara kita buat supaya '*overhead*' ataupun tempat untuk *maintenance* dan pengurusan itu dibayar oleh pemain atau pengguna-pengguna, kita dapat tentukan dan pengurusan dan perkhidmatan yang dilakukan adalah perkhidmatan yang boleh dipantau dan saya juga dapati banyak perkhidmatan itu diberikan tetapi standardnya adalah tidak baik. Jadi saya minta peruntukan perbelanjaan untuk memperbaikinya tetapi daripada segi *maintenance*, semua boleh membayar mengikut penggunaan, ini salah satu cara pengurusan.

Sudah tentulah sekarang..sudah tentulah sekarang, sebagai contoh Yang Berhormat sudah menunjukkan dengan membayar seratus ringgit saudara dapat satu padang hoki yang tak memuaskan. Itu sebagai satu contoh. Kalau dahulu bayar *free* kita tidak boleh bercakap

tentang perkara ini sekarang oleh sebab kena bayar baru kita boleh bercakap. Saya tahu uaduanya boleh kita beri peruntukan bukan sahaja peruntukan kepada PBT juga peruntukan kepada pasukan-pasukan dan persatuan-persatuan tersebut dan dia menggunakan duit itu untuk kegunaan program-program itu. Jadi dia dapat pilihan yang sesuai *value for money*. Jadi kita sudah membuat satu usaha baharu. Kalau tidak dahulu ia *free*, apabila *free* orang tidak menghargai tetapi apabila kena bayar barulah dia rasa tetapi pembayaran itu untuk PBT-PBT berkenaan bukan untuk mencari keuntungan tetapi untuk kos penyelenggaraan. Itu dia punya konsep dan saya harap kalau mana-mana persatuan yang tidak cukup dana dan menggunakan premis-premis tersebut kita adakan usaha supaya membuat kira-kira tentang dana yang diperlukan. Maknanya *training* berapa banyak kali penggunaan dan kita boleh kira dan diberi dana tersebut. Dana itu boleh dibayar kepada PBT berkenaan supaya PBT menggunakan dana ini untuk penyelenggaraan premis-premis tersebut. Jadi ada kontrol kepada dua-dua pihak.

Saya percaya pertanyaan Yang Berhormat untuk supaya pingat-pingat diberi kepada mereka yang berjasa kita terima dan salah satu perkara yang jelas saya nak ingatkan di dalam Dewan ini, negeri Selangor adalah negeri yang sangat menimbangankan dengan lebih berat tentang pemberian pingat. Jadi saya ingat Yang Berhormat -Yang Berhormat yang pernah menjadi EXCO Kerajaan Negeri tahu sebabnya jumlah pingat yang diberikan oleh Negeri Selangor agak terendah dan terhad. Jadi ada *value* kalau saudara mendapat pingat dari Negeri Selangor. Saya rasa sumbangan daripada rakan yang kita sebutkan tadi saya ambil kira dan kita berharap kita boleh ketengahankan namanya supaya mengenang jasa dan memberi hormat kepada jasa yang diberi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : HAKMILIK TANAH RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM**

9. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

a) Sila nyatakan setakat kini, berapakah jumlah bilangan rumah ibarat bukan Islam yang diluluskan hak milik tanah ? Sila berikan butir-butir terperinci mengikut pecahan daerah.

b) Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan masih terdapat aduan tentang kelewatan dan proses kelulusan yang memerlukan masa yang cukup panjang ?

c) Sila nyatakan apakah kriteria asas yang dikenakan terhadap sesuatu permohonan hak milik tanah rumah ibarat bukan Islam dan jangka masa kelulusan ?

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Terima kasih Tuan Speaker. Sekinchan telah tanya siapa nyatakan setakat ini beberapa jumlah bilangan rumah ibadat bukan Islam yang diluluskan hak milik tanah? Sila berikan butir-butir terperinci mengikut pecahan daerah. Terdapat sebanyak 391 buah rumah ibadat yang terlibat kuil, tokong, gereja telah diluluskan hak milik tanah. Berikut adalah pecahan kelulusan hak milik tanah bagi rumah ibadat selain Islam sampai sekarang. Petaling Jaya-22, Klang-235, Gombak-12, Sepang-20, Sabak

Bernam-11, Kuala Langat-54, Hulu Selangor-25, Hulu Langat-8, so jumlahnya sampai sekarang keseluruhannya 391. Tetapi dari mulai bila kerajaan diambil alih oleh Pakatan Rakyat dalam tempoh dua tahun setengah ini kita telah pun luluskan jumlahnya ialah 86 tempat ibadat di seluruh Negeri Selangor. Ini ialah rumah ibadat yang diluluskan di dalam Jawatankuasa Hal Ehwal selain Islam sehingga mesyuarat yang ke dua yang telah diadakan pada tahun ini, keseluruhannya ialah kuil ialah-42, tokong-26, gereja-13, good warah – 5, keseluruhannya ialah 86. Di sini saya nak menyatakan bahawa satu keputusan baru telah dibuat oleh EXCO bahawa dari sekarang kita takkan beri milik tanah kepada persatuan ataupun individu tetapi kita akan wartakan tempat-tempat ibadat di atas nama tempat-tempat ibadat masing-masing akan disimpan oleh di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan *management* nya ialah di bawah tempat-tempat ibadat masing-masing.

Soalan yang ke-2 ialah sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan masih terdapat aduan tentang kelewatan dan proses kelulusan yang memerlukan masa yang cukup panjang? Kelewatan dalam memproses hak milik tanah rumah ibadat bergantung pada pelbagai faktor seperti berikut :-

- Keperluan ulasan teknikal dan pelbagai jabatan.
- Kekangan masa dan kakitangan.
- Dokumen tidak lengkap.
- Semakan dan siasatan di atas permohonan terutama melibatkan permohonan bertindih.
- Kegagalan permohonan pembayar premium ataupun apa-apa bayaran yang perlu dijelaskan sebelum mendapat hak milik tanah.

Antara kriteria asas yang dikenakan bagi permohonan hak milik tanah rumah ibadat bukan Islam adalah seperti berikut :-

- Perancangan tempat ibadat bukan Islam memohon mempunyai pertubuhan yang berdaftar.
- Perancangan tersebut perlu mengambil kira kriteria seperti kemampuan, keluasan jalan untuk menampung.
- Persetujuan penduduk setempat dan keperluannya.
- Tiada sembarangan pembangunan atau perancangan pembangunan akan datang di atas tapak yang dipohon.
- Tanah yang dipohon bukan di atas tanah rizab.
- Dengan lokasi peletakkannya pula hendaklah didirikan di tengah-tengah kelompok masyarakat berkenaan.
- Perancang tapak hendaklah mengikut piawaian yang ditetapkan.
- Menyediakan jalan susur dan kemudahan meletakkan kenderaan yang secukupnya supaya tidak mengganggu lalu lintas.
- Dengan gunaan tanah persekitaran rumah ibadat bukan Islam perlu harmoni dengan kawasan persekitaran.
- Menyediakan zon pemisah adalah perlu bagi memisahkan tempat tersebut dengan kediaman masyarakat Islam sekurang-kurangnya 50 meter dari tempat.
- Jangka masa kelulusan terhadap sesuatu permohonan hak milik tanah rumah ibadat bukan Islam adalah dalam tempoh 6- 12 bulan. Walau bagaimanapun bagi kes-kes permohonan yang bermasalah kita akan ambil tempoh yang agak panjang untuk diselesaikan yang tempat-tempat yang bermasalah sahaja. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Sehingga kini kita masih lagi melihat rumah-rumah ibadat terutama yang didirikan di bangunan-bangunan dan juga termasuklah rumah-rumah kedai. Apakah perancangan dan pendirian Kerajaan Negeri Selangor di atas isu ini yang mana satu ketika dulu dikatakan bahawa penggunaannya adalah bersifat *temporary* ataupun sementara?

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Terima kasih Sijangkang. Masalah dengan rumah-rumah ibadat yang telah diletakkan di dalam kedai dan sebagainya dan di dalam rumah ialah sebab tidak cukup tanah ataupun tempat yang diberikan kepada tempat-tempat bukan Islam selama-lamanya. Contohnya di Subang Jaya sekarang, walaupun kita ada berterima banyak tempat yang hendak kita beri kepada tempat-tempat bukan Islam tetapi tidak ada tempat. Sebab itulah kita minta Perancang Bandar Negeri Selangor dengan kerjasama Perancang Bandar Majlis-majlis Tempatan untuk dalam masa yang akan datang tempat-tempat yang akan diluluskan untuk pembangunan tempat kediaman *development* di dalam kawasan tentukan bawah di dalam perancang bandar dalam pelan mereka cukuplah untuk beri tanah untuk tempat-tempat ibadat kurang-kurangnya kita mesti adakan 4 atau 5 tempat selain yang kita sudah ada tempat-tempat untuk surau dan masjid yang telah pun diberi di dalam pelan-pelan masing-masing. Ini untuk masa depan yang perancang masa depan. Tetapi untuk sekarang sementara kita tidak ada tanah untuk diberikan kepada tempat-tempat ibadat yang sudah ada tempat-tempat mereka di kedai dan di beberapa kawasan taman perumahan kita nak bagi dia tempoh sampai mereka cari tempat yang sesuai ataupun kerajaan boleh cari tempat yang sesuai untuk mereka tukar dari kawasan itu. Tetapi sampai sekarang keadaan begitu kita telah bagi mereka *temporary occupation* di dalam tempat-tempat masing yang ada sekarang.

**YB TUAN ISMAIL BIN SANI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Dusun Tua.

**YB TUAN ISMAIL BIN SANI** : Terima kasih Tuan Speaker. Jadi sebentar tadi kita telah mendengar penjelasan daripada EXCO tentang antara-antara syarat dan keputusan Kerajaan Negeri antaranya rumah ibadat bukan Islam jaraknya 50 meter paling kurang daripada perumahan dan keduanya didirikan di dalam komposisi kaum yang menganut agama rumah ibadat berkenaan. Dalam hal ini Tuan Speaker, saya mohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri andai kata ada tapak yang telah diluluskan berada di dalam tempat yang kurang daripada 50 meter daripada rumah contohnya tapak kuil di Taman Sri Nanding jaraknya terlalu hampir dengan rumah Melayu yang kebetulan berada di sebelahnya, adakah Kerajaan Negeri merancang untuk memindahkan atau mencadangkan tapak yang baru bagi tapak kuil di Taman Sri Nanding ini yang mendapat bantahan daripada penduduk Melayu yang berhampiran. Terima kasih.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Terima kasih. Soalan itu kita kena tengok siapa yang datang dahulu. Kuil ke? kawasan perumahan? Sebab ramai dari kuil-kuil tempatan dulu didirikan di dalam ladang-ladang estet-estet masing-masing. Bila estet ini ditukar milik dari pertanian kepada pembangunan. Saya ingat pada waktu itu, kalau kerajaan pada waktu itu telah mengambil tindakan serius ke atas tempat-tempat ibadat ini pada waktu itu baru kita telah memberi cadangan untuk tukar dari kawasan bila ada perancang dalam kawasan itu kita tidak ada masalah sekarang. Banyak yang kita hadapi sekarang, contohnya di Shah Alam sendirinya adalah perancang yang dibuat dulu tidak beberapa ambil perhatian terhadap situasi di bawah. Sebab itu saya minta kefahaman dan kesedaran semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk ambil perhatian bahawa semua kaum di dalam negara kita Malaysia

hendaklah di tempat masing-masing untuk mengadakan tempat-tempat ibadat mereka. So, untuk sebab itu adalah beberapa kawasan yang bukan sahaja tuan yang pembangkit soalan tetapi banyak kawasan yang kita ada tempat-tempat ibadat ini ditempatkan di dalam satu-satu situasi di mana perkauman bukanlah orang Melayu yang banyak, ataupun India yang banyak, orang Cina yang banyak tetapi yang terletak ini sudah lamanya kewujudan tempat ibadat itu di dalam itu. Kalau ada kawasan-kawasan tertentu di mana kita boleh tukar dan beri milik kepada mereka untuk tukar kepada kawasan lain kita akan teruskan dengan program demikian. Tetapi kita kena ingat bila kita tukar sesuatu kawasan kuil ataupun tempat-tempat ibadah siapa akan bayar merancang membina tempat baru yang sudah dimiliki ataupun perancang itu tempat yang baru kita bina siapa yang kena bayar. Siapa yang hendak ganti rugi mereka dan sebagainya. Kita ingat ini semua isu-isu penting yang kita kena ambil perhatian sebelum kita buat sesuatu.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Saya ingin tahu bagaimana kerajaan negeri mengawal pembinaan kuil ini kerana proses permohonan mengambil enam (6) hingga dua belas (12) bulan dan sementara mereka menunggu siasatan daripada Kerajaan Negeri pembinaan kuil itu masih diteruskan dan apabila didapati kemudiannya didapati kuil-kuil ataupun rumah-rumah ibadat itu tidak memenuhi syarat sedangkan mereka, pihak kuil sudah berbelanja untuk membina kuil-kuil tersebut?

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Terima kasih Taman Medan. Kerajaan negeri Selangor telah membuat keputusan bahawa pembinaan tempat-tempat ibadat selain daripada Islam yang baru tidak dibagi keputusan atau tidak dibagi syarat sebab semua permintaan kena melalui jawatankuasa ibadat dan juga kelulusan perancang bandar masing-masing. Kalau ada mana-mana tempat di mana mereka telah pun mula bina itu adalah pembinaan haram di dalam kawasan itu. Dan kita pun telah membagi syarat ke semua majlis-majlis tempatan untuk tidak benarkan tempat-tempat ibadat baru tanpa kelulusan kerajaan pada masa ini. So, kita memang akui ada beberapa tempat yang tidak mengikut peraturan sebab itu kita telah pun minta mereka memberhentikan pembinaan masing-masing dan dapatkan kelulusan di pejabat masing-masing sebelum *follow up* dengan pembinaan itu.

**TUAN SPEAKER** : Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA** : Tuan Speaker, soalan saya nombor sebelas (11). Sepuluh Bangi.

**TUAN SPEAKER** : Bangi dulu. Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor sepuluh (10). Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK** : ZON BERSIH

10. Kawasan seksyen satu dan 16 di Bandar Baru Bangi telah dijadikan Zon Bersih.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

- a) Apakah konsep zon bersih ini?
- b) Berapa lamakah tempoh sesuatu kawasan itu dikira berada di dalam Zon Bersih?
- c) Kini Zon dikatakan bersih, kembali kotor. Mengapakah tindakan susulan membersih tidak dilakukan?

**YB TUAN LIU TAN KHIEW** : Terima kasih. Soalan Bangi mengenai zon bersih. Ilham mengenai zon bersih datang dari atau dilahirkan kerana Kerajaan Tempatan di bawah kepimpinan Pakatan Rakyat ingin mewujudkan di bawah negeri yang lebih bersih, lebih hijau dan lebih selamat dan Kerajaan Tempatan juga ingin memberitahu semua Yang Berhormat-Yang Berhormat bahawa setakat ini setiap tahun Kerajaan Tempatan membelanjakan sebanyak 350 Juta ataupun 35% dari pendapatan keseluruhannya untuk membuang sampah, mencuci longkang, memotong rumput dan sebagainya. Dan, kita mendapati keadaan pada keseluruhannya tidak boleh dibanggakan jadi konsep zon bersih ialah untuk menambah baik kawasan atau zon yang sebelum ini mempunyai masalah dari segi kebersihan untuk berubah ke arah kebersihan yang optimum. Kawasan yang dipilih akan diisytiharkan sebagai zon bersih dan bakal melalui proses transformasi dengan adanya fokus, penyelarasan kerja serta peruntukan tambahan dari pihak PBT terlibat terhadap zon bersih tersebut. Terdapat enam (6) fokus utama di dalam pelaksanaan zon bersih iaitu:

1. Pemantauan kebersihan
2. Penyelenggaraan landskap
3. Pengurusan aduan
4. Penyelenggaraan infrastruktur
5. Penyelenggaraan kemudahan
6. Penglibatan komuniti setempat.

Kesemua aspek ini dirangkumkan agar mewujudkan satu persekitaran yang konduksi di zon bersih untuk sama-sama PBT melaksanakan transformasi ke arah mencapai kebersihan yang lebih baik. Walau bagaimanapun program zon bersih ini baru dilaksanakan dalam jangka masa setahun dan hasil yang optimum masih belum dapat dilihat. Akan tetapi di sesetengah kawasan diproses transformasi telah pun berlaku dan hasilnya amat memuaskan. Dan, pada 6hb. Julai kita baru sahaja mengadakan Malam Penganugerahan Zon Bersih, di mana semua zon bersih yang berjaya mencapai tahap memuaskan mendapat hadiah untuk sebagai satu galakan. Konsep ini akan diteruskan tahun ini dan saya mengambil kesempatan hari ini mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat yang juga bersama-sama menjayakan zon bersih ini. Tempoh masa yang ditetapkan untuk setiap zon bersih ini sebelum dinilai adalah satu tahun. Walau bagaimana sekalipun kalau tahap pencapaian sesuatu zon bersih masih belum mencapai yang dikehendaki maka tempoh masa akan dilanjutkan. Bagi zon bersih yang telah mencapai tahap optimum, status akan dikekalkan dan zon bersih baru akan dipilih. Bagi zon bersih yang sedia ada berterusan akan tetap dilaksanakan. Sekiranya zon bersih tersebut kembali kotor maka aduan boleh disalurkan kepada Pihak PBT berkaitan dan tindakan secara bersepadu bakal diambil melibatkan komuniti setempat di destinasi tersebut. Telah menjadi tanggungjawab PBT untuk menjadikan zon bersih dikekalkan tahap kebersihannya dan pemantauan berterusan tetap dilaksanakan. Terima kasih.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya... Kita nampaklah zon bersih ni... dia orang bersih dengan tujuan pertandingan sahaja. Kalau macam di tempat saya itu, Zon 1, tempat saya, pejabat saya pun situ, dia memang bekerja betul dari awal Januari hingga bulan empat, dengan lori, dengan tenaganya dihantar tapi bila habis pertandingan, senyap. Sekarang tiada bersih, kembali kotor balik. Tidakkah patut, ertinya diwujudkan macam skuad bersih dia orang bergerak dari satu tempat tu terutama kedai-kedai, tempat-tempat apa ini... pekan, supaya kebersihan berterusan. Kalau buat macam ini habiskan duit sahaja, masa bersih, dia orang biarkan, kembali kotor. Tempat saya telah kembali kotor telah tiada pemantauan. Pemantauan itu tiada. Terima kasih.

**YB TUAN RONNIE LIU TAN KHIEW** : Terima kasih Bangi. Saya harus memberitahu semua Yang Berhormat- Yang Berhormat yang mana MPKj ataupun Majlis Perbandaran Kajang telah mengambil cabaran yang iaitu mereka memilih satu tempat yang boleh dianggap yang paling kotor dan juga paling mencabar di seluruh kawasan Kajang kerana kawasan satu (1) dan enam belas (16) di Bandar Baru Bangi itu ada banyak pasar malam dan kawasannya pun sangat besar dan mereka pun berani memilih menjadikan kawasan itu zon bersih, jadi galakan sepatutnya diberikan dan MPKj tapi walau bagaimana sekalipun fokuskan tempatnya menjadi tempat zon bersih mereka harus mengekalkan tahap kebersihan itu seperti yang dikatakan oleh Bangi. Jadi saya harap, MPKj akan mengambil tahu perkara ini dan saya sendiri akan mengadakan pemantauan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baharu.

**YB TUAN WONG KOON MUN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya hendak tanya, apa kriteria bersih? Dia bersih dari segi pandangan atau bersih dari segi kawasan. Kalau satu kawasan nampaknya bersih tapi masih penuh dengan video *games*, pusat hiburan, pusat pelacuran. Kalau persepsi rakyat itu tidak bersih, walaupun pandangan kawasan itu bersih. Apa kriteria zon bersih?

**YB TUAN LIU TAN KHIEW** : Terima kasih. Saya memang bersetuju kalau kita katakan tempat itu bersih kita bukan sahaja masuk fizikal dan juga rohani, itu saya setuju. Tapi kriteria memang termasuk fizikal bukan sahaja longkang, bukan sahaja rumput dipotong, sampah mesti di buang mengikut jadual dan sebagainya. Selain daripada itu landskap juga kena cantik dan semua tempat sana kena kemas dan sebagainya. Termasuk, sepatutnya, tidak ada benda-benda yang dikatakan haram. Tetapi saya ingin memberitahu semua bahawa usaha untuk membanteras gejala sosial termasuk benda-benda yang haram termasuk Spa ataupun Rumah Urut yang tidak ada lesen ataupun ada lesen tetapi tidak mengikut peraturan itu boleh diwujudkan. Sebab itu, kita sentiasa menyeru pihak Polis bekerjasama dengan PBT kerana dalam hal ini, hal penguatkuasaan walaupun pihak PBT mempunyai kuasa penguatkuasaan tetapi dia hanya setakat memberikan kompaun. Kalau pemilik membayar kompaun atau benda-benda haram itu harus dipulangkan hanya polis sahaja, Pihak Polis sahaja ada kuasa untuk menahan, menyoal, menyiasat sampai membawa mereka yang bersalah ke mahkamah dan hanya Pihak Polis sahaja ada kuasa meminta SYABAS untuk memotong air, bekalan air, dan Polis untuk memotong bekalan elektrik dan sebagainya. Sebab itu, kita selalu menyeru semua pihak jangan katakan PBT sahaja kerana kuasa kita terhad. Memang PBT selalu sering kali membuat *rush* dan tindakan mengikut jadual kita. Jadi kita ada *details* itu, kalau YB hendak itu kita boleh bagi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Pemikiran kena bersih. Ya, Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih Tuan Speaker. Kajang menyambut baik program zon bersih atau kempen zon bersih ini, tapi rasa kecewa dan juga tidak begitu puas hati kerana macam soalan yang dibangkitkan oleh Bangi tadi, soalan yang dibangkitkan mengenai zon bersih di mana di Bangi sudah ada dilaksanakan program zon bersih. Ini bermaksud konsep zon bersih dan garis panduan fermentasi dan juga penilaian dari segi KPI KPI itu, kita masih kabur. Apakah tindakan EXCO dan juga jabatan berkenaan untuk mengadakan satu kertas yang siap sedia dengan garis panduan dan implementasi dan penilaian untuk dilaksanakan. Apabila kita tidak bersiap sedia dan kita laksanakan, bermakna kita tidak ada cara penilaian untuk terus meneruskan program sebegini jadi ini adalah satu teguran dan satu pertanyaan di mana adakah kita bersedia dengan persediaan yang cukup sebelum kita laksanakan. Sekian terima kasih.

**YB TUAN LIU TAN KHIEW** : Terima kasih Kajang. Apabila konsep zon bersih ataupun program dilancarkan Kerajaan Tempatan melalui UPEN telah memberi garis panduan yang secara kasarnya, secara umumnya telah diberikan kepada semua zon bersih. Semua PBT tiada *excuse* lah! katakan mereka tidak tau tidak faham garis panduannya. Kita bagi secara kasar dan secara umum kerana kita hendak memberi peluang kepada semua PBT dan semua yang terlibat dalam menjayakan zon bersih ini ada peluang untuk kreativiti tersendiri, kita tidak mahu memberi garis panduan yang tidak tetap dan boleh ditukar dan dipinda sebagainya, kita hendak kreativitinya. Sebab itu kita bagi secara umum dan kasar, tetapi selepas satu tahun saya rasa masa sudah sampai kita mengadakan satu garis panduan dan proses mengeluarkan satu garis panduan terperinci dan masih memberi peluang kepada PBT tertentu untuk mengadakan ruang kreativiti, kita akan keluarkan ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : PENGAMBILAN HUTANG SYARIKAT TALAM**

11. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Bersusulan dengan pengambilan hutang syarikat Talam, adakah kerajaan sudah dapat apa-apa hasil dari Talam dalam bentuk tunai atau harta pada setakat ini?
- b) Jangkaan berapakah tahun untuk Talam menjelaskan hutang?

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, terima kasih terhadap soalan yang saya anggap sangat popular dan dibangkitkan oleh Teratai mengenai pengambilan hutang Syarikat Talam. Dewan yang bersidang lepas sudah menetapkan bahawa Talam berhutang sebanyak tiga ratus sembilan puluh dua juta kepada Kerajaan Negeri. Itu yang kita terima untuk dimasukkan dalam akaun yang disatukan. Dan Kerajaan Negeri dan Dewan ini sudah menetapkan pengutipan hutang ini diserahkan kepada MBI untuk menyelesaikan perkara ini. Jadi Dewan kata Kumpulan Talam ada berhutang sebanyak tiga ratus sembilan puluh dua juta. Dan Talam bersetuju menerima keputusan tersebut dan menyatakan dia berhutang dengan Kerajaan Negeri dan melalui MBI supaya dia menyelesaikan masalah hutang tersebut. Sekarang dalam proses penyelesaian hutang, Talam bersetuju untuk menyerahkan aset-aset

kepada MBI supaya sama ada aset itu dijual ataupun dipegang, supaya dia dapat menyelesaikan hutang yang tiga ratus sembilan puluh dua juta ini. Aset-aset tersebut adalah aset yang boleh kita jual serta merta iaitu aset yang kita dapat kutip lima puluh juta terus, iaitu tanah Ulu Yam empat ratus ekar, saham di Ulu Yam Golf Resort yang mempunyai simpanan duit sebanyak empat persepuluh dua juta, dua belas ekar tanah di Puncak Jalil, lima unit ruang pejabat di Menara Pandan, tunai yang disimpan kita ambil daripada mereka sebanyak lima juta, pulangan kerja yang dibuat untuk UNISEL sebanyak tujuh persepuluh lapan juta. Kita dapat kumpulkan aset yang bebas sebanyak lima puluh tujuh persepuluh lapan juta dan kita baru umumkan duit itu sudah dapat di kumpul di MBI.

Selain itu kita minta aset-aset dari Talam, tanah seluas dua puluh lima persepuluh empat ekar di Bukit Beruntung yang sekarang ia di sebelah tempat TESCO dan TESCO membina sebuah tempat *distribution center* untuk itu dan PKNS bersetuju bahawa tanah itu dia juga membuat kilang penempatan kilang *distribution* yang bernilai enam belas persepuluh sembilan juta ringgit dan kita mengambil alih dua ribu dua ratus enam puluh tiga ekar tanah di Bestari Jaya. Kita juga mengambil alih satu ribu tiga ratus dua puluh dua ekar tanah di Bukit Beruntung dan mengambil alih seratus tiga puluh empat persepuluh dua ekar tanah di Danau Putra dan dengan tanah-tanah itu kita beritahu Talam kalau kita tidak dapat lagi jumlah akhirnya tiga ratus sembilan puluh dua juta kita ambil lagi tanah Talam yang lain. Jadi, itu cara pengambilan kita.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan ramai orang berminat untuk membeli tanah-tanah ini tetapi Kerajaan Negeri bercadang tidak terus menjual. Kerajaan Negeri bercadang untuk meluluskan program pembangunan tanah tersebut bukan cara jual tanah kosong tetapi tanah yang sudah ada rancangan pembangunan *building plan approval*. Dan apabila kita jual kita jual berasaskan *gross development value*. Jadi cadangan kita kalau tanah di Bukit Beruntung ini, kita nilai harganya sekarang empat ringgit hingga enam ringgit satu ribu tiga ratus dua puluh dua ekar, kita tidak jual dengan harga tiga ringgit ke empat ringgit ke enam ringgit tetapi kita minta Perancang untuk meluluskan rancangan tanah-tanah tersebut dan dengan kelulusan itu kita boleh tender dan harga yang terendah untuk tanah tersebut untuk MBI, kita boleh jual pada harga dua belas ringgit. Jadi penyelesaian ini menunjukkan kita sudah dapat harta-harta ini dipegang oleh MBI. Sebelum ini kita tidak ada. Kita cakap dalam akaun pun tidak tertulis.

Sekarang Kerajaan Negeri melalui MBI memiliki harta-harta ini yang bernilai sekurang-kurangnya dua ratus sembilan puluh dua juta dan orang pula bercakap Kerajaan Negeri menolong Talam mengambil hutang Talam. Betul, Kerajaan Negeri ambil hutang Talam tetapi Kerajaan Negeri dapat tanah-tanah ini bukan tolong Talam tetapi tolong Talam untuk ambil tanah-tanah ini supaya dia dapat kutip hutang. Dahulu tidak pernah buat macam ini sekarang sudah ada sebabnya saya bawa untuk Dewan supaya Dewan tetapkan yang Talam mesti bayar hutang ini. Jadi ada orang pula kata Dewan tolong selesaikan hutang Talam. Kalau selesaikan macam dibuat di Persekutuan hutang tiga ratus sembilan puluh dua juta dilupuskan itu dilupuskan. Jadi lepas itu tidak ada bayar-bayar lagi. Ini tidak, ia bukan dilupuskan. Ini hutang ditetapkan dan kena bayar. Ia bukan pelupusan hutang sebagaimana yang dibuat oleh projek-projek penswastan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan apabila syarikat itu tidak berjaya dilupuskan hutang. Dewan ini bukan melupuskan hutang Dewan ini mengiktiraf hutang tersebut dan mesti dibayar dan ini pembayarannya. Oleh sebab Kerajaan Negeri sekarang ada ketulusan saya juga dari semasa ke semasa mengedarkan harta-harta yang kita dapati dan berapa pula pendapatan daripada harta-harta ini dan pendapatan ini mesti jangan kurang daripada tiga ratus sembilan puluh dua juta ringgit. Duit itu yang lima puluh juta sudah ada di tangan MBI dan kita ada pula program penggunaan duit tersebut. Jadi duit ini kita hendak umumkan dalam hal program penggunaan duit ini tetapi tumpuan utama adalah untuk

mengembalikan duit ini kepada rakyat Negeri Selangor dalam program merakyatkan ekonomi. Sebab, hutang-hutang ini adalah hak rakyat Negeri Selangor.

Apakah pengajaran yang kita daripada program ini? Pertama, tanah-tanah ini asalnya adalah tanah Kerajaan Negeri yang diberikan kepada syarikat-syarikat ini, selepas itu Kerajaan Negeri beri kepada mereka ini bertujuan supaya mereka ini membangunkan tetapi dalam masa pembangunan itu Kerajaan Negeri pula buat satu skim, untuk pembangunan, iaitu buat dengan cara membangun umpamanya Kerajaan Negeri beri tanah kepada Talam di Bestari Jaya untuk membina UNISEL ataupun Kampus UNISEL tetapi sepatutnya tanah itu diberi kepada Talam, Talam bina UNISEL yang berharga lebih daripada enam ratus juta. Dalam keadaan itu Kerajaan Negeri buat keputusan lain, beri kontrak untuk membina Kampus tersebut kepada syarikat yang lain. Kawan-kawan daripada wakil itu boleh cek siapa kroni yang diberi kepada pembinaan ini di UNISEL. Jadi dia beri kontrak untuk pembinaan tersebut dan Talam kata pula kalau kontrak ini diberi saya nak tanah lain pula. Dan Talam tidak tunaikan tanggungjawab dia, Kerajaan Negeri dah beri tanah, dia tidak tunaikan tanggungjawabnya itu. Hal itu sudah kita ambil kira sehingga melebihi tiga ratus juta ringgit. Talam kata kerana dia tidak tunaikan tanggungjawab sebab kontrak itu sudah dilepaskan kepada orang lain. Kerajaan Negeri tidak terima alasan tersebut sebab hutang tetap hutang, jadi kita ambil. Itu pengajaran yang terpenting: kalau kita dah buat jangan masukkan lagi kontrak-kontrak yang menyebabkan Talam menyatakan kontrak itu bukan sebenarnya untuk dia tetapi untuk kroni-kroni dan di UNISEL masalahnya bukan sahaja kita beri kontrak untuk buat, kita carikan pinjaman pula untuk diberikan kepada pemaju tersebut dan pinjaman itu tak habis dan kontrak itu pun tidak dibuat dengan sebaik-baiknya. Ini hasil daripadanya. Walau bagaimanapun tugas saya, saya kutip duit daripada Talam dahulu, kemudian saya perbetulkan pembangunan di UNISEL mengikut nilai-nilai dan harga-harga yang ditetapkan. Jadi berapa tahun Talam menjelaskan hutang, bukan berapa tahun dan jelas dah ini kita kalau ini bukan kutip hutang berapa tahun, tak bayar kita ambil tanah dan kita boleh. Saya rasa dalam tahun ini dan pada awal tahun hadapan kita *starting to cash out*. Maknanya kita ambil duit itu tetapi bukan di Talam lagi duit itu sudah ada di tangan MBI. Jadi berapa tahun dan *target* kita adalah supaya kita dapat *cash in* ini dan banyak program rakyat yang boleh kita gunakan. Terima kasih.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO B. MAT JOHOR** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Paya Jaras.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO B. MAT JOHOR** : Tuan Speaker saya nak ulang balik soalan tambahan saya dahulu pada laporan STAR, laporan Bursa Saham pada 15 hb Mac 2010 menyatakan kita masih kekurangan seratus lima puluh juta *assessment* yang dibuat daripada Kerajaan Negeri dan juga laporan Audit yang dibuat oleh Talam. Kemudian saya memohon supaya kertas putih boleh diberi pada sidang dewan Yang Amat Berhormat supaya kita jelas dan telus. Dan tadi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah menyatakan beberapa perkara bagaimana hutang diambil pengambilan tanah dan sebagainya. Kalau boleh dalam masa terdekat ini tolong edarkan perkara-perkara tersebut. Sekian terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya memang menunggu permintaan tersebut sebab ini boleh menyebabkan saya nak menulis satu kajian kes untuk tatapan masyarakat bagaimana tanah-tanah ini sewenang-wenangnya diberi kepada orang. Selepas itu, dengan alasan pembangunan, pembangunan tak dapat tanah hilang, hutan berlambak. Jadi ini yang kita nak buat. Untuk ini, kertas putih yang dikehendaki mestilah dah ada *agreement-agreement* yang kita lakukan. Sekarang kita sudah mengumpulkan *agreement-agreement* tersebut dan hasilnya boleh diperoleh pada hujung tahun ini untuk ditatap oleh

Dewan dan menjadikan asas untuk perbincangan kita pada masa hadapan supaya perkara-perkara ini tidak dilakukan lagi. Ini juga menjadi pengalaman pada pegawai-pegawai kerajaan dalam kertas-kertas kerja mereka untuk menjustifikasikan pemberian tanah, pemberian kontrak dan semuanya. Sebab ini pengalaman. Saya dapati banyak perkara dinyatakan tidak ditulis dengan baik. Maknanya keputusan-keputusan EXCO itu agak terlalu *loose*. Tak ada sebab dia dipersetujui untuk diberikan kepada orang ni. Sebabnya tak ada. Mengapa tak ada? Jadi kita nak betulkan balik supaya ada rekod. Supaya kalau rakyat tanya mengapa kita beri pada Talam mengapa? Sayang kepada Talam kita kena tulis sayang. Atau ada sebab dia bayar dengan harga yang terbaik. Ada tender yang dibuat. Ada program yang dilakukan. Ini semua merupakan asas. Terima kasih kepada Paya Jaras dan mula membacakan perkara ini. Ini boleh memberikan kita ke satu tahap yang lebih baik lagi. Saya bersedia kini kita juga boleh memanggil audit negara untuk audit balik cara kita buat supaya esok audit pun tahu macam mana cara kita buat. Kalau dahulu cara-cara buat macam ini saudara panggil konsultan untuk buat. Ada yang bangkitkan pasal konsultan dan dapat pula 5% daripada kutipan hutang tersebut. Tetapi malangnya saudara dapat Menteri Besar tak perlu panggil konsultan. Dia buat sendiri. Jadi saudara tak perlu bayar saya pun. Saya seronok kerja saya ini.

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Penjelasan. Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Nantilah dululah belum habis jawab. Nak penjelasan tunggulah Menteri Besar duduk. Ye Seri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker saya mintak maaf dulu. Soalan saya tambahan kepada soalan YAB Menteri Besar tentang hutang Talam ini selain dari RM 400 juta (hampir 400 juta) yang Talam telah berhutang ini saya nak bertanya apakah ada lain-lain hutang oleh Talam yang belum lagi kita kenal pasti. Dan sekiranya ada apakah kaedah atau mekanisme yang akan diguna pakai untuk mendapatkan hutang ini dan selain daripada Talam mungkin ada syarikat-syarikat lain juga melakukan perkara yang sama. Tolong jelaskan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Ada juga beberapa kajian dibuat sama ada hutang habis dibayar ataupun tidak. Penyeliaan kali ini mengambil masa sebab ada bentuk-bentuk kontrak yang masih diragui. Walau bagaimanapun, kita sudah menandatangani perjanjian dengan kumpulan Talam dengan menyatakan kalau ada hutang-hutang lain mereka bukan bererti hanya 390 juta tetapi boleh ditambah mengikut masa. Walau bagaimanapun, saudara mesti ingat pembelian Talam ini, menyelesaikan hutang Talam ini adalah satu cara yang cepat bagi kita mengawal harta kita. Saudara tahu Talam boleh jadi *in liquidation* (dicairkan). Kalau *in liquidated* kita tak dapat apa-apa. Sebab itu kita lebih cepat sebab ia ada *voluntary liquidation*. Kalau dalam proses *voluntary liquidation* kita ni *debtors* punya *ranking* paling akhir. Sebab tak ada kontrak yang betul. Kita tak ada caj untuk aset-aset ini. Itu yang disebut *voluntary liquidation*. Kalau itu berlaku ia hanya sejarah kerana duit tak ada tanah pun tak ada. Sebab itu kita ambil cepat tentang perkara ini. Dan kita juga sekarang oleh sebab kita tunjukkan cara pembuatan ini banyak syarikat yang ada hutangnya dengan syarikat-syarikat dalam kumpulan MBI sudah secara *volunteer* datang untuk selesaikan. Sebab mereka tak nak bincangkan di dalam Dewan. Mereka tak nak. Mereka kata tak perlu bincang dalam Dewan kita selesaikan. Maknanya ada inisiatif untuk tak dibincangkan dalam dewan. Jadi dah mula datang dan kita kata ok lah you bayar tak payah bincang dalam Dewan. Kalau tak dimasukkan dalam akaun yang disatukan dan tiap-tiap kali dibincangkan dalam Dewan ada ramai.

Saya fikir akhir tahun ini MBI dapat menyediakan kertas kerja untuk menunjukkan cara pengutipan hutang-hutang yang lain. Jadi, ini sebagai beberapa contoh usaha untuk

menentukan bukan sahaja hasil Kerajaan Negeri ini daripada cukai-cukai pintu bahkan hasil daripada tanah-tanah yang kita uruskan untuk rakyat negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Dengkil.

**YB DATO' MARSUM BIN PAING** : Tuan Speaker soalan no. 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING  
(DENGKIL)**

**TAJUK** : **HAL EHWAL WANITA**

12. Kerajaan negeri merancang program “dari kebajikan kepada berdikari” dengan sasaran pendapatan ibu tunggal atau suri rumah RM 1,500 sebulan.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah Pusat Komuniti DUN yang telah ditubuhkan untuk melaksana program ini?
- b) Berapa orangkah ibu tunggal dan suri rumah yang telah terlibat dalam program ini?

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL** : Terima kasih Tuan Speaker bagi menjawab soalan daripada Dengkil ingin saya perjelaskan dahulu bahawa Pusat Komuniti Wanita adalah satu pusat yang ditubuhkan untuk memastikan setiap DUN mempunyai satu pusat untuk pengembangan dan pembangunan wanita yang mana premis pusat itu mestilah terdiri daripada premis daerah seperti daerah seperti dewan ataupun PBT. Yang keduanya adalah peralatan yang ada dalam dewan itu nanti akan disediakan oleh jawatankuasa wanita iaitu peralatan berbentuk masakan ataupun jahitan. Itu yang mesti. Dan yang ketiga seorang penyelia yang dinamakan oleh Ahli Dewan ataupun wakil dewan dan akan dipantau secara terus daripada Jawatankuasa Portfolio Wanita. Apa pun kriteria objektif penubuhan pusat komuniti wanita ini adalah untuk memberi sistem sokongan kepada wanita dan juga untuk memperdayakan wanita khususnya dalam bidang ekonomi. Yang mana sasarannya kita menumpukan kepada ibu tunggal, kepada suri rumah dan juga remaja-remaja perempuan yang kita dapati bahawa ada potensi untuk kita naikkan ekonomi keluarga dengan bimbingan yang baik insya-Allah mereka akan dapat membantu keluarga untuk meningkatkan ekonomi mereka. Dan yang ketiganya kewujudan ini adalah untuk mewujudkan wanita yang mengetahui hak dan peranan mereka secara jelas serta menyediakan satu mekanisme yang kukuh dalam menyokong kumpulan ini daripada segi kemahiran baik kesedaran undang-undang, keselamatan, kebajikan dan kewangan.

Oleh itu bagi menjawab soalan, sehingga Disember 2009 kerajaan negeri berjaya mewujudkan 10 Pusat Komuniti Wanita. Berikut adalah pusat-pusat Komuniti Wanita yang berjaya diwujudkan iaitu di DUN Ijok, DUN Jeram, DUN Hulu Kelang, DUN Kota Damansara, DUN Sijangkang, DUN Batu Tiga, DUN Morib, DUN Taman Medan, DUN Selat Kelang dan DUN Lembah Jaya. Mereka ini telah pun ada dalam pemantauan selama enam bulan dan Alhamdulillah kesemuanya yang kesepuluh-sepuluh bergerak dengan baik. Dan atas dasar itu kita menambahkan lagi tawaran ini dengan sasaran sebanyak sepuluh lagi tetapi yang kita dapati kenapa kita tidak buat sekali harung maknanya 56 DUN. Kerana kita nak pastikan yang mana ada ini dia beroperasi dengan baik mengikut mekanisme untuk melahirkan individu-

individu yang boleh menambah pendapatan. Jadi pada tahun 2010 kerajaan negeri telah pun menerima beberapa lagi kertas cadangan untuk menubuhkan pusat komuniti wanita dan antara kawasan yang memohon adalah DUN Batang Kali, Parlimen Sabak Bernam, DUN Sungai Air Tawar, DUN Batu Caves, DUN Sri Muda, DUN Sementa, Parlimen Ampang dan juga DUN Gombak Setia. Jadi itu soalan pertama dan kita mengharapkan bahawa sasaran 20 pusat komuniti akan berjaya ditubuhkan pada hujung tahun ini akan mendapat sebagaimana yang kita sasarkan. insya-Allah

Bagi soalan kedua. Dengkil bertanya tentang berapakah ibu tunggal dan suri rumah yang terlibat dalam program ini. Kerajaan negeri telah berjaya membimbing sekurang-kurangnya syarat maknanya dalam pusat komuniti wanita ini kita memberi satu syarat bahawa kumpulan sasaran yang perlu diambil untuk mengikuti kursus atau program dalam pusat komuniti wanita ini ada dua. Pertama adalah sasaran nama-nama yang telah mendaftarkan diri di dalam senarai ibu tunggal yang telah diambil dan ditempatkan dalam DUN-DUN atau pun pusat komuniti yang sedia ada. Yang keduanya kita buka kepada semua wanita di sekeliling komuniti tersebut sama ada suri rumah ataupun wanita yang berkerjaya tetapi ingin menambah pendapatan ataupun remaja-remaja perempuan yang kita lihat ada potensi untuk belajar kemahiran ini. Jadi untuk itu, untuk sasaran pertama iaitu kemestian daripada pusat komuniti itu kita mensasarkan setiap pusat komuniti dalam tempoh tiga bulan mereka mesti mengambil minimum 10 wanita yang telah ada, yang telah didaftarkan di bawah portfolio wanita. Jadi kalau kita lihat di sini Alhamdulillah pada *batch* atau kumpulan pertama kita telah pun berjaya mengeluarkan 100 wanita (wanita ibu tunggal) telah diberikan kemahiran ini dan untuk *batch* kedua kita sekarang dalam proses untuk tambahan 100 lagi. Sasaran ini adalah untuk mengelakkan kalau kita tengok pada tahun-tahun yang lepas wanita-wanita ibu tunggal yang dikenal pasti boleh menambah pendapatan ini hanya diberikan peralatan contohnya peralatan masakan ataupun jahitan dan mereka ini dilepaskan di rumah masing-masing untuk berdikari secara sendiri. Tetapi akhirnya mengikut kajian saya, akhirnya mereka ini terpaksa menjual peralatan tersebut sebab mereka tidak ada daya untuk mengeluarkan produk-produk mereka dengan baik. Sebab itu kita kumpulkan mereka terlebih dahulu dalam pusat komuniti wanita ini selama 3 bulan bimbingan skil membuatkan rangkaian (*networking marketing*) dan akhirnya mereka ini boleh setelah 3 bulan kita pasti mereka ini telah berjaya dan kita bagi barangan dan mereka boleh buat daripada rumah masing-masing. Jadi Alhamdulillah jumlah keseluruhan sekarang hampir 600 minimum telah pun berjaya. Minta maaf 200 telah pun dilahirkan sasaran kita daripada ibu tunggal dan inilah yang kita rasakan bahawa dengan wujudnya pusat komuniti wanita ini kita mengharapkan banyak lagi program-program yang kita boleh buat. Kalau dulu program-program ini disentralisasikan ataupun dipusatkan hanya setahun dua kali di peringkat negeri tetapi sekarang ini boleh buat tiap-tiap minggu di kawasan masing-masing di pusat komuniti ini.

Di samping itu kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita telah mengadakan beberapa siri latihan kemahiran jangka pendek iaitu bengkel sulaman kepada ibu-ibu tunggal dan serta suri rumah. Bengkel ini adalah bertujuan untuk memberi kemahiran jahitan jangka pendek kepada kumpulan sasar agar dapat menjadikan sebagai mata pencarian tambahan akhirnya membantu meningkatkan pendapatan isi rumah. Antara program yang telah dilaksanakan adalah 30 peserta yang kita pilih di sekitar daerah Klang yang dianjurkan oleh Pejabat Daerah Klang, 30 lagi di daerah Kuala Selangor dan 30 lagi di daerah Petaling. Dan mereka yang dipilih ini bukan saja ada potensi untuk menambah pendapatan tetapi mereka merupakan pelatih-pelatih yang akan datang atau dipanggil program-program ini adalah *training for trainers* dengan izin di mana mereka juga akan lepas ini mencari 10 orang yang akan mereka kembangkan skil ini dan kerajaan negeri turut mensasarkan agar program kemahiran jangka pendek ini akan diadakan di seluruh daerah Negeri Selangor dengan kerjasama

Pejabat-pejabat Daerah yang lain dan sekiranya mana-mana individu wanita yang berminat untuk memulakan perusahaan sendiri, kerajaan negeri menawarkan bantuan perniagaan melalui dana industri kecil, sederhana dan dana '*blue print*' kemiskinan yang terbuka kepada sesiapa yang layak. Bantuan ini diberikan dalam bentuk peralatan yang diperlukan oleh para peserta bantuan. Sekian, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Tuan Speaker, soalan tambahan saya nak bertanya tentang kepada Yang Berhormat EXCO yang berkenaan dengan status permohonan bagi Pusat Komuniti bagi DUN Sri Muda. Permohonan sudah pun dikemukakan 2 kali dan saya rasa sudah lebih daripada 6 bulan tetapi belum lagi ada tindakan atau pun apa-apa yang kita tahu berkenaan pembinaannya atau pun bila boleh kita beroperasinya hinggakan dewan yang kita peruntukkan ada di Seksyen 27 Zon B telah diguna pakai pula oleh Rukun Tetangga yang kebanyakannya adalah di dalangi oleh sahabat-sahabat kita daripada UMNO Cawangan. Jadi saya nak tahu, sampai bila kita kena tunggu dan apakah dewan yang kita cadang nak gunakan itu kita boleh ambil semula daripada pihak-pihak yang terlibat memandangkan kunci dewan itu walaupun berada di bawah kawalan PBT tetapi di pegang oleh mereka.

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Sri Muda, sebagaimana yang saya maklumkan tadi bahawa Pusat Komuniti Wanita ini memang di cadangkan tempat dan sebagainya oleh apa ini, ADUN masing-masing tetapi kita perlu juga melalui beberapa proses iaitu satunya premis itu akan di.. Pihak UPEN akan turun dan memantau premis tersebut. Ada kadang kalanya premis yang dicadangkan itu terlalu besar atau pun mengambil nanti tempat untuk dewan atau pun dewan orang ramai itu mengambil tempat untuk Komuniti yang lain-lain untuk menggunakannya. Jadi kita mencadangkan nanti tempat- tempat lain itu yang pertama premis. Yang keduanya tentang kadang kala bila satu permohonan itu diberikan kepada Jawatankuasa ianya tidak dinamakan sekali penyelia jadi kita terpaksa pula menunggu penyelia yang akan dinamakan. Dan penyelia ini bukanlah sebarang-sebarang kriteria yang kita boleh terima saja macam itu maknanya kita mesti mendapati bahawa mereka ini adalah individu yang boleh memastikan semua objektif yang telah disasarkan dalam Pusat Komuniti ini dapat dilaksanakan jadi kita perlu bimbing. Kalau ada yang telah yang dapat penyelia yang telah kita rasa *suite* atau sesuai kriteria itu, kita lebih apa orang kata, kita terus *adopt* kita terus ambil. Tetapi apa yang penting di sini mungkin Sri Muda merasakan bahawa 6 bulan permohonan ini, tetapi memang sasaran Jawatankuasa Wanita adalah selepas bulan 6 maknanya bulan Julai ini kita akan panggil kesemua permohonan yang kedua atau pun '*second batch*' ini untuk kita taklimatkan sebab bagi saya kita kena tengok kesesuaian 10 Pusat Komuniti yang lepas itu apakah ianya telah berjaya dilaksanakan dengan baik. Apakah halangan-halangan apakah permasalahan dan apakah *added value* yang perlu kita berikan supaya tambahan '*batch*' kedua ini tidak mengulangi kesalahan-kesalahan yang dibuat oleh Pusat Komuniti yang lepas. Jadi insya-Allah saya rasa isu Pusat Komuniti Wanita ini, kalau tidak silap saya hujung bulan ini memang ada satu program memanggil semua wakil-wakil yang telah dinamakan daripada 9 nama yang telah saya sebutkan. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Waktu pertanyaan sudah tamat.

### III. RANG UNDANG-UNDANG

#### Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) 2010 (Sambungan)

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan No. 2 2010.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sukacita saya ingatkan bahawa perbahasan di atas Rang Undang-undang ini akan dilanjutkan sehingga 1.00 tengah hari dan pihak kerajaan akan menjawab pada pukul 2.30 petang dan seterusnya kita akan pergi ke peringkat Jawatankuasa. Dipersilakan Kampung Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker, saya akan ringkaskan ucapan saya pada pagi ini. Semalam saya menyentuh tentang pemantauan pelaksanaan kontrak oleh KSSB. Tuan Speaker, saya ingin menegaskan bahawa kelalaian dalam pemantauan pelaksanaan kontrak ini akan menggagalkan usaha kerajaan untuk meningkatkan hasil pasir dan sumber-sumber semula jadi di Selangor. Jadi saya minta supaya kerajaan khususnya pihak yang bertanggungjawab untuk meneliti perkara ini. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang kemelut rundingan air di Selangor. Di dalam perbelanjaan perbekalan tambahan kedua ini, kerajaan telah membelanjakan 74 juta ringgit untuk bayaran bil air percuma dan cetakan kupon. Perbelanjaan ini mengingatkan saya tentang rundingan penstrukturan semula industri air yang masih berjalan pada masa sekarang tetapi telah menemui jalan buntu. Beberapa hari yang lalu, Timbalan Presiden UMNO Tan Sri Muhyiddin Yassin mengatakan bahawa kerajaan Negeri Selangor akan muflis berikutan kesilapannya dalam mengurus industri air di Selangor. Saya ingin mengatakan bahawa sebelum Barisan Nasional menuduh kerajaan Negeri Selangor bankrap dan muflis adalah baik untuk mereka melihat mereka sendiri. Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Seri Idris Jala telah mengatakan bahawa jikalau keadaan berterusan seperti sekarang Kerajaan Persekutuan pula yang akan muflis pada tahun 2019 bukan kerajaan Selangor tetapi Kerajaan Persekutuan. Dan ini kenyataan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri bukan Menteri atau pun EXCO Pakatan Rakyat. Jadi saya ingin membawa *point* ini, pertama sekali kalaulah Tan Sri Muhyiddin Yassin begitu prihatin dengan kedudukan kewangan Selangor dan juga kebajikan rakyat Selangor maka Kerajaan Persekutuan di bawah Barisan Nasional haruslah berunding duduk bersama dengan kerajaan Negeri Selangor untuk mencari jalan penyelesaian yang paling baik terhadap penstrukturan semula industri air di Selangor bagi melaksanakan hasrat akta industri perkhidmatan air 2006 atau nama singkatannya WASIAH supaya kita boleh menyatukan apa yang ada sekarang ini, 4 syarikat konsesi di satukan di bawah entiti dan dikawal oleh kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan harus juga mengenali satu fakta bahawa sumber air dan utiliti di negeri ini tidak akan dapat dilakukan dengan berkesan melainkan ianya melibatkan kerajaan Negeri Selangor.

Tuan Speaker, kerajaan Negeri Selangor dalam eksais ini telah membuat kalau saya tidak silap 2 kali tawaran harga untuk mengambil alih industri air daripada 4 konsesi ini. Tawaran harga yang pertama adalah sebanyak 50.7 bilion ringgit kalau saya tidak silap yang kedua 9 bilion ringgit, kemudiannya syarikat swasta SPLASH yang dikuasai oleh Gamuda menawarkan harga 10.75 bilion ringgit. Kesemua tawaran harga ini tidak di endah tidak diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan. Apa yang menarik ialah tawaran oleh syarikat pengeluar air Selangor Sdn Bhd (SPLASH) sebanyak 10.75 bilion ringgit telah mengesahkan bahawa pendekatan holistik sebenarnya boleh dilakukan untuk penstrukturan semula air ini dan harga yang ditawarkan oleh

syarikat ini tidak jauh dengan tawaran yang kedua oleh kerajaan Negeri Selangor. Apa yang lebih menarik lagi, tawaran oleh SPLASH ini langsung tidak menyentuh tarif air iaitu jikalau SPLASH mengambil alih struktur industri air di Selangor ini tarif akan dikekalkan sama. Jadi ini menunjukkan betapa seriusnya atau betapa realitinya tawaran harga yang dibuat oleh Negeri Selangor. Kerajaan negeri juga berpendapat industri perkhidmatan air boleh dijalankan dengan harga yang lebih rendah. Ini sekali gus bercanggahan dengan permintaan SYABAS untuk menaikkan tarif air sebanyak 37%. Persoalannya di sini ialah mengapakah kerajaan persekutuan membenarkan syarikat kroni menyalahgunakan industri air ini demi mendapatkan keuntungan tinggi? Mengapakah kerajaan persekutuan masih memberi pinjaman 320 juta ringgit kepada SYABAS apabila SYABAS menghadapi masalah kewangannya sedangkan pihak pengurusan SYABAS terus menerus menerima gaji dan bonus yang lumayan? Mengapakah kerajaan persekutuan pula menghalang usaha rakyat untuk mendapatkan laporan Audit SYABAS dan perjanjian konsesinya baru-baru ini? Mengapa kerajaan persekutuan merayu kepada mahkamah untuk menangguhkan penyerahan atau permohonan oleh MUTC untuk menyerahkan laporan Audit dan perjanjian konsesi ini?

Tuan Speaker, persoalan-persoalan saya ini kita ada satu jawapan iaitu selama ini kerajaan persekutuan langsung tidak berminat untuk meletakkan industri air di bawah mana-mana syarikat seperti SPLASH, kerajaan persekutuan juga tidak ingin meletakkan di bawah kerajaan Selangor yang sekarang ini ditadbir oleh kerajaan Pakatan Rakyat. Apa yang kerajaan persekutuan berminat ialah memberi konsesi air ini terus kepada SYABAS supaya SYABAS boleh teruskan perniagaan air ini di samping mengaut keuntungan perpuluhan juta ringgit malahan ratusan juta ringgit. Tuan Speaker saya juga ingin menyentuh tentang pelantikan pegawai-pegawai kanan di bawah kerajaan Negeri Selangor. Pada pendapat saya sekarang merupakan masa yang paling sesuai untuk kerajaan Negeri Selangor melakukan sesuatu, untuk memastikan perkhidmatan awam di Negeri Selangor bertaraf dunia.

Tuan Speaker, dari segi sejarah Selangor merupakan salah satu negeri dalam negeri-negeri dari bersekutu. Sistem persekutuan ini merupakan sistem persekutuan yang pertama di dalam sejarah Malaysia dan ianya dilaksanakan oleh pihak British pada tahun 1895 dan ianya bertahanlah sehingga pada tahun 1946 apabila Negeri-negeri Melayu Bersekutu bersama-sama dengan Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu digabungkan untuk membentuk Malayan Union dan seterusnya Persekutuan Tanah Melayu. Sistem persekutuan begini dikatakan mempunyai kesan langsung dalam pentadbiran kerajaan-kerajaan Negeri Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang. Dikatakan juga sistem Perkhidmatan Awam di keempat-empat buah negeri ini kebanyakannya bergantung kepada sistem persekutuan iaitu kerajaan persekutuan yang akan melantik pegawai-pegawainya ke dalam perkhidmatan awam di bawah keempat-empat buah negeri ini. Dalam erti kata lain Pegawai Tadbir dan Diplomat (PTD) yang sedang berkhidmat di Negeri Selangor sekarang merupakan pegawai-pegawai yang dilantik oleh kerajaan persekutuan selaras dengan fungsi dan semangat persekutuan.

Tuan Speaker, saya ingin meminta kerajaan negeri Selangor untuk memainkan peranan dan pengaruhnya dalam pelantikan kakitangan awam di Selangor dan tidak bergantung semata-mata kepada kerajaan persekutuan untuk membuat keputusan. Walaupun perkhidmatan awam merupakan kuasa kerajaan persekutuan, Tuan Speaker lebih-lebih lagi Negeri Selangor terikat dengan unsur-unsur sejarah dalam perihal pelantikan pegawai-pegawai kerajaan. Sebagai satu permulaan saya ingin mencadangkan kepada EXCO supaya kerajaan Negeri Selangor bertegas dengan JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) jikalau JPA ingin mengambil keluar pegawai-pegawai yang dapat bekerjasama dengan kerajaan Negeri Selangor, jikalau JPA memasukkan pegawai-pegawai yang mempunyai latar belakang politik kita harus tegur kita perlu meminta supaya pandangan kerajaan Negeri Selangor dihormati. Kita harus juga kelihatan tegas untuk

meminta JPA mengeluarkan atau pun menukarkan pegawai-pegawai yang tidak kompeten dengan kerajaan Negeri Selangor. Ini perlu dilakukan untuk memastikan rakyat di Negeri Selangor menerima perkhidmatan kualiti perkhidmatan awam yang paling bagus.

Tuan Speaker, saya mengalu-alukan tindakan kerajaan Negeri Selangor sekarang untuk menukarkan Pengarah-pengarah Jabatan dari PBT ke PBT. Langkah ini sudah pasti akan meningkatkan kualiti kerja semua pengarah di semua Jabatan di semua PBT. Walaupun begitu saya juga meminta supaya pertukaran sebegini dapat dibincangkan dengan wakil-wakil rakyat terlebih dahulu dan ianya tidak harus dijadikan sebagai satu kejutan kepada semua pihak termasuk wakil rakyat. Sekarang ini pegawai kerajaan juga terkejut wakil rakyat juga terkejut, jadi saya minta supaya ada satu bentuk konsentrasi. Sungguhpun begitu saya ingin menegaskan di sini bahawa kita tidak harus selalu menyalahkan pegawai-pegawai kerajaan apabila mereka tidak dapat melaksanakan sesuatu arahan ataupun tidak dapat menyelesaikan tugas-tugas yang diberikan kepada mereka. Saya memohon supaya semua pihak memahami tugas dan lingkungan tugas mereka supaya kita menyelesaikan masalah dan bukan menyalahkan mereka semata-mata. Saya juga menyarankan supaya Kerajaan Negeri Selangor untuk memperkasakan fungsi dan tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor atau SPANS saya telah meneliti Laporan Tahunan SPANS Tahun 2008 dan saya berpendapat bahawa SPANS sebenarnya boleh memainkan peranan yang lebih penting membantu kerajaan Negeri Selangor melantik penjawat-penjawat awam baru ke dalam jawatan-jawatan tetap dan berpenyen.

Tuan Speaker saya juga ingin menyentuh sedikit tentang alam flora di mana dalam kes ini memperuntukkan satu juta ringgit kepada Majlis Daerah Kuala Selangor untuk menjelaskan tunggakan kepada Alam Flora. Saya difahamkan tunggakan ini berlaku sejak beberapa tahun sebelum kita mengambil alih kerajaan. Ini dalam membawa atau mencerminkan satu kepincangan yang kita hadapi sekarang. Kerajaan Negeri Selangor harus berbicara memberi arahan kepada semua PBT sama ada PBT hendak menyambung kontrak kutipan sisa pepejal dengan Alam Flora atau tidak. Rata-ratanya Tuan Speaker prestasi kontraktor yang dilantik oleh Alam Flora masih belum menunjukkan prestasi yang memberangsangkan apabila tsunami politik melanda Negeri Selangor dua tahun yang lalu banyak mengharapkan satu perubahan, perubahan ini termasuk juga peningkatan kualiti dari segi perkhidmatan perbandaran, peningkatan kualiti dari segi kebersihan dan kutipan sisa pepejal ini kita sudah sampai masanya untuk kerajaan Negeri Selangor untuk bertindak secara proaktif dan bukan secara reaktif khususnya apabila Perjanjian Alam Flora dengan PBT di Negeri Selangor sebenarnya sudah berakhir dan sekarang ini hanya disambung dari setahun ke setahun.

Tuan Speaker paling banyak aduan yang diterima daripada pengadu adalah kekerapan kutipan yang tidak tetap dan longgar dan tidak bersih ataupun tidak pernah dibersihkan dari dahulu hingga sekarang. Saya menghargai sebenarnya tindakan cepat dan kerjasama yang ditunjukkan oleh pihak pengurusan Alam Flora dan apabila kita menerima sesuatu aduan tapi ini hanya satu tindakan yang dilakukan secara reaktif. Tidak, tak kan wakil rakyat yang kita ada sekarang ini kena membuat panggilan telefon kepada pegawai-pegawai Alam Flora apabila kita menerima aduan kita memerlukan satu proses pelantikan kontraktor yang lebih telus dan sebagai Kerajaan saya ingin menggesa kepada EXCO untuk bertegas dalam hal ini, siapakah kontraktor yang dilantik mengurus sisa pepejal, bagaimana mereka dilantik? Adakah proses pelantikan melibatkan Kerajaan Negeri Selangor? Bagaimana peranan PBT sebagai pembayar perkhidmatan? bukankah PBT berhak bersuara dalam hal pemilihan Kontraktor? Bolehkah PBT sekarang ini melantik kontraktor? Mereka sendiri secara terus menerus tanpa melalui Alam Flora inilah persoalan kita? Dan ini merupakan hasrat kita supaya ianya boleh dilakukan oleh PBT. Dan tidak lagi bergantung kepada Alam Flora. Tuan Speaker saya juga ingin menyentuh

sedikit tentang pembelian kontrak secara lantikan terus saya berpendapat *practice* ini perlu dibatalkan. Saya memuji Kerajaan Negeri Selangor menerima Integriti Pack yang diketengahkan oleh *Transparency International*. Dalam pada itu saya juga ingin mengingatkan kepada Kerajaan bahawa pemberian kontrak secara rundingan terus atau dalam perkataan lain, lantikan terus perlu dibendung dan saya ingin mengatakan bahawa praktik ini masih ataupun mungkin masih berlaku dalam agensi Kerajaan Negeri, saya telah menerima satu surat pada minggu yang lalu, iaitu satu salinan surat rasmi daripada sebuah agensi kerajaan kepada sebuah PBT di lembah Klang tentang pembelian kontrak berjumlah tiga juta ringgit daripada peruntukan MAIS secara lantikan terus surat ini bertarikh 31 Mac 2010 dan menerangkan sebanyak 27 kontrak yang diberi setiap satunya bernilai antara seratus empat juta ringgit hingga seratus tiga puluh sembilan ribu ringgit, saya meminta Kerajaan Negeri supaya menyasat kes ini, dan saya akan secara sukarela membuat satu salinan kepada Kerajaan Negeri untuk menyemak kes dan ini dan saya adalah lebih baik juga kalau Kerajaan dapat menubuhkan satu pasukan Audit untuk menyemak sama ada praktis-praktis ini masih berlaku di PBT-PBT yang lain, saya juga menerima aduan daripada Ahli-ahli Majlis tertentu bahawa terdapat juga pegawai-pegawai kanan di dalam PBT yang mempunyai hak untuk memberi kerja-kerja inden secara terus, cuba menggunakan kuasa ini untuk mendapatkan kerjasama Ahli Majlis semasa Mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa dijalankan.

Tuan Speaker saya membangkitkan perkara ini bukan untuk menyalahkan sesiapa, tetapi saya menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk menyemak semula supaya praktis-praktis lama seperti ini dapat dibendung di semua PBT di semua agensi dan sebagainya. *De-sequestration power* dengan izin atas budi bicara yang dibekalkan oleh pegawai-pegawai atasan, tertentu dalam agensi kerajaan, untuk memberi kontrak tidak boleh diteruskan lagi, kerana ianya akan mendatangkan pelbagai kepincangan, kecuali kalau beberapa syarat kecemasan di mana PBT atau pengarah perlu melakukan sesuatu, menyelesaikan sesuatu kecemasan, barulah beliau ada kuasa budi bicara untuk meminta kontraktor melakukan sesuatu, Tuan Speaker saya juga ingin menyentuh tentang pelantikan Ahli-ahli Majlis, saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor, supaya dalam untuk tempoh pelantikan yang akan datang ini sesi yang akan datang ini supaya ditetapkan satu *term limit* atau hak pelantikan Ahli-ahli Majlis di Selangor, memandangkan jawatan Ahli Majlis ini merupakan satu jawatan yang dilantik dan bukan dipilih melalui pilihan raya. Saya membuat cadangan ini dengan satu tujuan supaya peluang untuk menjadi ahli majlis ini boleh dibuka kepada mereka yang ingin berkhidmat ke peringkat akar umbi supaya peluang yang besar yang lebih banyak boleh diberi, saya juga menggesa supaya pelantikan ahli-ahli majlis ini boleh disaring oleh jawatankuasa pilihan khas mengenai Pihak Berkuasa Tempatan yang diketuai oleh YB Taman Medan. Saya berpendapat proses saringan ini adalah perlu untuk mencerminkan ketepikan ketelusan dalam memilih dan melantik ahli-ahli majlis supaya mereka yang dilantik ini adalah amat kompeten dengan itu saya mengakhiri mengakhiri ucapan saya dengan ribuan terima kasih. Saya berharap kerajaan dan EXCO boleh mengambil berat terhadap semua isi kandungan yang dibahaskan oleh saya tetapi oleh semua adun-adun yang bersidang di dewan yang mulia ini sama ada daripada Kerajaan ataupun pihak pembangkang, apa yang kita lafazkan di sini merupakan pandangan kita dari hati kita saya meminta supaya pihak EXCO dapat mengambil berat membuat catatan dan maklum balas yang sewajarnya. Terima kasih kepada Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Selepas ni saya akan had masa kepada 10 minit ya, saya minta Kota Damansara

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Terima kasih Tuan Speaker, Kota Damansara ingin menyertai perbahasan dan diharapkan bajet tambahan ini dapat membantu rakyat yang terpinggir dalam arus pembangunan, mengucapkan syabas kerana Kerajaan Negeri isytiharkan

Program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor, satu tindakan yang bijak saya sebagai Pengerusi Parti Sosialisme tertarik dan tetap menghormati persahabatan yang ada di antara PSM dan Pakatan Rakyat. Yang penting di sini sama ada kita dapat mentaksirkan apa yang sedang berlaku semenjak kita mengambil alih apakah ciri-ciri yang kita gunakan yang penting pada Kota Damansara adakah kita berjaya dalam usaha kita memperkasakan rakyat ataupun mengukuhkan lagi kuasa rakyat kerana pengalaman saya lebih tiga puluh tahun setinggaan, peneroka Bandar ladang, kilang isu memperkasakan rakyat dipinggirkan kita perlu kan mereka semasa pilihan raya selepas pilihan raya senyap begitu sahaja dan ini amat menyedihkan kerana pengaruh kerana kami yang beberapa tahun menunjukkan bahawa apabila rakyat diperkasakan mereka boleh memilih pemimpin yang lebih berkaliber dan boleh menyertai di dalam pembangunan Negara makin itu juga soalnya apakah pendekatan kita gunakan adakah penggunaan ini bercorak kebajikan *charity* ataupun *crisis oriented* memberi barang-barang tertentu sebagai bantuan sudah cukup mencukupi ataupun lebih dari itu, itu juga satu perkara yang harus kita fikirkan bersama kerana kita tidak mahu pemberian ini bantuan ini menimbulkan atau mengukuhkan lagi budaya pautan mungkin dipanggil subsidi *mentality* dengan izin ini amat membahayakan kerana rakyat tidak dapat berdikari dan juga ini juga boleh menimbulkan perasaan terhutang budi kerana ini adalah tugas kita untuk membangunkan masyarakat kita, juga telah disebutkan bahawa birokrasi masih menebal bukan tidak ada kerjasama yang kita nikmati tetapi masih lembap masih mengheret kaki hingga kadang-kadang kita merasakan sifat sabotaj atau tidak mungkin tidak tetapi oleh kelembapan ini atau sabotaj ataupun budaya yang ada ini menyebabkan kami merasa gelisah dengan pengalaman kami yang lepas selalunya golongan miskin tertinggal jauh ke belakang, ataupun masalah mereka peluang mereka tidak diambil kira selalunya memberi arahan tetapi meremehkan kebajikan rakyat maka itu juga kita harus memikirkan masalah rakyat miskin biar kita tahu yang rakyat 85% rakyat yang tidak membayar cukai tidak mampu pendapatan bawah tiga ribu isu *economic crisis* isu yang kaya menjadi lebih kaya, yang miskin papa kedana juga telah ditimbulkan pada masa yang lepas dan juga masalah kemiskinan antara kaum dan di dalam kuam sendiri, adakah kajian yang telah kita lakukan dengan terperinci agar kita dapat membantu mereka, masalah masyarakat miskin dari segi kemudahan asas Kota Damansara berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana memberi baucar untuk air tetapi isu kenderaan, transformasi kita juga harap ada baucar ataupun untuk membantu mereka yang miskin untuk pergi kerja dengan subsidi kenderaan juga kita juga berharap dalam keadaan sekarang ini masyarakat miskin menghadapi pelbagai tekanan khusus dari segi pinjaman rumah dan juga kenderaan sama ada Kerajaan Negeri dapat sambut kalau tidak mereka pergi ke ah long- ah long takut nanti dah putus jari dan putus tangan dan tidak dapat membayar dan seterusnya maka itu juga kita amat berharap sangat bahawa Kerajaan Negeri Selangor lebih peka terhadap keluhan rakyat yang miskin, maka itu juga kami merasakan bahawa masalah perumahan masih belum selesai, khususnya dari segi penyelenggaraan, masalah lif bukan tidak ada bantuan, tidak ada usaha tetapi kita kena menjerit kena tuduh sabotaj miskin dan berbagai lagi, barulah bergerak makanya tidak ada satu komitmen di mana kita menganggapkan bahawa golongan miskin ini adalah sebagai satu yang aset pada kita bukan liabiliti, dengan izin. Maknanya kalau jaga mereka dengan baik mereka juga boleh memberi sumbangan kepada pembangunan Negara, maka itu juga kita merasakan bahawa apabila mereka sudah pindah kawasan setinggaan, rumah panjang selepas itu, pangsapuri keadaan mereka duduk seolah-olah kawasan setinggaan juga. Ini amat menyedihkan, memang lah tidak ada satu inisiatif pihak-pihak kerajaan, pejabat daerah, PBT ke berlaku secara automatik mahu membantu, bukan tidak membantu tetapi mengheret kaki sedikit itu yang kami rasakan di peringkat kami dan kami juga berharap bahawa pihak-pihak berkenaan harus mengambil kira masalah masyarakat miskin kerana mereka sungguh tertekan dalam keadaan begini. Maka itu juga, ada juga masalah yang belum selesai di Kg. Berembang di mana kita janji untuk membantu masih lagi belum dapat membantu mereka, dan ada yang masih duduk di situ saya Kota Damansara berharap Kerajaan Negeri dengan perkara-perkara

ini dengan lebih serius lagi untuk membantu mereka agar mereka tidak tertekan lagi, kerana sudah lama mereka di sana. Kita juga memang ada yang dikatakan masalah, aa...*social safety net* ataupun cadangan pe... sosial bermaknanya kita harus ada tabung kecemasan untuk membantu. Malangnya kampung Melayu Subang, sejak April apabila berlaku banjir, telah kami tulis surat, main pas-pas saja, mereka masih belum dapat bantuan, dan ini amat menyedihkan kerana mereka akan mengatakan bahawa kita cuai, kita tak boleh buat kerja, zakat pun datang cuba memberi, dapat memberi bantuan, tetapi kita masih lembap. Bukan tidak ada tabung kecemasan, tapi apa guna tabung kecemasan kalau kita tak dapat menggunakan dengan serta-merta, dalam seminggu atau dua minggu, bukan nak tunggu dalam 2-3 bulan baru kita dapat tahu sama ada kita dapat, penduduk dapat atau tidak. Kerana kita telah bersuara tetapi nampak sangat macam wakil rakyat yang lembap walhal kakitangan-kakitangan tertentu yang tidak ambil berat dengan masalah yang telah disebutkan tadi. Juga adakah kita atau pendekatan yang kita gunakan ini bersifat hak asasi rakyat, mengambil kira berbagai-bagai perkara, peluang kerja, hak-hak golongan pekerja, mutu pekerjaan, keselamatan dalam, keselamatan dalam tempat kerja, gaji minimum, ya, kerap kali kita tidak sedar bahawa walaupun kita memegang jawatan yang tinggi, apabila kita menerima gaji, kita adalah golongan pekerja, janganlah kita cuba memisah-misahkan, ada kelas-kelas kan, bahawa kita adalah pekerja, apabila kita mendapat gaji. Maka itu juga, yang penting kita berusaha, Kota Damansara cuba juga berusaha di Lembah Subang mendapatkan penduduk di PPR untuk berbincang, apakah projek ekonomi yang mereka ingin lakukan dan tugas kami adalah untuk sebagai pemangkin, ya, dan peringkat kapital awal itu boleh kita ambil kira tetapi kita mahu mereka menentukan haluan mereka dan akhirnya kita memang minat kepada aktiviti ekonomi berkelompok. Mungkin satu masa nanti mereka memikirkan bahawa mereka memerlukan koperatif, kita akan bantu. Kami juga ada kawan-kawan NGO, yang sanggup bersama dengan kami untuk membantu mereka dari segi pemasaran dan seterusnya. Kami mengalu-alukan sumbangan NGO. Juga, kita perlukan satu pembangunan yang seimbang (dengan izin)..'*need for a balance development*'. Adakah kita melakukan untuk mereka ataupun bersama mereka. Kalau kita melakukan untuk mereka, kita bersifat elitis, macam kita tahu semua. Dan ini juga jadi masalah pada kita, ya...kerana kalau dalam keadaan tertekan, sebenarnya kita mesti ada hala tuju kita, prinsip kita, ideologi kita, mana kita nak bawak rakyat kita ni. Kalau tidak ada, dalam keadaan tertekan, kita akan kembali pada asal, takut lama di mana penindasan itu menjadi satu perkara yang lumrah. Juga apabila kita menyatakan merakyatkan ekonomi negara, ekonomi Selangor, kita juga mengharapkan memperkasakan rakyat itu adalah satu agenda yang terbesar di dalamnya. Ya, kerana banyak perkara yang harus kita fikirkan untuk cuba mereka menyertai dalam pembangunan. Memenuhi keperluan hakiki mereka untuk berdikari dan berinovatif, menyertai dalam proses untuk menentukan masa depan ataupun dalam *decision meeting*. Ini juga satu perkara yang penting kerana saya percaya, Kota Damansara percaya bahawa sekiranya kita tidak ada haluan kita kerana dunia kita ni memang ada hubungan-hubungan tertentu yang kita panggil hubungan galak tika yang bercanggah, bagaimana kita ingin menyatukannya. Isunya bukan (dengan izin) '*this or that*' tetapi '*this and that*' (dengan izin). Maka itu juga kita ambil kira segala-galanya supaya kita dapat menentukan ataupun mendapat ilham dengan cara yang lebih teratur lagi. Maka itu juga hubungan ini patut difikirkan bersama antara pertanian dan perindustrian, juga antara negeri dan pusat, isu federalisma pun telah ditimbulkan. Ataupun banyak diperbincangkan. Antara keuntungan dan kebajikan seperti mana juga yang kita ada, GLC, ya, matlamat utamanya adalah untuk kebajikan masyarakat yang terpinggir. Adakah mereka sudah tukar haluan, sekarang, program mereka lebih kepada keuntungan. Itu juga kita harus kaji kerana GLC tujuannya adalah untuk membantu rakyat secara kebajikan.

**PUAN SPEAKER** : Baik Kota Damansara..kata-kata terakhir.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Terima kasih. Yang penting juga kami berharap bahawa kerajaan negeri ya,aa..memikirkan dari segi cara-cara yang menyeluruh, holistik, seperti mana juga ada program-program seperti LA21..Local Agenda 21. di MBPJ, MBSA dan ada tempat yang lain, di mana diambil kira pembangunan secara menyeluruh di mana kita mengharapkan badan ini terletak lebih tinggi lagi supaya dapat membantu jabatan-jabatan lain agar apa yang diinginkan untuk membantu masyarakat adalah lebih teratur, bukan ..... ataupun mengikut jabatan-jabatan tertentu. Dengan ini Kota Damansara ingin menyokong usul ini. Terima kasih.

**YB PUAN LEE YING HA** : Puan Speaker

**PUAN SPEAKER** : Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA** : Terima kasih Puan Speaker kerana membenarkan Teratai mengambil bahagian dalam perbahasan enakmen perbekalan tambahan 2010. Teratai ingin menyokong usul ini kerana semua dana-dana yang digunakan untuk perbekalan ini adalah untuk rakyat dalam program merakyatkan ekonomi Selangor. Jadi sini Teratai hanya membukakan satu, mungkin cadangan atau mekanisme supaya dana ini ataupun wang-wang yang kita keluarkan itu adalah dipantau dengan satu mekanisme yang menyeluruh. Contohnya kita tengok di setiap PBT, kita terdapat 2 orang juruaudit. Sepatutnya mereka memainkan peranan yang penting untuk menyemakkan akaun dan proses di setiap PBT. Tetapi saya percaya di antara mereka tidak seorang pun nak bekerja dengan keras. Itu bukan kerana mereka malas. Sebab kalau semua juruaudit itu bekerja dengan keras, hari keesokan dia, kereta mereka akan diconteng dengan pelbagai gambar ataupun angin roda akan dilepaskan. Ini hakikatnya, jadi walau bagaimanapun, itu bukan cadangan saya untuk memecat mereka. Cuma setiap itu, juruaudit di setiap PBT, harus dipindah balik ke SUK. Supaya setiap bulan SUK hantar juruaudit ke PBT yang berlainan memastikan semua juruaudit tidak ada kepentingan peribadi di mana-mana PBT. Jadi, kalau pertukaran orang yang bertukar di setiap PBT, mereka tidak akan rasa diugut jika mereka betul-betul bekerja keras dan berhemah.

Walau bagaimana pun, kita juga ada satu jawatankuasa audit. Di sini kita nampaknya, jawatankuasa audit ini tidak berperanan dengan lancar ataupun berfungsi dengan baik. Ini kemungkinan di antara ahli majlis yang tidak faham cara-cara atau macam mana itu, bagaimana kah itu, juru, itu jawatankuasa audit berfungsi. Oleh itu, saya ingin mencadang supaya semua ahli majlis yang duduk dalam jawatankuasa audit diberikan kursus yang sepatutnya supaya mereka lebih faham peranan mereka. Puan Timbalan Speaker, prinsip ketelusan selalu diamalkan oleh kerajaan negeri Selangor. Kita ahli dewan negeri di sini, cuba sedaya upaya untuk menaikkan prinsip ketelusan yang diamalkan. Di samping itu kita juga berharap pihak kerajaan memberi peluang untuk kita mempraktikkan '*check and balance*' (dengan izin). Masalah sekarang ialah kita tidak ada maklumat untuk mempraktikkan '*check and balance*'. Contohnya isu kelulusan tanah atau TOL. Kita sebagai ahli dewan negeri di tempat masing-masing tidak tahu siapakah yang memohon tempat bawah, apa dewan negeri, apa, kawasan kita masing-masing, dan manakah yang dipohon dan diluluskan. Untuk membawakan prinsip ketelusan bukan cakap di mulut sahaja. Tetapi mesti disertakan dengan satu mekanisme supaya wakil rakyat yang terlibat dapat memantau situasi atau proses secara adil dan saksama. Dalam sidang yang lalu, Teratai telah pun mencadang supaya segala permohonan tanah atau TOL diberikan satu salinan kepada ahli dewan yang berkenaan tetapi kita masih tunggu jawapan.

Puan Timbalan Speaker, usul yang telah diluluskan pada sidang dewan yang lepas, iaitu yang dibawa oleh Y.B. Hulu Kelang untuk mewujudkan sistem pemantauan yang mantap dan

memastikan semua syarikat mematuhi peraturan-peraturan kerajaan negeri serta mematuhi amalan terbaik tadbir urus korporat Malaysia. Tapi pada pelaksanaannya belum nampak dengan jelas. Dengan itu, saya nak ulang sikit apa yang dalam perbahasan itu, Y.B. Hulu Kelang telah pun mengesyorkan agar kerajaan melantik sekurang-kurangnya seorang ahli EXCO ataupun ADUN untuk menjadi ahli lembaga pengarah bagi setiap GLC dan juga mencadangkan satu mekanisme bagi mengelakkan konflik *in interest* (dengan izin) tetapi dalam 3 bulan yang lalu saya terdengar dengan beberapa, ada beberapa ahli parlimen lah, dan ahli-ahli parti telah dijadikan sebagai *non executive director* GLC. Tahniah dan syabas dengan tindakan yang begitu cepat tetapi masalahnya kenapa ahli-ahli parlimen dan ahli-ahli parti yang bukan dalam negeri Selangor kenapa ahli-ahli dewan negeri di dalam dewan yang mulia ini tidak layak menjadi *director* ataupun *non-executive director* (dengan izin). Adakah pihak yang bukan dalam barisan pemerintah lagi faham kepentingan kerajaan? Malah saya di faham di antaranya ada yang memang dari negeri-negeri yang tidak kena mengena dengan Selangor. Teratai juga ingin tahu pada masa pelantikan adakah satu mekanisme yang boleh mengelakkan '*conflict of interest*' (dengan izin), yang disebutkan dalam usul yang lepas. Itu mekanisme sudah wujud atau belum. Sebelum kita melantik mereka, untuk mengelakkan *director* yang baru itu tidak menyalahgunakan kuasa. Puan Timbalan Speaker, tanah rizab sekolah, sudah beberapa kali teratai membangkitkan dalam dewan yang mulia ini. Dalam 2 tahun yang lalu, teratai juga beberapa kali mencadangkan supaya sebidang tanah di lot 2501 Taman Pandan Perdana, mukim Ampang daerah Hulu Langat diisytiharkan sebagai tanah rizab sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Memandangkan hampir 90% penduduk di Pandan Perdana atau persekitaran Pandan Perdana yang memerlukan sebuah sekolah Cina. Keluasan di lot 2501 Pandan Perdana, saiznya 2.65 ekar. Tetapi kalau sekolah itu merupakan sekolah komuniti, itu saiznya cukuplah untuk membina satu sekolah. Mungkin di antara ada sebahagian pihak menganggap sebidang tanah yang kecil ini tidak mencukupi untuk membina sekolah atau pun mengikut ukuran ataupun kriteria yang diberikan oleh EXCO kerajaan itulah terlalu kecil sebab EXCO kerajaan perlu membangkitkan sekurang-kurangnya 5 ekar tapi untuk sekolah komuniti 2.65 ekar memang cukup. Di sini saya juga ingin mengemukakan beberapa sekolah yang keluasanya kurang daripada 3 ekar. Contohnya sekolah rendah jenis kebangsaan Cina Chong Kok di Jalan Loke Yu, 2.1 ekar sahaja. Sekolah rendah jenis kebangsaan Cina Sam Yok di PBR Seri Alam of Jalan Sungai Besi hampir 2 ekar sahaja. Jadi tanah besar dan kecil itu bukan satu menunjukkan kualiti pelajar kita. Sekarang kontrak sewaan dalam tapak yang saya sebut di lot 2501 itu, telah pun tamat. Jadi Teratai ingin mewakili penduduk di sana mengesyorkan supaya kerajaan mengisytiharkan tanah tersebut sebagai tapak untuk sekolah rendah kebangsaan Cina. Jika kerajaan pusat menunaikan janji mereka pada masa pilihan raya iaitu meminta atau membina sekolah Cina yang baru, saya rasa ini tapak yang lebih sesuai dan boleh digunakan dengan serta-merta. Puan Timbalan Speaker dan ahli-ahli yang saya hormati sekalian, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya masih ingat dalam satu tahun sebelum ini seorang belia bekerja di pejabat EXCO di bawa ke SPRM untuk menjadi saksi. Semasa beliau pergi, dia masih hidup tetapi keluar sebagai suatu mayat. 16 Julai 2009, saya masih ingat hari itu sidang dewan negeri yang terakhir, sama dengan sidang dewan negeri kali ini. Mendiang Teoh Beng Hock dibawa ke SPRM dan mati dalam siasatan atau tahanan SPRM di Plaza Masalam Shah Alam. Sudah 1 tahun, keadilan belum dapat lagi. Dan saya berharap kita semua bersama-sama supaya berdoa untuk memberi semangat perjuangan kepada keluarga Teoh Beng Hock. Sekian sahaja, terima kasih.

**YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO** : Puan Speaker.

**PUAN SPEAKER** : Baik. Jeram.

**YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO** : Terima kasih Puan Speaker memberi peluang kepada saya Jeram mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang di Enakmen Perbekalan Tambahan. Tuan Speaker, Enakmen Perbekalan Bajet 2010 telah memperuntukkan sebanyak RM1,265, 250, 731 bagi perbelanjaan Tahun 2010 daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri. Kemudian, anggaran tambahan pertama 2010 telah dibuat di Dewan yang mulia ini pada bulan Mac yang lalu iaitu sebanyak RM 69 juta. Pada mesyuarat Dewan kali ini, Kerajaan Negeri membentangkan Enakmen Tambahan kali ke dua yang berjumlah RM 117 juta. Dalam tempoh 6 bulan sahaja, sudah 2 kali peruntukan tambahan dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Ini menjadikan, Tuan Speaker, jumlah besar yang terkumpul ialah sebanyak RM1, 451, 250, 731. Suatu pertanyaan timbul, adakah Kerajaan sedang meniti perbelanjaan bentuk berhemah atau perbelanjaan main belashah? Hakikatnya seronok berbelanja, jika ada duit. Kalau duit habis, jawabnya masuk angin keluar asap. Apa yang hendak saya tekankan di sini ialah, di samping Kerajaan mengemukakan perbelanjaan tambahan di manakah pula pendapatan tambahannya? Sehingga kini, kami, ADUN Barisan Nasional, ternanti-nanti apakah prestasi pendapatan kewangan Negeri, yang mewajarkan kita berbelanja lebih. Atau apakah sumber-sumber kewangan baru Kerajaan Negeri yang boleh menjustifikasikan permintaan perbelanjaan tambahan? Adakah kita dapat untung lebih, atau jualan pasir atau hasil kutipan tanah yang melambung tinggi kerana rakyat berpusu-pusu membayarnya? Atau hasil kewangan terkumpul, hasil inovasi institusi semacam Baitulmal yang masih belum kunjung tiba fatwanya. Atau hasil kutipan cukai pintu dan komersial di kawasan PBT yang melambung tinggi kerana masih belum turun dari 10 ke 20 peratus yang dijanjikan.

Sebagai tokoh Korporat yang mementingkan pendapatan, dan perbelanjaan yang seimbang, bagaimana perkara keseimbangan kewangan ini boleh terlepas pandang. Bukankah setahu saya, bila ada pendapatan baru ada perbelanjaan? Bila ada untung baru beri bonus? Bila dapat lebih, baru boleh berbelanja lebih? Inilah yang saya difahamkan, keseimbangan dan perbelanjaan berhemah yang kita sama-sama mahu lihat. Tuan Speaker, industri pasir yang tidak terkawal. Berkaitan soal pendapatan tambahan Kerajaan Negeri ini, saya sangat teruja sebenarnya, untuk terus membangkitkan masalah isu pasir Negeri yang semakin hari semakin meruncing keadaannya. Kita masih lihat dan kita masih ingat, takkan lupa tentunya bahawa dalam perbelanjaan Bajet Tahun 2009 yang juga ucapan sulung YAB Dato' Menteri Besar sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada bulan Disember 2008. Menteri Besar dengan penuh yakin dan bangga mengumumkan unjuran pendapatan sebanyak RM150 juta dari penjualan pasir pada tahun 2009. Namun, selepas itu Tuan Speaker, apabila ditimbulkan dalam persidangan Dewan Negeri pada bulan Mac yang lalu, EXCO yang bertanggungjawab, ADUN Kota Anggerik, memaklumkan kepada Dewan bahawa pendapatan penjualan pasir ialah sebanyak RM 31.09 juta. Untung sebelum cukai ialah sebanyak RM 8.21 juta. Royalti kepada Kerajaan Negeri sebanyak RM 5.769 juta. Cukai Korporat RM 2.05 juta. Sumbangan kepada Kerajaan Negeri RM 1.39 juta. Kemudian kita diberitahu, dividen kepada Menteri Besar yang diperbadankan atau MBI ialah sebanyak RM 0.350 juta. Ini bermakna Tuan Speaker dan Dewan yang mulia, untung bersih ialah hanya sebanyak RM 6.159 juta dan dari jumlah tersebut diberikan kepada rakyat melalui kutipan Kerajaan Negeri hanya RM 1.39 juta. Persoalannya, mana dia keuntungan besar? Dan pendapatan RM 150 juta yang digembargemburkan oleh Menteri Besar? Jika pendapatan pasir dijadikan sebagai ukuran, Dewan ini, minta maaf Speaker, sebenarnya tidak layak untuk mempertimbangkan sebarang bentuk perbelanjaan tambahan. Kita juga, Tuan Speaker, dimaklumkan bahawa Kerajaan menubuhkan anak syarikat negeri iaitu Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. untuk menjana keuntungan dari industri pasir di samping mengawal aktiviti pencurian pasir-pasir haram. Namun hakikatnya, sudahlah keuntungannya tidak seberapa, malah kita dikejutkan pula dengan pelbagai laporan dan siri-siri pencurian pasir secara bersiri, berepisod 1, 2, 3, di serata negeri. Terbaharu, hasil siasatan lawatan ADUN BN ke tanah berhampiran laman rekreasi Paya Indah,

*Wetland* di Dengkil, didapati satu lubang besar dijumpai dan sedang digali tanpa segan silu oleh pelombong-pelombong pasir. Dipercayai sebanyak 10 juta tan pasir dengan nilai RM 220 juta berjaya dikorek dalam tempoh 2 minggu sahaja. Hakikat ini Tuan Speaker, menyamai apa yang disebut dalam pendengaran SELCAT oleh Pengarah Eksekutif KSSB yang menyifatkan unjuran sebanyak RM 150 juta keuntungan sebagai satu angka misteri jika ia menjadi kenyataan. Negeri Selangor akan jadi musnah sama sekali, ini kata-kata oleh Pengarah KSSB. Bagi mendapatkan RM125 juta, kita perlu melombong 66 juta tan pasir setahun, atau menjual sebanyak 5.5 juta tan sebulan. Jika ini dilakukan Tuan Speaker, akhirnya Selangor akan musnah sama sekali. Akhirnya yang tinggal, cuma tinggal satu lubang yang besar di Negeri ini.

Saya semakin pelik Tuan Speaker, apabila akhbar Sinar Harian melaporkan kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemodenan, Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan sebagai berkata, beliau berkata, Ketua Pembangkang jangan campur tangan dalam urusan Kerajaan Negeri terutamanya isu perhubungan pasir sebaliknya selesaikanlah masalah UMNO terlebih dahulu sebelum nak tegur Kerajaan Negeri ataupun KSSB. Tuan Speaker, kita sebagai ADUN di Negeri Selangor bercakap soal pembangunan, soal hak rakyat bukan soal hak atau hal parti Pakatan Rakyat. Kita mempunyai alasan kukuh untuk memberikan pandangan atau teguran dalam hal ini. Jika hendak dikatakan zaman Barisan Nasional lebih teruk, apakah perbandingannya apa yang telah kita sama-sama lihat gambar raksasa yang terpampang di akhbar perdana dan di media elektronik tempoh hari. Semalam Tuan Speaker, sebuah lagi media elektronik turut menyiarkan sebuah lagi lubang besar hasil aktiviti perlombongan pasir yang meragukan. Tuan Speaker dan Dewan yang mulia, kenyataan seolah-olah mahu lari ini nyata hanya untuk memesongkan perhatian rakyat. Itu yang kita sedang fokuskan. Isunya ialah pendapatan pasir yang tidak mencapai sasaran. Isunya ialah pencurian pasir. Isunya, perlombongan berleluasa yang meminggirkan alam sekitar. Isunya, hasil rakyat dirompak dan sikap pimpinan Kerajaan Negeri yang seolah-olah melindungi perompak-perompak ini. Untuk itu, gesaan berikut sepertimana yang terkandung di dalam usul yang ditolak saya ingin paparkan di Dewan yang mulia pada hari ini. Yang pertama, saranan supaya memotong gaji YAB Menteri Besar Selangor sebanyak RM 10 dan kegagalannya memantau secara berkesan pengurusan KSSB. Yang kedua, Kerajaan Negeri hendaklah menyediakan kertas putih mengenai masalah pengurusan dan operasi KSSB dalam pengurusan industri pasir di Negeri Selangor. Yang ketiga, Kerajaan Negeri hendaklah menyusun semula panel pasukan Lembaga Pengarah dan pengurusan KSSB yang terbukti gagal menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan beretika selaras dengan nilai-nilai urus tadbir baik Korporat termasuklah menamatkan perkhidmatan semua Ahli Lembaga Pengarah dan Pengarah Eksekutif Syarikat seandainya perlu. Yang keempat Tuan Speaker, pemberian bonus dan Ahli Lembaga Pengarah dan pegawai-pegawai serta kakitangan KSSB hendaklah dihentikan serta-merta. Yang kelima, tindakan tegas hendaklah dikenakan kepada mana-mana pegawai dan kakitangan KSSB jika terbukti menyalahgunakan kuasa dan menyeleweng. Yang keenam, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Selangor dan semua Pejabat Tanah Daerah hendaklah menghentikan dan membatalkan permit pengeluaran pasir di kawasan-kawasan yang didapati tidak sesuai dan membawa bencana kepada Negeri Selangor di masa-masa yang akan datang. Permit-permit yang dikeluarkan kepada KSSB hendaklah dibatalkan dengan serta-merta jika terbukti berlaku penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Yang ketujuh Tuan Speaker, Kerajaan Negeri hendaklah memperkemaskan dan memantapkan pasukan penguatkuasa yang dianggotai oleh Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri ataupun Persekutuan yang berkait bagi membanteras aktiviti curi pasir bagi memastikan permit-permit pasir tidak disalahgunakan dan diselewengkan semata-mata. Jadi justeru, seruan saya pada diri saya sendiri sebagai rakyat Selangor, wahai Rakyat Selangor, sama-samalah kita ingat kalau kita tidak atasi perkara ini semua kita akan terus

melihat siri-siri pembentukan lubang-lubang besar dan kerosakan-kerosakan alam sekitar yang nyata dan jelas akibat aktiviti perlombongan pasir yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Speaker, yang kedua..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Jeram, kata-kata terakhir, sudah cukup masa, setiap orang diberi 10 minit.

**YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO** : Apa dia...Bagilah peluang sikit Tuan Speaker. Baru 10 minit.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya sudah beri peluang, saya minta supaya diberikan kata-kata terakhir.

**YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO** : 5 minit terakhir Tuan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Jeram faham tak apa yang saya beritahu?

**YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO** : Saya jangka, kata-kata terakhir ni 5 minit lah lebih kurang, Insya-Allah ya, terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER** : Saya benarkan hanya 30 saat sahaja.

**YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO** : 30 saat?

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya.

**YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO** : Bercakap ni pun dah 10 saat saya rasa Tuan Speaker. Macam tak beri saya cakap je sekali-sekali..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Masa berjalan sekarang Jeram

**YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO** : Dah lah cakupnya setahun sekali, disekat-sekat, tak apa lah Tuan Speaker, bercakap untuk kali terakhir pun terakhir lah.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih.

**YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO** : Jadi, secara ringkasnya, di samping masalah air, di samping masalah pasir, masalah kewangan PBT yang terhad, yang kita sedia maklum di mana PBT sekarang ini begitu mencengkam kekangan kewangannya khususnya rakan-rakan PBT yang dalam takrif Majlis-majlis Daerah. Oleh itu, Tuan Speaker, sebelum disuruh kali kedua, menutup ucapan saya, saya berdoa, Ya Allah selamatkan lah Negeri Selangor ini dari pembaziran dan perbelanjaan yang melampaui batas. Mari lah kita berdoa dijauhkan negeri ini dari bencana akibat kerakusan manusianya yang merobek pasir, meracuni hutan, serta meninggalkan lubang-lubang yang besar dan akhirnya anak cucu kita tiada tempat untuk tinggal akibat kerakusan dan kegagalan pemimpinnya mengawal keadaan. Tuan Speaker, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Tuan Speaker

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Tuan Speaker

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik, Batu Caves

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Baik, *Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum WKT* dan salam sejahtera, salam reformasi. Terima kasih Timbalan Speaker, Ahli-ahli Dewan yang mulia. Saya mengucapkan ribuan terima kasih bagi pihak warga Batu Caves kerana diberikan kesempatan untuk bersama-sama berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Tahun 2010 yang telah memberikan sejumlah RM 117 juta untuk proses-proses pembangunan dan projek-projek yang melibatkan pengurusan secara keseluruhannya Kerajaan Negeri Selangor. Tuan Timbalan Speaker, sesungguhnya sejarah Dewan Undangan Negeri ini bermula daripada sejarah Parlimen dan sememangnya salah satu dari tanggungjawab besar yang perlu dilaksanakan di dalam Dewan kalau kita ukur daripada sejarah sejak bermulanya di bumi Inggeris ataupun di tanah Rom, bahawa salah satu tanggungjawab utama Dewan adalah untuk meluluskan peruntukan-peruntukan negeri untuk ianya digunakan secara sah oleh pihak-pihak dan juga wakil-wakil dan juga jentera kerajaan bagi memastikan pentadbiran yang dilaksanakan itu boleh berjalan dan seterusnya mampu untuk diuruskan dengan cara yang berhemah.

Tuan Timbalan Speaker, sepanjang sesi Dewan pada hari ini, nampaknya kita berbahas tentang kewajaran satu jumlah ini untuk dibentangkan sebanyak 2 kali, jadi di awal ini saya ingin memberikan sedikit maklumat sebagai contoh timbang tara supaya teman-teman di pihak Barisan Nasional juga boleh melihat apakah dan bagaimanakah satu jumlah wang itu dikendalikan di pihak dan di bawah pentadbiran Barisan Nasional sebelum ini. Kita ambil Kerajaan Persekutuan, '*Federal*', pada tahun 2009, Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini. Kita ambil Kerajaan Persekutuan (*Federal*) pada tahun 2009. Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Najib Tun Razak telah menambah sejumlah RM67 bilion peruntukan tambahan yang juga dibuat dua (2) kali oleh Najib Tun Razak. Kali pertama sebanyak RM6 bilion yang dinamakan sebagai *stimulous package*, dahlah buat RM6 bilion dan tak ikut peraturan tetapi dibuat juga RM6 bilion itu dan akhirnya selepas ditegur oleh Speaker pada ketika itu, ia telah diterima dan dibuat pada November 2008. Tuan Speaker, November 2008 ini lebih kurang dua (2) bulan sebelum..... selepas pembentangan belanjawan pertama dibuat oleh Pak Lah ataupun Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri pada ketika itu. Jadi teguran itu juga sepatutnya diludahkan kembali ke muka Najib yang telah membuat peruntukan tambahan ataupun perbelanjaan tambahan sebanyak RM6 bilion pada November tahun 2008. Sekitar Mac 2009, tak lama selepas bulan November, Disember, Januari, Februari dan Mac. Mac 2009, Kerajaan Barisan Nasional telah menambah lagi RM60 bilion peruntukan tambahan dalam bentuk *stimulous package* ataupun *supplementary budget*, dengan izin dan berjumlah RM67 bilion. Kalau kita lihat peruntukan tambahan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2010 ini, daripada RM1.3 bilion lebih kurang yang telah dibentangkan dalam *budget* yang telah dibuat oleh YAB Menteri Besar akhir tahun lepas dan pertambahan ini telah mencecah menjadi RM186 juta iaitu daripada RM69 juta pada sesi pertama dan RM117 juta pada sesi ini. Jumlah itu hanyalah melingkungi 14.3% atau 31% dari sejumlah RM1.3 bilion. Tetapi pada tahun 2009, Kerajaan *Federal* di bawah Najib Tun Razak telah menambah 32.37% daripada sejumlah RM207.9 bilion.

Tuan Speaker, jadi usul tentang berapa banyak pertambahan dibuat, mengapa ia dibuat, ia wajar ditanyakan. Tapi bila dia nak tanya, dia kena tengok muka sendiri dan kena cermin tentang apa yang telah berlaku dan menilai apa yang sedang kita lakukan.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Tuan Speaker. Seri Setia nak bertanya?

**TUAN SPEAKER** : Silakan, Seri Setia.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Saya nak bertanya. Mungkin kita boleh buat satu (1) kelas kira-kira untuk rakan-rakan kita di sebelah sana yang mungkin mereka tak faham jumlah tersebut.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih, Tuan Speaker. Sebab itu.....

(mencelah)

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tuan Speaker, minta laluan. Tuan Speaker?

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Kejang, kejang saya nak jawab ni dulu, nanti saya buat .....

(mencelah)

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tak saya nak cakap, kita sebagai ADUN berhak bercakap. Ini pasal pengurusan Kerajaan.....

(loceng dibunyikan).

**TUAN SPEAKER** : Templer, Templer..... Kena minta izin dahulu. Dalam Dewan ni ada peraturan. Sila duduk dulu, duduk. Ha, terima kasih

(mencelah)

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Templer, Templer..... Ini *floor* saya.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Bukan, nak cakap tentang pengurusan wang Negeri Selangor.....tak payah nak cerita Pusat, itu pasal kena pecat jadi ..... kerja sendiri tak buat.....

(loceng dibunyikan).

**TUAN SPEAKER** : Saya amat hairan, Ahli Dewan Negeri daripada sebelah pembangkang.....

**TUAN SPEAKER** : Templer, sila duduk. Templer, ada peluang. Jangan bertindak di luar batasan.....

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Timbalan Speaker, Timbalan Speaker. Ini *floor* saya.

**TUAN SPEAKER** : Anda semua adalah Ahli Dewan Negeri, bukan budak sekolah. Kita ada peraturan, kalau ingin bercakap kita beri giliran. Tunggu dulu, silakan.....

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tuan Speaker, saya baru sentuh sedikit.....

**TUAN SPEAKER** : Saya ingin memberi amaran kepada Ahli Dewan Undangan Negeri supaya mengikut peraturan. Jangan mengeluarkan kata-kata yang boleh menyebabkan awak diambil tindakan, jangan sengaja mengeluarkan kata-kata tersebut.

**YB. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Tuan Speaker, penjelasan.....

(loceng dibunyikan)

**TUAN SPEAKER** : Batang Kali, saya tidak minta jawapan daripada Y.B. Sila duduk. Sila duduk. Batang Kali, semua melihat perangai dan tindakan seorang Ahli Dewan Negeri di dalam Dewan yang mulia ini, memalukan. Teruskan Batu Caves.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih. Saya belum habis, sabar Templer dan teman-teman Batang Kali. Saya belum habis, itu baru sentuh. Kita pergi daripada atas dahulu baru kita rujuk ke bawah. Sabar ya. Terima kasih, Seri Setia. *Insyallah*, saya nak sambungkan kira-kira dan cita-cita ini supaya kita sama-sama muhasabah. Bukan saya tak nak tegur tapi saya tegur kalau sampai masanya kepada Kerajaan Negeri sebab tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan juga menegur dan *check and balance* dan periksa Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri. Memang tahu, sabar, sabar Batang Kali. Kita lihat juga pada tahun 2008, satu (1) *budget* yang telah dibentangkan oleh kepimpinan Barisan Nasional di Negeri Selangor, di Negeri Selangor. *Budget* yang berjumlah RM1.3, lebih kurang.....bilion ringgit Malaysia dibentangkan oleh Sungai Panjang pada ketika itu sebelum Pilihan raya dan sebelum pembentangan belanjawan tahun 2009 yang dibuat oleh YAB Dato' Menteri Besar. Kita terpaksa meluluskan peruntukan belanjawan sebanyak.....tambahan sebanyak RM178 juta. Ini juga dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Dan sebahagian daripada rekod yang kita dimaklumkan, pada tahun 2008 itu, kalau disebut tadi perancangan *semerono* ataupun main lepas, ia bukan soal berapa kali kita buat tetapi kalau dinilai angka 178 ini, apa bezanya dengan apa yang kita buat sekarang ini? Dan kalau kita lihat juga pada tahun 2007, daripada peruntukan belanjawan RM1.15 bilion, Kerajaan Barisan Nasional di bawah Khir Toyo pada ketika itu juga, kalau kita lihat nilai *reserved* nya pada ketika itu juga tak banyak beza. Mungkin kurang daripada *reserved* yang ada pada Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang ini telah menambah sebanyak RM202 juta, walaupun dibuat sekali sahaja peruntukan ataupun perbelanjaan tambahan. Jadi kepada teman-teman yang ada, kita ambil timbang-tara ini. Janganlah kita mengambil sikap dah tambah dua (2) kali tapi kita ambil angka, kita tengok peruntukan dan daripada jumlah itu sebenarnya mencecah hampir 17.56% daripada angka belanjawan pertama. Pertambahan angka belanjawan pertama RM1.15 bilion, sebanyak 17.6 atau 17.56 itu diambil dan ditambah daripada jumlah RM1.3 bilion ditambah kepada satu angka yang lain.

Tuan Speaker, sebab itu dalam pada itu, saya juga setuju dengan cadangan beberapa wakil kita supaya kita berhati-hati di dalam perbelanjaan dan termasuk berjaga-jaga di dalam memastikan peruntukan-peruntukan yang diguna sebagai amanah wang rakyat ini tidak dilaksanakan dan kalau betul sangat selama ini hujah daripada Barisan Nasional yang mengatakan mereka mempunyai perancangan yang terbaik, kenapa tambah sampai RM202 juta, tambah kepada RM178 juta sebelum ini di pihak Negeri Selangor Darul Ehsan. Dan kalau kita lihat di *Federal government*, mereka tambah sampai 32.37% daripada nilai RM207.9 bilion yang telah dibelanjakan.

Tuan Speaker, ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian. Pun begitu, itu bukanlah bermakna bahawa Kerajaan Negeri pada hari ini sempurna. Saya setuju dengan beberapa perkara agar kita mengambil perhatian, agar setiap peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri mampu untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat secara keseluruhannya. Tentang peruntukan sejumlah RM7 juta yang telah diperuntukkan untuk membina laluan masuk jalan di kawasan projek perumahan Bukit Beruntung yang diwarisi daripada kelulusan *semerono* Syarikat Talam oleh pentadbiran lepas. Ini adalah satu bahana dan najis terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang. Kegagalan syarikat yang telah diberikan tanah yang cukup besar berjumlah RM7 juta pula ditanggung oleh kita. Dan saya nak bertanya kepada pihak Kerajaan, sejauh mana kewajaran RM7 juta ini didahulukan kerana kita terpaksa dan didengarkan bahawa kos pentadbiran ataupun pengurusan jalan itu berjumlah lebih daripada RM10 juta ataupun RM20 juta. Jadi RM7 juta daripada RM20 juta yang digunakan untuk membina jalan tersebut, sejauh mana ia mampu untuk dijadikan sebagai *based*, dengan izin atau sebagai asas kepada projek-projek itu dan bagaimana.....

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Tuan Speaker, penjelasan?

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : ..... dan bagaimana pula..... sebentar, sebentar. Dan bagaimana pula jika kos-kos yang lain-lain itu bertambah dan akhirnya boleh menyebabkan masalah-masalah yang terpaksa kita tambah kepada projek ini ataupun masalah ini. Sepatutnya beban ini diberikan kepada Syarikat Talam Corporation untuk memastikan mereka menjalankan tanggungjawab yang telah diabaikan. Sila, Batang Kali.

**TUAN SPEAKER** : Silakan Batang Kali.

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Terima kasih, Batu Caves. Cuma saya tertarik dengan Jalan Bukit Beruntung tadi. Kita baru nak bincang nak lulus RM7 juta tetapi Y.B. Batu Caves tahu? Pelantikan kontraktor telah pun dibuat dan *signboard* telah pun dipasang di tempat projek ini akan dijalankan. Bagaimanakah ketelusan oleh Kerajaan Negeri pada hari ini? Belum lulus *budget* tetapi telah pun dilantik kontraktor dan *signboard* pun telah dipasang. Saya inginkan pendapat daripada Y.B. Batu Caves, terima kasih.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih, pihak daripada Batang Kali. Saya rasa pihak Kerajaan perlu menjelaskan hal itu dan ia wajar sesuai dengan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Namun, kalau kita nak nilai Batang Kali daripada peruntukan tambahan 2009 yang kita buat kali pertama, Kerajaan Negeri terpaksa untuk membayar peruntukan hampir RM200 atau RM400,000.00 untuk pembinaan jalan dan pembinaan jejantas di Simpang Tiga, Ijok yang dibuat pada tahun 2007. Di buat tahun 2007, semasa itu Pilihan raya Kecil Ijok, Tan Sri masa tu bertanding dan kalah tapi itu adalah gula-gula Pilihan raya yang dibuat oleh Barisan Nasional dan sama-sama jua kita periksa tentang itu.

Tuan Speaker atau Timbalan Speaker, Ahli-ahli Dewan yang budiman. Keduanya tentang peruntukan tambahan untuk bantuan am Negeri. Saya sangat setuju tentang peruntukan ini, apatah lagi untuk memastikan dana yang sepatutnya dibantu kepada wakil-wakil Negeri mampu untuk kita uruskan dan untuk kita berikan. Cuma saya ingin menyambungkan balik kekesalan yang telah berulang kali kita sebutkan bagaimana sikap dan pengurusan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang nampaknya tidak begitu memberikan perhatian terhadap wakil-wakil kita, ADUN-ADUN dan juga perwakilan-perwakilan kita di peringkat kampung dan taman untuk memastikan bantuan itu disalurkan. Berulang kali saya pernah sebutkan dan mengapa hal ini masih lagi berlarutan. Tentang apabila kita hantar laporan dan juga permohonan kebajikan masyarakat, berulang kali ini peruntukan *Federal* dan perlu mendapat tandatangan daripada

Templer untuk di Batu Caves. Saya bukan nak marah dengan Templer, tempat pun dekat, tak jauh. Tapi masalahnya, mereka ini perlukan peruntukan, apa salahnya? Kalau dasar ini tidak berterusan, berlaku dengan sikap tidak hormat terhadap pentadbiran Kerajaan Negeri, wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat. Saya kira ini bukan satu corak dan pentadbiran yang matang. Jadi saya minta kepada EXCO yang berkenaan, bagaimana untuk kita atasi hal ini? Saya rasa sudah cukup, ini bukan soal Politik. Orang-orang minta borang Jabatan Kebajikan Masyarakat di Pejabat Khidmat saya dan saya percaya kepada rakan-rakan perwakilan Pakatan Rakyat. Kita tidak pernah tanya nombor ahli UMNO ataupun nombor ahli MCA. Yang kita tanya, kita serah kepada JKM, JKM kena siasat. Tapi bila ada beberapa orang hantar, ini wakil daripada Pejabat DUN, oh....tak boleh, Pejabat DUN Batu Caves. Saya dah berulang kali sebutkan hal ini dan hal ini masih lagi berlarutan dan saya kira kalau sampai ke tahap yang sepatutnya, saya kira kita perlu memikirkan satu *mekanisme* termasuk menyalurkan mengikut kepada mekanisme dan juga agensi yang kita laksanakan sendiri kalau tidak mahu bekerjasama. Tuan Speaker, Timbalan Speaker.....

**TUAN SPEAKER** : Baik Batu Caves, kata-kata terakhir?

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Kata-kata terakhir saya, saya juga tertanya-tanya “di dalam jaga, ku tercari-cari, di dalam tidur ku termimpi-mimpi”. Tentang kalau boleh *budget* tambahan ini juga berkaitan dengan banjir. Batu Caves sering kali diserang mimpi yang agak mengerikan bila banjir turun, nak tidur sedap tapi mata tak boleh lelap sebab ada beberapa kawasan di kawasan saya yang kerap kali dinaiki air. Masalahnya mudah, ada sebahagiannya disebabkan oleh Sungai Batu dan Sungai Udang yang bertemu di sesuatu tempat dan menyernak, air itu naik ke atas. Kalau pun bantuan sebanyak RM7 juta ini, saya minta tambahan satu (1) minit. Saya minta untuk juga diperincikan lagi untuk bantuan-bantuan banjir kilat yang saya berulang kali sebut bila kita minta bantuan banjir, sering kali Jawatankuasa Bencana Daerah mengatakan banjir kilat tidak termasuk daripada skop dan bantuan-bantuan yang boleh disalurkan sedangkan masalah kerugian serta bahana yang menimpa kepada rakyat di kawasan Batu Caves dan juga di kawasan-kawasan lain di Kampung Melayu, Kampung Baru satu ketika dahulu, sekarang ini di Kampung Laksamana, Kampung Sungai Kertas di Batu Caves itu sangat-sangat berterusan dan bila hujan turun boleh dikatakan hampir empat (4) bulan ataupun tiga (3) bulan sekali banjir akan naik. Ia memerlukan peruntukan untuk infrastruktur dan saya kira pada ketika ini juga ia memerlukan peruntukan untuk bantuan bencana yang telah mereka lalui lebih daripada 10 ataupun 20 tahun. Jadi, saya mohon kepada barisan EXCO dan juga pihak Kerajaan Negeri meneliti dan melihat persoalan-persoalan yang dibangkitkan dan sama-sama kita merancang untuk memastikan masalah-masalah yang berlaku dalam Negeri kita ini berjaya kita aturkan. Akhirnya, saya berharap semoga kita bersama-sama berhati-hati termasuk pembohongan-pembohongan yang dilakukan tentang isu pasir sebagai contoh, tadi rakan saya, nama dekat sama tapi perkara benda lain. Contoh, kalau disebut tentang 20 juta pasir,... (...Batu Caves ringkaskan..).. sekejap, sekejap, melibatkan hampir 10 juta tan pasir, 10 juta tan pasir memerlukan hampir 500 ribu muatan lori keluar dalam tempoh 2 minggu, pakai logik apa. Mereka ini guna gajah dan jin Sulaiman mana sampai 500 muatan lori ini keluar, kawah besar dan sebagainya. Disebutkan tadi tentang kawah ini sebagai satu lubang besar, inilah satu lubang pembohongan besar yang telah dilakukan oleh Ketua Pembangkang nampak di sana...(..Tuan Speaker..)

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terima kasih kepada sahabat saya, sama nama pendirian mungkin berbeza, sama-sama dekat SUKMA dia menang saya pun menang, insya-Allah. Berkaitan dengan masalah isu bilangan tadi tu kalau biar perangkaan, saya pun dari perangkaan, jadi terpulanglah siapa nak belajar dengan siapa, insya-Allah saya pun boleh ajar. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Saya tak tahulah berapa...ini *last, last*...boleh.

**TUAN SPEAKER:** 30 saat sahaja.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Saya tak tahulah perangkaan, tak tahulah kalau Jeram ada syarikat pasir sebelum ini, tapi saya tidak ada perniagaan pasir, saya lihat kepada satu angka yang telah dijanjikan oleh

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan speaker, Tuan speaker, minta laluan.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Saya masa tak ada.

**TUAN SPEAKER :** Sg. Burung, nanti Sg. Burung boleh cakap.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ya lah saya nak ajak nak pergi tengok, kalau nak pergi tengok, kalau kita sebagai prihatin...saya boleh tunjuk tempat nya, saya boleh tunjuk tempatnya.

**TUAN SPEAKER :** Sg. Burung bila saya beri keizinan untuk bercakap.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Dia kata dia nak tengok, dia cabar...bohong.....(Batu Caves, sila ....) kita boleh *phone*, tengok kawasan... (sila)

**TUAN SPEAKER:** Sila.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Sg. Burung, Sg. Burong sabar, saya tahu Sg. Burong rapat dengan Sg. Panjang. Sabar, saya nak terangkan 10 juta tan ini ...(bohong..)10 juta tan ini kalau mengikut kata pakar yang saya rujuk daripada pakar, yang saya rujuk daripada laporan yang dibuat oleh PSSB, sebab itu semua Ahli Dewan kena faham dan baca berita dan dengar dan tengok laporan berita, jangan baca Utusan Melayu sahaja, tengok disebut kalau ikut kira-kira asas, kata dia kalau nak keluarkan 10 juta tan metrik pasir 500 ribu muatan lori. Jadi saya pun nak tahu macam mana, saya pun salah nanti kalau PAC ke kalau nak pergi melawat, saya sedia lawat, tak ada masalah.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Speaker, boleh minta laluan...dah, lepas ni dah habis dah...masa tak cukup, kalau *gentlemen* bagilah laluan. Kita bahas...

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Kalau Timbalan Speaker bagi masa lagi bolehlah .....

**TUAN SPEAKER:** Saya minta Batu Caves habiskan perbahasan.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Apakan daya nanti kita bincangkan di luar. Sebab itu saya sangat prihatin isu pasir ini kerana ia melibatkan dana dan hasil negeri yang cukup banyak. Keprihatinan Barisan Nasional juga saya ambil perhatian tetapi fakta sebagaimana yang saya sebut dalam bajet tadi. Faktanya nampak betul di awal, tetapi di *half true* dengan izin. Begitu juga dengan isu pasir, saya tak cakap fakta itu salah secara keseluruhannya tetapi mungkin ia *half true* secara keseluruhan. Jadi saya minta kita sebagai ahli yang waras dan kepada Ahli-ahli Dewan semua dan pemerhati Kerajaan kita timbang secara timbang tara yang

betul dan insya-Allah kita boleh membuat keputusan yang terbaik untuk Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Sekian, saya mohon menyokong.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Sepaker... Tuan Speaker....

**TUAN SPEAKER** : Baik Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Terima kasih Puan Speaker. Saya akan memendekkan perbahasan saya dengan menumpukan dalam perbahasan enakmen perbekalan tambahan ini tentang Kerajaan Negeri walaupun kita telah dengan inisiatif kita telah merancang lima pakej rangsangan ekonomi Negeri Selangor tetapi pada masa yang sama seperti apa yang dibahaskan oleh ADUN-ADUN Yang Berhormat sebelum ini, Kerajaan Negeri patut juga memberi keprihatinan atau keutamaan terhadap macam mana kita hendak menjana sumber pendapatan ataupun sumber ekonomi bagi melancarkan segala polisi dan program yang telah dirancang. Dan saya ingin menumpukan terhadap projek usaha sama di peringkat PBT dan GLC yang sebelum ini mendatangkan kerugian kepada baik di pihak PBT ataupun Kerajaan Negeri ataupun rakyat ataupun pembeli yang membeli projek-projek tersebut atau unit rumah atau kedai supaya diberi keutamaan dan saya dengan khasnya ingin memetik satu laporan yang dibuat oleh laporan Ketua Audit Negara tentang aktiviti jabatan agensi dan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2008 dan ini adalah berlaku di Shah Alam. Satu projek penswastaan pembangunan tapak kuarters Seksyen 20 Shah Alam dan dalam laporan audit ini muka surat 218 sampai w293 dengan begitu perinci telah pihak Ketua Audit Negara menyatakan projek usaha sama ini macam mana dilaksanakan bermula dalam tahun 1994 dan sampai kini projek ini telah dikatakan dikategorikan sebagai projek terbengkalai sehingga pihak kerajaan Negeri dengan di bawah pimpinan Menteri Besar dan EXCO yang berkenaan memasukkannya sebagai salah satu projek yang perlu di *activate* kan semula dengan izin di antara 148 projek terbengkalai yang dikenal pasti di Negeri Selangor ini. Apa yang ingin saya tekankan bahawa, projek ini kalau menurut laporan yang dikemukakan oleh Ketua Audit Negara diberi dianugerahkan dengan cara tidak tahu macam mana walaupun ada perjanjian kepada sebuah syarikat yang bernama Khidmat Makmur Sdn. Bhd. Yang ternyata dalam seluruh laporan ini dikatakan tiada kemampuan kewangan untuk melakukan projek ini sehingga mendatangkan kerugian bangunan komersial 60% sahaja dibangunkan, kuarters untuk pegawai kakitangan MBSA tidak dapat dilaksanakan, maksudnya terbengkalai. Dan akhirnya Kerajaan Negeri perlu mengambil tanggungjawab menanggung segala kerugian dengan melantik seorang pemaju yang berkemampuan untuk melakukan kerja seterusnya. Dan ini jelas bukan sahaja menindas hak pembeli tapi hak rakyat, hak pembayar cukai MBSA tetapi pegawai-pegawai yang sepatutnya menikmati kebajikan untuk menyediakan kuarters untuk mereka. Jadi saya berharap supaya pihak Kerajaan Negeri mengumumkan siapanya sebenarnya yang menandatangani perjanjian dengan syarikat tersebut dan siapakah yang terlibat dengan syarikat tersebut sebab ternyata kalau ikut laporan Ketua Audit Negara tatacara ataupun prosedur yang melakukan perjanjian dan melakukan projek tidak mengikut apa yang telah ditetapkan di bawah Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1985 berkaitan dengan Garis panduan Mengenai Penswastaan yang mana projek penswastaan ini sepatutnya dapat mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran kerajaan menggalakkan pertandingan meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran serta mempercepatkan pertumbuhan ekonomi menerusi penswastaan tetapi yang nyata apa yang ditunjukkan dalam hasil laporan ini adalah tidak menepati sasaran atau pun objektif asal projek ini dilakukan sehingga menyebabkan dua daripada tiga *keeping* lot tanah milik MBSA telah diserahkan kepada pihak pemaju. Pihak MBSA kehilangan tanah tersebut dan kini kita perlu menanggung kos yang perlu berjawab dengan pihak pembeli dan rakyat, jadi saya berharap pihak Kerajaan Negeri mewujudkan satu mekanisme sebab kita nampak setelah Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran Kerajaan

Negeri Selangor telah dinyatakan bahawa bukan sahaja projek usaha sama di peringkat PBT tetapi projek usaha sama di peringkat GLC yang mana patutnya mendatangkan sekurang-kurangnya 30 peratus keuntungan kepada Kerajaan Negeri ataupun GLC tersebut tidak diikuti dalam segala projek yang dilaksanakan. Malahan dalam banyak tanah telah diberikan, bank pihak pembangunan ataupun pihak pemaju mendapat *loan* dengan izin ataupun pinjaman ataupun wang daripada bank tanah dicagarkan akhirnya tanah hilang rakyat yang sengsara. Inilah hasil projek usaha sama kalau nak kata lubang saya rasa ini lagi berlubang besar yang diwujudkan di masa zaman pimpinan ataupun pentadbiran Barisan Nasional. Jadi saya berharap pihak Kerajaan Negeri walaupun dalam konteks ini dan majlis ini kita telah mengaktifkan projek ini tetapi mereka yang terlibat tidak harus kita lepaskan khasnya mereka yang melakukan ataupun menandatangani perjanjian tidak mengikut undang-undang ataupun polisi yang ditentukan. Mereka patutnya dibawa ke muka keadilan. Saya rasa Kerajaan negeri perlu tegas dalam konteks atau kes seperti ini yang mana pegawai atau mereka tidak kira ahli majlis ataupun pihak-pihak terlibat sekiranya melakukan kerja-kerja yang betul mempertahankan hak menjaga harta rakyat kita memberi ganjaran dan insentif tetapi mereka yang membelakangi polisi dan prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri patut dihukum dan diambil tindakan disiplin yang sewajarnya. Inilah langkah yang perlu kita memastikan supaya wang atau pun pembayar cukai, cukai yang dibayar oleh rakyat kita tidak disia-siakan begitu sahaja. Jadi akhir sekali saya juga ingin menyentuh supaya berkenaan dengan pembangunan saya menyeru supaya pihak kewangan negeri atau EXCO ataupun Menteri Besar memberi keprihatinan terhadap isu trafik yang berlaku di Rawang. Saya ingin berterima kasih kepada pihak Jurutera Daerah JKR Gombak dan pegawai-pegawainya, pihak penguat kuasa MPS dan juga jabatan-jabatan yang terlibat dalam melaksanakan *tiger flow* di kawasan Rawang di Jalan B 27. Ini adalah satu langkah yang tidak pernah diambil tetapi penduduk begitu gembira kerana dapat menjimatkan masa untuk balik ke rumah dengan 15 minit sahaja yang sebelum itu mengambil masa satu jam disebabkan oleh kesesakan lalu lintas. Namun *tiger flow* ini perlu diteruskan dengan adanya peruntukkan daripada pihak Kerajaan Negeri sebab kos yang terlibat adalah begitu tinggi dan *tiger flow* ini perlu diswastakan sekiranya ingin diteruskan sementara kita menunggu projek pelebaran jalan yang dijanjikan oleh Menteri Kerja Raya sendiri yang turun melawat ke Rawang ke jalan-jalan yang mengalami kesesakan lalu lintas pada bulan Disember tahun lepas. Jadi saya menyeru dan berharap pihak Kerajaan Negeri boleh meluluskan permohonan peruntukkan yang telah dikemukakan oleh pihak JKR Gombak pada beberapa bulan yang lalu. Sebab *tiger flow* ini sebenarnya bermula daripada bulan Februari dengan sumbangan daripada pihak pemaju kawasan berkenaan dengan peruntukkan saya dengan kos yang disumbangkan oleh pihak JKR dan MPS tetapi itu tidak dapat *sustaince* dengan izin dalam masa yang begitu panjang jadi kita perlukan pihak Kerajaan Negeri mengambil memberi satu keutamaan kepada isu kesesakan trafik ini supaya ia dapat mewujudkan satu suasana kehidupan yang begitu selesa saya yakin dan *convenience* untuk penduduk di kawasan sekitar itu. Sekian sahaja ucapan saya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih. Ada lagi...peluang untuk pembangkang bercakap. Baik...Telok Datok.

**YB TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE** : Terima kasih Puan Speaker, Telok Datok ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Terlebih dahulu Telok Datok terutamanya penduduk-penduduk Sg. Sedu ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada Kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat kerana telah berjaya membuka dan menggunakan *sanitary landfill* di Tanjung Dua belas bagi menggantikan tapak pelupusan sampah di Sg. Sedu. Ini boleh dikatakan telah mengakhiri mimpi buruk penduduk-penduduk Sg. Sedu yang dialami selama ini. Akan tetapi tapak pelupusan sampah di Sg. Sedu masih mengeluarkan bau

busuk walaupun kini tidak digunakan lagi. Puan Speaker, tapak pelupusan di Sg. Sedu membawa kisah yang amat serius kepada penduduk berhampiran terutama kesihatan mereka. Tapak pelupusan sampah ini mengeluarkan bau busuk dan gas-gas beracun serta bahan-bahan kimia diserap ke dalam tanah lalu menjejaskan kesihatan mereka. Ini adalah kerana tapak pelupusan sampah ini tidak diuruskan dengan baik sejak awal. Oleh itu Telok Datok ingin menyeru kepada Kerajaan Negeri supaya mengkaji semula kontrak dengan Alam Flora memandangkan ini merupakan tanggungjawab mereka. Telok Datok berharap Kerajaan Negeri tidak akan terus membayar kepada Alam Flora seperti dalam anggaran perbelanjaan tambahan kedua 2010 di bawah rang undang-undang perbekalan tambahan 2010 di mana RM1 juta diperlukan biayai bayaran kepada Alam Flora. Kerajaan Negeri tidak sepatutnya terus membayar mereka jika mereka tidak dapat melaksanakan kerja mereka dengan baik. Telok Datok berharap Kerajaan Negeri boleh meneruskan *sanitary* masalah di Sg. Sedu dengan segera dengan tidak membiarkan begitu sahaja. Telok Datok juga berharap Kerajaan Negeri menguruskan *sanitary life* di Tg. Dua belas dengan baik dan tidak mengambil mudah supaya tidak akan membawa sebarang masalah seperti tapak pelupusan di Sg. Sedu kelak. Puan Speaker, isu seterusnya saya ingin Telok Datok membangkitkan adalah mengenai pemilihan Ahli-ahli Majlis. Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, prestasi Ahli-ahli Majlis adalah amat penting kerana prestasi mereka akan membawa kesan yang amat serius terhadap imej Kerajaan Negeri. Oleh itu Telok Datok berharap Ahli-ahli Majlis dipilih berdasarkan kerakyatan, pengalaman dan kesanggupan mereka untuk berkhidmat dan bukannya melalui jalan pintu belakang dan Telok Datok tidak berharap terdapat pihak kerajaan Negeri yang terlibat dalam perpindahan pemilih calon yang tidak layak hanya hampas kerana tekanan oleh mana-mana pihak ataupun untuk kepentingan peribadi sesuatu pihak. Puan Speaker, isu pilihan Ahli-ahli Majlis di negeri Selangor sering dikritik dan boleh dikatakan telah menjadi satu skandal politik yang telah memberi impak dan kesan negatif yang amat serius terhadap imej Kerajaan Negeri Selangor. Telok Datok

(Tuan Speaker)...saya rasa tak ada masa...Telok Datok berharap Kerajaan Negeri boleh membina satu formula yang baru ...(Tuan Speaker...)...menjadi prinsip cekap amanah ataupun dengan izin komputerisme, akauntabiliti dan *transparency* sebagai asas seketika pemilihan Ahli-ahli Majlis supaya tidak menjadi satu isu atau skandal politik kepada Kerajaan Negeri kelak. Telok Datok juga berharap Ahli-ahli Majlis yang telah dilantik akan berhenti dengan segera jika mereka gagal melaksanakan tanggungjawab ataupun melakukan kesalahan yang bukannya menunggu sehingga tamat.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burung jangan ganggu sebab in akan melengahkan lagi...(persidangan ini.....)... Kalau Sg. Burung mencelah sudah tentulah mengambil masa dua minit sekarang cakap dah makan satu minit lagi. Jadi saya minta Telok Datok sambung selepas dewan ditangguhkan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan 1.03 minit tengah hari, dengan itu saya menangguhkan dewan hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.03 minit petang)**

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER** : Dewan disambung semula. Saya mempersilakan pihak kerajaan untuk menggulung.

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama menggulung di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh isu kampung baru semasa sesi perbincangan perbekalan tambahan. Kerajaan Negeri bermula tahun 2009 telah memperuntukkan sebanyak RM 5.4 juta untuk pembangunan kampung baru di Selangor. Berbanding dengan pentadbiran lama yang hanya memberi RM 200,000 setahun untuk 78 buah kampung baru tersusun dan bagan. Kerajaan Pakatan Rakyat lebih prihatin terhadap isu-isu kemudahan-kemudahan asas di kampung baru. Malangnya Kerajaan Pusat tidak ingin memberi kerjasama dengan Kerajaan Negeri malahan berhenti untuk menyalurkan peruntukan kampung baru kepada kerajaan negeri sejak Mac 2008. Selain dari itu Kerajaan Pusat juga menubuhkan JKKP di Selangor dan negeri-negeri lain yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat. Ini telah menyebabkan kekeliruan dan pecah belah di peringkat penduduk kampung. Saya ingin menegaskan bahawa kerajaan negeri tidak akan mengiktiraf JKKP yang dilantik oleh Kerajaan Pusat. Pelantikan tersebut telah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan Jadual ke 9 Senarai Perundangan, Senarai 2 iaitu Senarai Negeri. Ia jelas menunjukkan bahawa pentadbiran tempatan adalah di bawah bidang kuasa negeri.

Projek-projek kecil yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat ICU di kampung baru juga tidak mendapat sebarang kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan atau pejabat daerah. Kami mengalu-alukan projek pembangunan yang memberi manfaat kepada penduduk kampung.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Yang Berhormat

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Hulu Kelang

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Penjelasan. Sekiranya terbukti memang ada percanggahan dengan perlembagaan, adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Kerajaan Pusat dalam konteks JKKP.

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima kasih Hulu Kelang. Kita terima cadangan tersebut dan saya perlu membangkitkan perkara ini kepada Penasihat Undang-undang supaya apakah tindakan yang selanjutnya akan diambil.

Siapa yang ingin melakukan sesuatu pembinaan di kampung perlu mengikut prosedur dan undang-undang. Kita perlukan jalankan tugas kita secara bertanggung jawab dan telus. Projek-projek kecil yang tiada koordinasi di antara kerajaan pusat dan pihak berkuasa tempatan akan mengganggu perancangan dan pentadbiran tempatan. Sekian.

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL** : Tuan Speaker saya ingin mengambil bahagian dengan beberapa isu-isu yang ditimbulkan, terutamanya kalau kita lihat bahawa bajet tambahan kali ini melibatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mana bantuan am sebanyak 7,181,154.18 sen untuk bantuan kepada 1,408 orang keluarga. Juga saya ingin nyatakan di sini bahawa bantuan am ini adalah satu keperluan kalau kita lihat bahawa di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat

walaupun telah dipertingkatkan kategori penerimaan bantuan sebanyak 14 kategori tetapi ada satu kategori di mana kategori yang dikatakan di sini bahawa jenis bantuan am adalah 100% daripada peruntukan Kerajaan Negeri Selangor.

Oleh itu, saya ingin nyatakan bantuan ini merupakan bantuan yang wajar memandangkan satu, disebabkan kita mengusulkan bajet tambahan ini dikemukakan kerana pihak jabatan telah pun membuat satu kerja di mana mereka telah mengenal pasti jumlah yang memenuhi syarat-syarat. Jadi maknanya kita telah pun mengenal pasti orang, dan kita telah pun mengenal pasti jumlah yang ditentukan. Maknanya bukan sebarang usul yang kita nyatakan begitu tetapi sebenarnya telah pun ada siasatan, telah pun dilihat di lapangan keperluan itu sama ada sesuai atau tidak, patut atau tidak patut dan akhirnya kita mengemukakan bajet tambahan. Tapi sebelum itu, ingin saya nyatakan bantuan am ini untuk apa.

Bantuan am ini pertamanya, untuk mengurangkan dan meringankan kesulitan kewangan penderitaan hidup semasa dan segera. Kedua, untuk menolong mengimbangkan, mengembangkan keupayaan mereka dan untuk terus berdikari sama ada mendapat bajet tambahan di sudut geran dan sebagainya, geran perniagaan. Yang ketiganya meningkatkan taraf kehidupan. Yang keempatnya keperluan kesihatan, seperti keperluan tambang dan kos perubatan minimum yang kadang kala kita tidak nafikan kalau kita lihat kadang-kadang isu-isu ini datang kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan tidak ada peruntukan yang kalau kita lihatkan boleh diberi di tempat lain tetapi jabatan menyediakan bantuan ini. Yang kelima menampung keperluan isteri yang hilang punca pendapatan khususnya ibu tunggal. Daripada pasangan yang merupakan ketua keluarga akibat didakwa dan menjalani hukuman penjara. Contohnya suaminya masuk penjara tiba-tiba isteri tersebut terpaksa menjadi ketua keluarga. Atau pun kalau suami masuk pusat sehati akibat pengambilan dadah jadi isteri terpaksa menjadi ketua keluarga. Yang keenam pendapatan menerima bantuan yang terdiri daripada pekerjaan, pekerja perindustrian dan sektor swasta yang lain yang berada di bawah paras garis kemiskinan.

Dan bantuan am ini walau bagaimanapun mengikut syarat-syaratnya iaitu golongan ibu atau bapa tunggal yang mempunyai tanggungan. Kedua keluarga yang mencari nafkah iaitu ketua keluarga yang mengalami kecederaan teruk, sakit atau sebab-sebab lain yang menyebabkan tidak boleh bekerja. Yang ke tiga, warganegara Malaysia dan yang keempat pendapatan keluarga tidak melebihi 720 dan kalau kita BJK Selangor sekarang ini ialah 1,500. Di sinilah sebenarnya *stumbling* blok atau pun masalah yang berlaku di Selangor bila mana pada mula kita mengambil alih pemerintahan, kita dapati pada ketika itu paras garis kemiskinan yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan mereka yang layak menerima hanya mereka yang berpendapatan 450 ke bawah sedangkan kita tahu bahawa pendapatan seorang yang bekerja kebanyakannya berpendapatan 500 ke atas. Jadi tidak wajar BJK itu dikekalkan. Alhamdulillah apabila Kerajaan Selangor di bawah Pakatan Rakyat memberi mandat kita terus membuat satu *review* tentang apakah BJK yang sesuai jadi akhirnya kita dapati 1,500 yang paling sesuai untuk rakyat di Negeri Selangor. Akhirnya dengan desakan-desakan yang telah buat Kerajaan Persekutuan telah meningkatkan dari 450 kepada 720 BJK setiap seisi keluarga. Atas dasar ini ada peningkatan dia ada dua kali. Maknanya bagi sesiapa yang tidak menepati syarat maknanya berpendapatan 720 ke atas dan di bawah 1,500 kebanyakannya tidak akan dapat bantuan-bantuan daripada kerajaan. Atas dasar itu disebabkan ini adalah bantuan Kerajaan Negeri Selangor jadi kita selaraskan bantuan ini iaitu 1,500 ke bawah dapat, kalau tidak ramai yang memohon tidak dapat diluluskan disebabkan birokrasi kriteria yang telah ditetapkan iaitu 720. Jadi peningkatan itu bukan disebabkan ramainya golongan yang miskin yang meningkatkan tetapi jumlah itu jumlah yang benar-benar refleksi atau pun menunjukkan

jumlah orang yang data Jabatan Kebajikan atau pun mereka yang perlu menerima bantuan di Negeri Selangor ini.

Jadi atas dasar itu ada penambahan sebanyak 1,400 dan tambahkan lagi pula bila kita tengok pula banyak kes-kes bencana, saya yakin apa yang ditimbulkan oleh Batu Caves tentang bantuan yang agak susah diperoleh, atau pun Kota Damansara atau tempat-tempat yang biasa ada mengalami banjir kilat dan sebagainya bila mana kadang kala isu bencana kita tidak dapat projek berapa sebenarnya bilangan yang ada tetapi mengambil kira apa yang telah berlaku pada tahun ini kita memohon supaya bajet tambahan ini diberikan supaya banyak masalah-masalah atau isu-isu yang telah ditimbulkan oleh pihak wakil-wakil rakyat kita dapat sekurang-kurangnya memberikan sedikit perhatian sebab kita tahu bajet bencana yang diperuntukkan di setiap Pejabat Daerah adalah amat sedikit sekali. Tapi saya ingin tegaskan di sini bahawa untuk menyelesaikan masalah banjir kilat dan sebagainya kita sepatutnya wajar untuk melihat tentang permasalahan infrastruktur di kawasan tersebut supaya kes-kes ini tidak berpanjangan. Dan saya ingin nyatakan bahawa bajet ini juga kita mohon untuk diberikan disebabkan alhamdulillah kita tengok pihak Zakat Selangor telah pun menerima 1,500 ringgit BJK ini sebagai asas untuk mereka menerima tetapi BJK kita menolak bajet maknanya kita tidak bertanggungjawab atau tidak memberikan satu perhatian kerana kebanyakan penerima-penerima JKM adalah yang mana bukan Islam, sebab yang Islam kita telah minta pihak Zakat tangani. Jadi kebanyakannya terdiri dari bangsa Melayu maaf, India, China dan Orang Asli yang bukan beragama Islam. Jadi bajet ini wajar dipertimbangkan untuk memastikan tidak ada mana-mana rakyat Negeri Selangor ini tidak mengira apa kaum mereka, mereka akan dapat menerima bantuan daripada kebajikan atau bajet kebajikan. Akhirnya saya ingin tegaskan....

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker..

**TUAN SPEAKER** : Sila

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Penjelasan. Menyentuh tentang gerak kerja Lembaga Zakat terdapat hubungan yang ikrab antara wakil-wakil rakyat, syor-syor wakil rakyat dan bancia Lembaga Zakat tetapi tidak sedemikian di kawasan saya dengan JKM. Adakah dalam pengagihan peruntukan tambahan ini program ini akan menjana penglibatan wakil rakyat secara langsung kerana ia menyentuh tentang mesra berkebajikan, menyentuh kebajikan rakyat di setiap akar umbi. Jadi adakah EXCO bercadang untuk berbuat demikian.

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL** : Terima kasih Hulu Kelang. Tentang penglibatan dari wakil rakyat saya rasa ini amatlah wajar kerana baru-baru ini pihak saya bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat dan beberapa portfolio lain turut sama berbincang tentang perlunya ada penglibatan daripada wakil rakyat untuk turun padang. Satu rasionalnya ialah disebabkan kebanyakan data-data ini diperoleh daripada Pusat-pusat khidmat ADUN sendiri yang telah dikemukakan oleh pihak jabatan dan sebagainya untuk dipertimbangkan. Yang keduanya saya rasa wajar ialah wakil rakyat perlu menunjukkan komitmen mereka, isu-isu kebajikan ini bukan sekadar memberikan bantuan tetapi turun ke padang bersama Zakat dan Kebajikan Masyarakat untuk meninjau sendiri apakah *additional programme* dengan izin, atau program-program tambahan yang kita boleh pastikan boleh bantu individu tersebut supaya keluar daripada kemiskinan, kemiskinan. Itu adalah penting. Dan dengan sebab itu, alhamdulillah di peringkat Kerajaan Negeri Selangor kita sedang dalam proses terakhir untuk memastikan satu polisi iaitu *workfare policy*, di mana *workfare* ini istilahnya daripada *welfare* kepada *work* daripada mula mendapat kebajikan kepada berdikari ini akan mengintegrasikan ke seluruh agensi kerajaan yang mengemukakan, atau yang memberikan bantuan kepada masyarakat. Jadi satu nama nanti akan menunjukkan satu sistem komputer itu berapa banyak bantuan yang

mereka peroleh, apa *skill* yang mereka ada kita profailkan peribadi mereka itu, dan di mana tempat yang boleh ditempatkan mereka itu seperti kerja-kerja sama ada boleh buat penambahan perniagaan atau pun memulakan perniagaan kecil atau pun ada kemahiran hidup dia atau pun ada yang tidak boleh buat apa-apa tu itulah yang sewajarnya kita berikan subsidi yang tanpa pulangan ataupun tanpa pekerjaan. Jadi ini penting kerana kita mahukan kerajaan ataupun rakyat kita di Selangor ini dengan kita telah pun mengumumkan bahawa Selangor ini adalah negeri perkhidmatan kita mengharapkan supaya warga Selangor diberikan tempat yang wajarnya supaya mereka ini boleh ditempatkan untuk boleh bekerja. Jadi akhirnya kita komited, Kerajaan Negeri Selangor komited untuk mengurangkan kemiskinan yang ada di kawasan di Negeri Selangor ini, jadi kita kumpulkan semua *data base* telah ada dan saya mengharapkan supaya data-data ini adalah data yang kita harapkan tidak bertambah tetapi kita mulakan *programme job placement* ataupun pekerjaan menempatkan mereka kepada pekerjaan dan akhirnya setiap individu yang mendapat ataupun jatuh di bawah paras bantuan kemiskinan ini dapat menerima bantuan yang sewajarnya dan akhirnya mereka boleh berdikari. Dan kita tidak mahu juga meletakkan skop ini terlalu kecil hanya mereka yang ibu tunggal contohnya, kita buka juga kebajikan ini kepada yang lain.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat ada, Sijangkang.

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL** : Ya, sila Sijangkang.

**YB DR TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya masih melihat rintihan daripada Batu Caves tadi tentang peruntukan kepada mangsa-mangsa banjir kilat ini. Sebab saya melihat setakat ini tidak ada peruntukan khas kepada mangsa-mangsa banjir kilat terutamanya dari JKM dan saya cukup faham bagi mereka yang beragama Islam ada sumber daripada Lembaga Zakat. Adakah Kerajaan Negeri Selangor bersedia atau mempunyai perancangan tertentu terutamanya kepada mangsa-mangsa banjir kilat yang mana kedatangan kadang-kadang tidak, tidak dijangka dan kadar kebarangkalian untuk berlaku juga kerap, dan ini yang saya kira Kerajaan Negeri Selangor lebih prihatin dalam soal pemberian bantuan-bantuan seperti ini. Terima kasih.

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL** : Insya-Allah kita, saya rasa benda memang dalam perancangan supaya kita tidak lagi yang pertama-tama kali kita mahu pastikan tempat-tempat yang kritikal yang sering dilanda banjir itu bukan sahaja di Batu Caves tetapi kita tengok baru-baru ini di Rawang, tempat saya sendiri Batu Tiga sering dilanda banjir tetapi apabila kita serius untuk menyelesaikan infrastruktur di kawasan tersebut akhirnya bukan sahaja Wakil Rakyat penduduk juga khususnya telah selesai masalah itu. Tetapi apa pun yang ingin saya katakan Tuan Speaker

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Yang Berhormat Tuan Speaker

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Di sini bahawa bantuan... siapa...

**TUAN SPEAKER** : Seri Setia

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Ya sila, belum jawab lagi habis. Bagi saya jawab yang ini dulu ya.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Ok.

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL :** Ingin saya nyatakan bahawa bantuan bencana ini selalunya kalau kes-kes bencana tertentu ini adalah di bawah DO ataupun Pegawai Daerah kita di Pejabat Daerah tetapi Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan salah satu sahaja agensi yang terlibat bersama. Maknanya ia dipengerusikan oleh Pejabat Daerah, peruntukan ada diberi kan oleh Kerajaan Negeri untuk kes-kes bencana ini. Jabatan Kebajikan Masyarakat pada ketika bencana hanya datang untuk membantu kes-kes pada ketika itu. Contohnya memindahkan mereka, pastikan mereka dipindahkan di tempat yang wajar, ada dewannya tempat untuk ditinggalkan. Kalau keperluan itu keperluan asas contohnya selimut, bantal atau peralatan *toiletries* dan sebagainya itu adalah peranan JKM. Jadi saya mengharapkan Wakil Rakyat juga jangan tersilap, maknanya bila berlakunya bencana sahaja terus kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, itu maknanya Jabatan Kebajikan Masyarakat ini salah satu kepada agensi yang akan dilibatkan tetapi banyak lagi agensi yang lain.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Yang Berhormat

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL :** Ok silakan Seri Setia.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Tiga. Saya ingin bertanya adakah wujud rancangan untuk menambah peruntukan untuk tabung bencana sebab pengalaman saya di daerah Petaling apabila kita menghadapi bencana kadang kala kekangan dari segi peruntukan tersebut yang begitu terhad. Kita ada satu ribut macam puting-beliung, saya rasa jiran saya Taman Medan pun kena sekali, mungkin Batu Tiga ada terasa dia punya kesan-kesan. Jadi saya nak minta kalau boleh ditambah kerana peruntukan yang ada itu terlalu kecil buat masa ini untuk kita nak bagi bantuan kepada semua penduduk yang menjadi mangsa bencana.

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Saya rasa benda ini memang bukan saya rasalah, perkara ini memang telah pun diutarakan dan memang sewajarnya tempat-tempat yang sering berlakunya bencana-bencana ini perlu ada satu bajet tambahan. Walau bagaimanapun saya ulang sekali lagi bahawa yang lebih penting, yang lebih penting tempat-tempat ini mesti diberikan satu pengkhususan tentang *study*, tentang apa yang kita boleh buat dalam konteks *infra* nya. Tetapi kalau kita tidak boleh nafikan yang mana berkaitan dengan banjir tu mungkin kita boleh Insya-Allah kita cuba elakkan tetapi kalau datangnya ribut kencang, angin kuat, itu tidak boleh apa orang kata tak boleh sangkallah. Walau apa pun bajet tambahan mungkin selepas ini kewangan negeri boleh ....

**YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Tuan Speaker, mohon laluan

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL :** Boleh memikirkan bagaimana untuk memberikan penyelesaian pada perkara ini. Sila Taman Medan.

**YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Saya, Taman Medan ingin mencadangkan bagi bencana berkaitan dengan ribut supaya diadakan kajian laluan angin oleh pihak JAS Jabatan Alam Sekitar supaya kawasan-kawasan laluan angin ini dikenal pasti dan diberi amaran awal supaya penduduk boleh mengelak ataupun bersiap sedialah sekiranya berlaku angin kencang ataupun ribut, puting-beliung dan sebagainya.

**TUAN SPEAKER :** Tetapi itu bukan tanggungjawab Jabatan Kebajikan.

**YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Sebab Yang Berhormat sebut tadi apa yang penting adalah persediaan kita untuk berdepan dengan perkara-perkara bencana ini, bukan

setakat memberi bantuan setelah berlaku bencana tetapi *preemptive* dengan izin tindakan *preemptive* lah, sekian.

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL :** Terima kasih Tuan Speaker tolong jawabkan. Maknanya itu boleh diambil maklum dan Insya-Allah perkara itu boleh diselesaikan. Saya juga ingin menambah sebenarnya selain bajet tambahan yang diperlukan sebenarnya, yang lebih penting adalah semangat gotong-royong. Bila berlakunya sesuatu bencana itu kita patutnya mewujudkan satu skuad ataupun satu *team* di satu kawasan untuk bergotong-royong contohnya apa yang kita cuba buat di Bandar Sultan Sulaiman pada tempoh bencana yang berlaku pada hari raya cina, di mana bila ribut bila terbangnya atap-atap itu apa yang kita boleh buat sudahlah barangan pada ketika itu susah untuk dibeli sebab musim raya cina ni banyak kedai yang ditutup tetapi apa yang kita ada kita dapat buat gotong-royong dan Alhamdulillah dalam masa seminggu, seminggu kes bencana itu telah pun dapat kita selesaikan tetapi yang penting bajetnya begitu minima. Maknanya gotong-royong, kita panggil ramai-ramai sahabat-sahabat, rakan-rakan yang berprihatin tentang isu ini telah turun padang untuk membantu. Jadi mungkin kita boleh *review* dalam di Pejabat Daerah, sepatutnya Pejabat Daerah juga boleh melaksanakan program begini bukan maknanya kita hanya membiarkan kepada bahagian Pembangunan untuk membuat *bq* (*bill of quantities*) dan akhirnya kita panggil kontraktor-kontraktor untuk memberi kewangan ataupun membayar mereka bila mereka membuat aduan.

**TUAN SPEAKER :** Ini dah macam perbahasan ADUN ni, bukan menjawab soalan.

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL :** Tak ini cadangan okey,

**TUAN SPEAKER :** Itu perbahasan ADUN boleh.

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL :** Okey, so itulah sebab saya ingin *clear kan* supaya ingat bahawa masalah bencana ini Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga Zakat hanya terlibat dalam bentuk yang paling minima sahaja tetapi benda ini adalah di bawah Pejabat Daerah. Jadi akhirnya saya ingin simpulkan Tuan Speaker bahawa pada saya bajet ini adalah wajar kerana orang yang ingin kita berikan itu pun telah pun dikenal pasti data-datanya lengkap dan juga kita mohon supaya tidak lagi isu ini tiap-tiap bulan kerajaan JKM terpaksa mengutarakan dan kita tunggu tiga bulan baru dapat permohonan. Jadi kalaulah ada bajet tambahan ini diluluskan kita akan selesaikan sehingga hujung tahun ini dan Insya-Allah yang keduanya memastikan data-data *work policy* ini akan berjalan dengan baik akan dapat kita mengemaskinikan. Sekian, Tuan Speaker.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** *Bismillahi rahmani rahim.* Tuan Speaker, menjawab soalan awal daripada Sekinchan. Walaupun peruntukan 95 juta seperti biasa projek-projek jalan luar bandar seperti biasa telah diambil oleh Kerajaan Pusat. Untuk setakat ini Kerajaan Negeri membelanjakan sekitar 3 juta untuk membaiki dewan-dewan dan jalan-jalan luar bandar dan dijangka menjelang hujung tahun ini tambahan 3 juta akan dibelanjakan lagi. Jadi kawasan-kawasan yang berlubang-lubang di Sekinchan sila maklumkan kepada pejabat saya lebih awal dan itu keutamaan Sekinchan.

Untuk tahun depan kita menjangkakan peruntukan sekitar 5 atau 6 juta untuk pembangunan projek-projek kecil di kawasan luar bandar. Paya Jaras menyebut supaya rumah EXCO sebab disebut kerana saya tinggal di rumah kerajaan. Untuk makluman Paya Jaras, kini tiap-tiap minggu ratusan rakyat datang menginap di rumah EXCO untuk menghadiri program-program sama ada usahawan ataupun program-program SIPES Negeri. Kita lihat, kita bawa mereka tinggal di rumah EXCO untuk melihat sendiri bagaimana rumah 3 tingkat, 7 bilik yang didiami

oleh EXCO-EXCO zaman UMNO Barisan Nasional dahulu dan mereka balik kampung diceritakan kat orang kampung macam itulah keadaan EXCO zaman UMNO.

Jeram menyebut soal kenapa saya minta supaya UMNO tumpukan kepada masalah dalaman, sebab kita lihat masalah UMNO agak serius ketika ini *partner* nya MCA telah kalang kabut , *partner* MIC entah ke mana, hingga hari ini Seri Serdang tak datang lagi dalam Dewan. Jadi saya sebut ini ketika ditanya Sungai Burong harus tahu bahawa maklumat tepat mesti diperolehi, gambar-gambar yang diambil oleh Sungai Panjang, dalam media-media yang disiarkan semalam adalah kawasan-kawasan lombong yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Jadi ini satu putar belit media-media milik UMNO yang menggambarkan seolah-olah itu kawasan-kawasan lombong haram. Sebenarnya kawasan Olak Lempit adalah kawasan lombong yang telah diberi lulus oleh EXCO telah menepati semua syarat-syarat EIA. Jadi saya minta supaya media-media yang mengeluarkan gambar-gambar tersebut minta maaf secara terbuka kepada Kerajaan Negeri Selangor sebab gambar tersebut adalah gambar-gambar yang salah (Dewan tepuk meja) dan ia berunsur fitnah. Seandainya media-media ini saya sebut Sinar Harian, Berita Harian, Utusan Malaysia dan *The Star* tidak minta maaf, saya mencadangkan supaya Kumpulan SEMESTA membuat *report* polis dan meminta saman kepada keempat-empat media ini (Dewan tepuk meja).

Berkaitan dengan penguatkuasaan, semenjak Pakatan Rakyat mengambil kerajaan, PTD Sepang, Kuala Langat, Petaling, Hulu Langat, Gombak, Kuala Selangor dan Hulu Selangor telah diarahkan untuk mengenal pasti lokasi yang kerap mendapat aduan pengeluaran pasir secara terbuka

**YB TUAN LAU WENG SAN :** Tuan Speaker Kampung Tunku, minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku minta penjelasan.

**YB TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bercadang ataupun bertanya meminta ulasan daripada Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan lombong pasir haram yang dinyatakan itu. Adakah mungkin Kerajaan EXCO mengambil satu pendirian di mana kita mengeluarkan satu kenyataan yang mana sudah dikeluarkan kita bagi peluang media berkenaan untuk menerbitkan apa yang kita nak katakan ataupun nak kita jelaskan jikalau kita nak membawa kenyataan kita itu maka kita mengambil tindakan seterusnya. Adakah cadangan ini adalah satu cadangan yang sangat baik.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Terima kasih Kampung Tunku. Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Menteri Besar telah menjelaskan semalam bahawa kawasan tersebut adalah kawasan lombong yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan hari ini saya terima, saya beri masa kepada media-media tersebut supaya menarik balik kenyataan ini. Sebelum ini berbagai pendekatan telah diambil oleh Pentadbir Tanah bagi mengurangkan masalah kecurian pasir di atas tanah bermilik seperti tindakan rampasan tanah dan tindakan penyitaan jentera-jentera yang berada di lokasi. Namun begitu langkah ini dilihat kurang memberi kesan atau *literal* kepada pihak-pihak yang menjalankan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah. Bagi membendung masalah ini dari terus berbelah rotan, ketujuh-tujuh PTD di atas telah diarahkan mengadakan operasi statik, *ops* statik di lokasi-lokasi tertentu. Tujuan *ops* statik adalah untuk menghalang pengalihan pasir dari kawasan yang disyaki terdapatnya aktiviti-aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah. Namun begitu terdapat kekangan dari segi perjawatan Unit Penguatkuasa sedia ada di setiap daerah jika dibandingkan dengan lokasi yang perlu diawasi. Jelas menunjukkan kekuatan anggota Penguatkuasa sedia ada tidak mencukupi. Bagi menangani kekurangan masalah anggota ini, PTD telah mendapatkan bantuan anggota RELA.

**YB TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM** : Y.B. mohon, terima kasih. Cuma saya nak minta penjelasan kita lihat memanglah kita tengok pasir ini kadang orang korek sana, orang korek sini, kita pun tak tahu sama ada permit sudah dikeluarkan atau tidak. Saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri agar permit-permit yang telah diluluskan dipasangkan *sign board* di projek-projek tersebut supaya tidaklah kita salahkan media, salah ambil gambar dan sebagainya. Ini cadangan saya. Terima kasih.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Terima kasih Batang Kali. Saya nasihatkan Batang Kali nak masuk kawasan masuk ikut pintu utama. Pintu utama terpampang jelas bahawa kawasan tersebut adalah kawasan milik Kumpulan SEMESTA, tetapi Sungai Panjang ikut pintu belakang (Dewan bertepuk meja). Jadi tak nampak, tak nampak *sign board* itu, memang semua kawasan-kawasan, semua kawasan-kawasan yang dilesenkan ada tanda Kumpulan SEMESTA. Selain dari operasi statik langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah kecurian pasir adalah seperti berikut:

1. Mengeluarkan satu notis atau Borang 7A Perlanggaran Syarat Tanah ke atas mana-mana tanah yang didapati mengeluarkan pasir tanpa permit yang sah dan di mana notis ini memerlukan tuan tanah untuk *remedy* tanah kepada kadar asal.
2. Sekiranya tuan tanah tidak mematuhi arahan *remedy* tanah tersebut, Pentadbir Tanah hendaklah mengeluarkan borang 7(b) dan sekiranya aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah masih dijalankan setelah dilaksanakan,
3. Pentadbir Tanah telah menyiarkan dalam warta notis mengenai penyiaran atas borang 8(a).

Menubuhkan jawatankuasa teknikal pemantauan dan penyelesaian permit bahan batuan bagi mempercepatkan penyelesaian masalah-masalah berkaitan dengan pasir dan mempertingkatkan kemampuan unit penguatkuasaan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan dianggotai oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pentadbir Tanah, Jabatan Teknikal dan Kumpulan Semesta. Mengadakan rondaan, pemantauan secara berkala di kawasan yang disyaki berlakunya aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah. Dan menubuhkan pasukan petugas khas pemantauan permit pasir yang berfungsi memantau dari aspek teknikal terhadap keakuratan pemegang permit atau kontraktor dalam menjalankan aktiviti perlombongan pasir mengikut syarat-syarat yang dikehendaki Jabatan Teknikal yang berkenaan dan Pentadbir Tanah. Dan akhirnya saya tawarkan ini juga kepada Yang Berhormat - Yang Berhormat sekalian mesyuarat kerajaan negeri (MMKN) ke 21/2010 yang diadakan pada 16 Jun 2010 telah bersetuju agar ganjaran sebanyak RM5,000 diberikan kepada individu yang memberi maklumat sehingga jentera berat yang beroperasi di kawasan disyaki berlaku kecurian pasir berjaya ditahan. Jadi Yang Berhormat ambil kesempatan ini. Saya sendiri dapat RM2,500 sebab bawa balik lori.

**TUAN SPEAKER** : Y.B. Kampung Tunku nak tanya.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Ya. Saya ingin bertanya dengan ganjaran ini. Sebab di dalam ucapan Tan Sri dan juga ucapan saya semalam ada disebut tentang jasa penguatkuasa-penguatkuasa di setiap PTD. Jadi saya ingin bertanya mungkinkah atau bolehkah Kerajaan juga mempertimbangkan ganjaran-ganjaran yang setimpalnya diberi kepada mereka yang betul-betul membantu kita membanteras gejala curi pasir ini? Terima kasih.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Ganjaran ini diberi kepada semua rakyat Negeri Selangor sama ada ADUN, pegawai-pegawai, penguatkuasa atau polis atau ketua kampung yang berjaya memberi maklumat hingga tertahannya jentera-jentera berat ini. Saya difahamkan pada hari ini petugas-petugas PTG berlumba-lumba untuk menahan jentera-jentera berat ini. Saya difahamkan dekat perkarangan SUK sudah tujuh buah *excavator* yang telah ditahan.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Hulu Kelang.

**YB. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Saya nak tanya apa kaedah yang digunakan bagi unjuran aduan. Sudah pasti kalau ada yang berpusu-pusu datang mesti ada unjuran berapa jumlah hadiah yang nak diberikan.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Setakat mesyuarat minggu lepas kita setuju memperuntukkan RM500,000 untuk memberi ganjaran-ganjaran ini. Seandainya tak cukup, tambah lagi RM500,000. sehingga 15 Jun 2010 sebanyak 69 notis 7(a) dan 16 notis 7(b) telah dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah. 11 notis 8(a) telah dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah Daerah Sepang. Tindakan pelanggaran syarat yang diambil mengikut seksyen 127 Kanun Tanah Negara 1965 tindakan penguatkuasaan yang di ambil oleh seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 adalah sebanyak 186 kes. Selain itu Pejabat Tanah Sabak Bernam telah mengeluarkan 9 surat secara pentadbiran kepada pemilik tanah yang untuk memulihkan semula tanah mereka. Pecahan tindakan penguatkuasaan mengikut Pejabat Tanah Daerah adalah seperti berikut. Daerah Petaling tindakan seksyen di bawah 425 (184), daerah Gombak 7(a)-3, 7(b)-1. Sepang 7(a)-51, 7(b)-12, 8(a)-11. Sabak Bernam sehingga 15 Jun 2010, PTD telah mengeluarkan surat pentadbiran kepada 9 pemilik tanah kategori pertanian. Hulu Selangor 7(a)-3, Sek.425 – 2. Hulu Langat 7(a)-5, 7(b)-3 dan Kuala Langat 7. Tuan Speaker, sekian.

**TUAN SPEAKER** : Gombak Setia.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Assalamualaikum WBT. salam sejahtera Tuan Speaker. Saya nak menjawab hanya satu dua perkara sahaja. Pertama yang dibangkitkan oleh Bukit Antarabangsa mengenai mikro kredit (Skim Mikro Kredit). Sebagaimana yang kita tahu skim ini telah diluluskan pada pertengahan awal bulan April. Sekarang bulan Mei, Jun, Julai maknanya sudah masuk tiga bulan. Jadi untuk pengetahuan teman-teman Yang Berhormat bahawa ini adalah merupakan satu skim dalam mana kita menjalankan *processary distribution* pengagihan semula kekayaan, keuntungan negeri untuk diberikan kepada rakyat terutamanya rakyat yang termasuk dalam golongan miskin itu. Jadi program ini besar dan peruntukan yang diwar-warkan ialah mencecah kepada RM50juta. Sebab itu musuh kita yang pertama ialah kita tidak mahu kegagalan, kita mahu kejayaan. Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat, prosesnya panjang tapi oleh kerana kita hari-hari kita berjumpa dengan pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk memberikan kelulusan yang biasanya satu tahun sekarang sudah menjadi dua bulan setengah sudah mendapat kelulusan. Misalnya, kita menghantarkan permohonan kepada SSM pada 21 April (permohonan) kemudian untuk menubuhkan yayasan sebab EXCO telah meluluskan untuk ditubuhkan yayasan daripada MBI diturunkan kepada yayasan. Yayasan itulah yang akan mengendalikannya nanti seperti juga Amanah Ikhtiar Malaysia. Kemudian itu lulus nama pada 30 April (nama yayasan itu), kemudian itu diluluskan oleh Menteri pada 3 Jun dan sijil penubuhan baru kita perolehi pada 8 Julai. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, ada perkara-perkara yang kita boleh jalankan bila satu proses habis proses yang kedua berjalan. Dan ada pula perkara yang berjalan serentak.

Mengenai yang antara satu perkara habis jalan satu perkara, itu telah kita jalankan. Maksudnya kita telah merancang bahawa dalam 15 Ogos yang akan datang ini insya-Allah bagi kawasan Sabak Bernam, Sungai Besar dan Kuala Selangor kita akan mulakan dengan kita punya tempat operasi. Saya dah bercakap dengan DO di peringkat awal ini tempat operasi di Pejabat Daerah di Sungai Besar dan berikutnya kita akan menubuhkan tempat operasi kecil di Kuala Selangor, di Hulu Selangor dan sebagainya. Jadi untuk kita mendapatkan sekurang-kurangnya seribu peminjam-peminjam, kita anggarkan mungkin dalam masa enam bulan untuk mendapatkan seribu peminjam begitu. Dan bila dapat seminggu seribu peminjam mengikut model yang ada kepada Amanah Ikhtiar Malaysia kita memerlukan sekurang-kurangnya 24 kakitangan untuk menangani pinjaman-pinjaman tersebut. Yang kedua yang saya nak sebutkan operasi ini serupa juga operasi *loan* (*loan processing* di bank) dan sebagainya sudah tentulah memerlukan sistem (komputer sistem), sudah memerlukan SOP nya, dan sebagainya. Ini sudah dijalankan dan bersama dengan teman-teman yang mempunyai pengalaman yang luas di bidang ini yang sebahagiannya yang akan menyertai yayasan ini itu telah disediakan. Maksudnya perancangan sudah disediakan. SOP nya sudah disediakan. Sistemnya sudah disediakan dan hanya menunggukan bila tarikhnya yang sesuai untuk kita lancarkan untuk pemberian yang pertama *loan* atau kredit yang nak diberikan kepada orang-orang miskin tersebut. Yang ketiga ialah tentang cadangan supaya digunakan orang-orang di UPEN. Memang mungkin boleh menggunakan orang UPEN. Tapi saya katakan tadi bukan orang UPEN ini tak ada kemahiran, tak ada ilmu dan sebagainya. Tetapi musuh kita ialah kita takut kegagalan. Sebab ini *specialize*. Kalau kita tengok di mana-mana pun dalam luar negeri di mana-mana pun memang dia. Bahkan ditubuhkan bank untuk mengendalikan program yang namanya mikro kredit ini. Tetapi pengalaman daripada luar itu kita tengok yang mana pengalaman-pengalaman yang membuahkan kejayaan yang itulah yang kita ambil dan kita dapati apa yang disyorkan oleh EXCO, apa yang dicadangkan oleh YAB Menteri Besar cara kita menubuhkan yayasan dengan yayasan itu beroperasi bersama-sama di bawah naungan MBI barangkali itulah cara yang terbaik. Ada *check and balance* dan sebagainya yang kita merasakan sistem *check and balance* dalam program-program yang seperti ini untuk menentukan setiap *scene* yang dikeluarkan itu memberikan manfaat kepada yang menerimanya. Inilah antaranya yang kita perlu tekankan dalam program ini. Yang kelima yang saya nak sebutkan ialah tentang pembayaran hutang ini. Pembayaran hutang ini kalau kita tengok, kalau kita buat sistem kerajaan ia biasanya akan jadi macam MARA dan sebagainya. *Scholarship* MARA, biasiswa MARA, hutang tekun dan sebagainya MARA. Kalau dia kerajaan, mentalitinya agak sukar mereka nak membayar tapi berdasarkan yayasan operasinya seperti badan korporat saya memikirkan agak mudah untuk kita mendapatkan hutang. *Target* kita ialah sepertimana yang AIM buat di Kedah dan Terengganu pembayaran baliknya ialah 100% dibayar balik cara mingguan. Nak minta orang bayar balik cara mingguan itu pun ada teknik-tekniknya, ada strategi-strateginya dipanggil kumpulan *prescient group* dan sebagainya. Dia ada 10 orang satu kumpulan dan kalau dia tak bayar *within the group* ada *pressure* di antara mereka yang menyebabkan terlalu malu mereka untuk tidak menunaikan tanggungjawab untuk membayar hutang-hutang tersebut. Apa pun kita sudah menyediakan insyallah dalam minggu ini akan disediakan *the whole modus operandi* sistem ini dan kita akan dengan kerjasama daripada Pejabat Daerah Sabak Bernam saya mengharap insyallah sebagaimana yang YB Bukit Antarabangsa dan teman-teman yang lain yang menyentuh mikro kredit ini tak sabar-sabar lagi dah untuk menjalankannya. Saya pun tak sabar-sabar nak menjalankannya. Tetapi ketidaksabaran itu pun harus disekatkan kerana kita nak melihat apa yang kita rancangkan itu sebenarnya adalah membuahkan kejayaan, yang menguntungkan rakyat yang selama ini rakyat terkapa-kapa kerana kekayaan negeri Selangor ini kebanyakannya masuk poket orang-orang yang tertentu sahaja. Yang inilah budaya inilah yang kita nak kikis-kikisnya bagi menentukan pulangan yang sampai kepada rakyat. Kemudian yang kedua tentang

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat. Hulu Kelang bangun.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Ya. Apakah peranan wakil rakyat ADUN di peringkat kawasan dalam menjayakan adakah sama dengan skim Mesra Emas, TAWAS, hadiah RM1,000 anak masuk universiti dalam melaksanakan mikro kredit?

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih Hulu Kelang. Peranan wakil rakyat terutamanya ADUN-ADUN dan juga Ahli Majlis dan sebagainya sangat besar dalam hal ini. Pertama sekali ialah mewar-warkan. Ini perlu sebab kita memerlukan setiap mereka yang sepatutnya diberikan bantuan dapat ilmu tentang itu, dapat pengetahuan tentang itu. Jadi saya fikir hanya nak mengharapkan yayasan sahaja mungkin ada keterbatasannya. Orang yang berada di peringkat akar umbi seperti JKK misalnya seperti orang surau, orang masjid, jawatankuasa surau, jawatankuasa masjid, jawatankuasa penduduk. Saya rasa ini merupakan ejen-ejen kita. *You know extended agents* yang boleh digunakan untuk menjayakan. Siapa Ketua-ketua *extended agents* ini? Biasanya ialah wakil-wakil rakyat. Ok. Yang kedua ialah untuk menentukan mereka membayar balik wang pinjaman ini. Oleh kerana ini duit rakyat, oleh kerana ini amanah saya minta lah supaya wakil rakyat nanti selepas bulan Ogos nanti saya akan memberikan sendiri penerangan kepada semua wakil rakyat termasuk ahli parlimen dan sebagainya, termasuk ahli-ahli majlis supaya semuanya dapat menjiwai hasrat yang tercatat, yang tidak tercatat hasrat yang ada bagi kita membantu orang miskin ini dapat difahami oleh setiap kumpulan termasuk wakil-wakil rakyat dan ADUN-ADUN kita. Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Ya Yang Berhormat.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Ya. Sila-sila.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih YB Tuan Speaker dan YB EXCO. Saya menyambut baik hasrat YB sebentar tadi supaya setiap sen daripada tabung ini dipastikan sampai kepada kumpulan sasaran kita iaitu rakyat yang memerlukan bantuan dan yang kedua saya tidak menolak fakta bahawa beberapa proses kelulusan itu dapat diterima dalam satu tempoh yang agak singkat berbanding dengan pentadbiran biasa. Namun perbahasan yang saya anjurkan pagi semalam ialah menumpukan soal bagaimana kita boleh mengurangkan kos operasi. Ini ada kaitan dengan kenyataan YB tadi bahawa setiap sen daripada RM50juta itu mesti sampai kepada rakyat di bawah dan *concern* saya ialah bila kita ada satu jabatan baru, ada birokrasi baru, ianya akan melengahkan proses betul kita nak telus, supaya tidak ada berlaku penyelewengan, saya setuju tetapi kalau peranan ADUN ataupun Ahli Parlimen di Negeri Selangor untuk mewar-warkan program ini kita dah war-warkan dah empat bulan jadi sekarang kami juga kena marah, mana dia borang, mana dia mekanismenya. Saya tegaskan semalam ialah peranan Kerajaan Negeri hanya menentukan mekanisme, bagaimana penyaluran wang itu kepada rakyat sebab kalau kita tubuhkan yayasan, mungkin ada kebaikannya tetapi apakah jaminan bahawa ianya tidak gagal. Banyak juga yayasan yang telah berlaku kegagalan maka kita gunakan jentera yang sedia ada dan saya yakin dengan pentadbiran Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' SS dan pimpinan yang lain, boleh membantu Kerajaan Negeri untuk menyalurkan setiap sen RM 50 juta ini terus kepada rakyat dengan menggunakan jentera yang sedia ada tetapi dalam masa yang sama Kerajaan Negeri menentukan mekanisme yang cukup jelas termasuk pembayaran balik dalam skim ini. Dan kalau kita nak ikut *business* model saya ingat macam AIM telah jelas, Griming Bank pun ada sistemnya dan saya cadangkan semalam kalau kita park ataupun simpan RM 50 juta ini dalam bank yang dipilih oleh Kerajaan Negeri dan setiap bank itu ada cawangannya di semua daerah dalam negeri Selangor. Maka dengan mudah pinjaman itu boleh disalurkan di setiap kampung, setiap daerah tanpa memerlukan satu jabatan baru tapi perkara ini saya pohon penjelasan

apakah rasionalnya, keperluan sebuah yayasan dalam peringkat ini sedangkan kita sudah ada jentera yang agak kemas yang boleh membantu menjayakan program yang kita sedang bincangkan. Terima kasih.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih YB, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, mikro kredit ini dari segi negeri Selangor ini ialah perkara yang baru dan ini merupakan satu *area* yang agak spesialis kalau kita sebutkan tadi macam Griming Bank misalnya operasinya adalah operasi bank. Jadi oleh sebab itu kita memerlukan tangan-tangan yang berpengalaman, tangan-tangan yang terkhusus untuk mengendalikannya. Dan untuk itu, kita telah pun menjemput teman-teman yang berpengalaman ini tiap-tiap seorang yang berpengalaman 20 tahun yang kita jemput datang untuk membantu kita dalam hal ini dan bila mereka berpengalaman, 20 tahun dalam bidang ini dan terbukti berjaya sehinggakan dia punya pembayaran balik 100% di dua buah negeri misalnya Kedah dan Terengganu. Saya rasa dia punya sukses cerita sukses *story* nya sangat-sangat membanggakan kita dan cara itulah agaknya kita boleh mengikut *part west* yang diteroka oleh mereka yang telah berjaya. Nombor dua tadi rasional kita menubuhkan yayasan ini. Ialah rasionalnya kita nak bila yayasan ini kita tubuhkan maka pentadbirannya ialah pentadbiran separa ataupun pentadbiran yang dianggap sebagai berbentuk korporat begitu ya. Yang lebih-lebih korporat itu *accountability* nya itu mestilah *accountability* mengikut lunas-lunas *accountability corporate*. Yang inilah yang telah diterapkan di Amanah Ikhtiar Malaysia dan saya difahamkan ini juga yang nak dibawa ke yayasan yang akan ditubuhkan ini. Jadi sebab itu proses yang ketiga itu, bila yayasan ini ditubuhkan kita hendak *organization* nya *lean small and lean organization* maknanya tidak besar, tidak *rock critic* sifatnya yang ini yang kita hendak bukan kita tak setuju dengan cara kerajaan kita pun sebahagian daripada kerajaan tapi kalau kita lihat dalam buku-buku yang ditulis, pentadbiran secara korporat ini dalam berbagai hal jauh lebih baik, jauh lebih *effusion*, jauh lebih *portable*, jauh lebih *effective* jika dibandingkan dengan pentadbiran yang bercorak *proactive*. Maka dengan itu saya faham yang keempat jika saya boleh bagi lagi tentang yayasan ini kenapa kita tubuhkan yayasan kita hendak sebab itu kita berkait dengan MBI. *Hole* proses *the fanding* daripada MBI. Jadi sebab itu bila MBI diturunkan kepada Yayasan saya rasa dia punya *flow* tu gaknya lebih *nick* daripada MBI turunkan kepada normal Jabatan Kerajaan. Apa pun kita sudah tengok dan lihat dalam kertas yang kita sediakan untuk EXCO kita dah berikan beberapa opsyen-opsyen itu dan pilihan kepada EXCO dan pilihan yang dicadangkan oleh YAB Menteri Besar ialah supaya ditubuhkan yayasan untuk tujuan *monitering* untuk tujuan-tujuan menentukan kejayaan dan sebagainya untuk tujuan-tujuan *accountability* kita memikirkan cara yayasan ini lebih baik daripada sistem yang ada dalam sistem birokrasi tersebut. Kemudian saya nak terus kepada sedikit tentang PADAT ini ya. PADAT ini YB Antarabangsa menyebutkan untuk kita tidak membazir dan sebagainya inilah yang kita lakukan. PADAT masa kita menjayakan PADAT ini saya tak tahu berapa kali *revision* yang kita buat tentang kos yang terlibat saya sendiri beri *concern* tiap-tiap mesyuarat tak kurang dari 20 kali mesyuarat agaknya kita bincangkan menyentuh tentang *costing* ini. Untuk pengetahuan YB sebenarnya dalam perancangan PADAT ada dua *event* besar. Satu karnival, karnival ini berlaku pada 23hb hingga 25hb April namanya Karnival Adat Rakyat itu yang kita lakukan. Alhamdulillah dengan dokongan dan sokongan daripada teman-teman berbagai agensi yang membantu Agensi Kerajaan yang membantu, MBSA misalnya, Muzium yang dulunya. Muzium itu dan beberapa agensi yang lain yang membantu kita. Kita telah menjayakan karnival itu. Yang kedua ialah pelancaran pada malam 5hb Mei yang disempurnakan oleh DYMM Sultan Selangor itu. Saya merasakan memang itulah cita-cita kita nak melihat satu majlis pelancaran dia punya skalanya skala dunia. Dia punya *scale* nya *scale* dunia. Dia punya persembahan, persembahan dunia dan apa yang kita terima pada malam itu yang kita lihat memang internasional standard. Ini yang kita lakukan. Dan apa yang kita buat kita hendakkan persembahan pada malam itu menggambarkan adat-adat adat yang ada di negeri Selangor ini dan kita akan sebarkan. Kita

videokan, kita akan sebarkan seluruh sekarang ini kita dah tengok seluruh dunia ini kita akan bekalkan video-video itu. Muzium-muzium di dunia, pusat-pusat kebudayaan dunia di Amerika, di Australia, di Eropah dan sebagainya mereka akan menerima 2 *copy*. Satu *copy full proceeding* pelancaran itu satu lagi *copy except* tentang yang penting-penting dibuat dalam bahasa Inggeris untuk disebar ke dunia. Oleh kerana kita nak menyebarkan kepada dunia

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Terima kasih. YB sebut tadi pelancaran pada 5hb Mei itu matlamatnya supaya berskala dunia. Kita boleh bahas itu tapi malam itu, saya hadir *microphone* pun tak berjalan ya, jadi tak dengar apa yang dipuisikan atau dibacakan dan yang kalau tujuannya untuk menggambarkan Budaya Orang Melayu, saya nak tanya sebab beberapa watak yang saya tengok tu rambutnya panjang-panjang belaka. Apakah ini perwatakan Melayu Baru atau pun adat budaya Orang Melayu menyimpan rambut yang begitu panjang. Jadi mungkin YB ada penjelasan tapi itulah yang saya ingin tanyakanlah.

**TUAN SPEAKER :** Zaman Hang Tuah mungkin rambut panjang. Ketawa...Kajang

**YB TUAN LEE KIM SIN :** Soalan berkaitan, Kajang ambil kesempatan ini menanya berkaitan dengan selain daripada pelancaran PADAT dan apakah program-program isian untuk PADAT yang sekarang ini kita nampak Persidangan Dewan tak ada penyata-penyata dan juga tak ada apa-apa rancangan yang diterima oleh pihak ADUN. Jadi kita berharap dapat maklumat yang lanjut. Sekian terima kasih.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI :** Terima kasih YB yang itu ada soalan-soalan jawab mulut ya lisan. Yang saya akan jawab bahagian yang itu. Tapi tadi yang rambut panjang inilah, sebagaimana yang kita tahu pada majlis pelancaran itu ada dua persembahan utama. Pertama ialah Dendang Anak tu namanya Nak Anak itu yang agak saya rambut panjang yang kedua ialah Teater Mustika Hati. Itu rasanya ada banyak rambut panjanglah. Ok soal rambut panjang ini kita nak mengatakan ini tak boleh pada masa itu. Saya pun tak berani nak mengatakan itu tak boleh sebab kalau kita tengok dalam tradisi-tradisi gambar-gambar yang ditunjuk bukan kepada saya, gambar-gambar tradisi ini rasanya rambut-rambutnya tak macam rambut saya ialah jadi sebab itu tapi saya pun sebenarnya bertanya-tanya juga adakah ini macam YB juga, saya pun bertanya-tanya juga kadang-kadang kita tengok tu rambut panjang menggerbang jadi sebab itu kita pun ada keseraman dekat situlah ya. Tapi apa pun saya fakir ya, apa pun saya fakir oleh kerana dia menggambarkan kalau kita tengok bangsawan-bangsawan kalau kita tengok cerita-cerita klasik saya rasa itulah gambaran manusia-manusianya tetapi bila kita nak buat sekarang ini kita nak tunjukkan kepada dunia dari segi tradisi ini tradisi adat. Adat ini turun temurun daripada ratus-ratus tahun yang lalu tapi apa pun adat yang dipancarkan itu mungkin adat seratus, dua ratus, tiga ratus tahun yang lalu. Itu dia tapi kalau nak digambarkan sekarang ini contoh yang paling comel YBlah saya rasa. Ketawa.... Kemudian saya fakir

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Terima kasih. Ketawa....

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI :** Kemudian tentang Alam Flora ini, saya dengar Alam Flora ni tiap-tiap kali Mesyuarat Dewan saya menjawab Alam Flora ni. Saya tidak ada keperluan lagi nak menjawab, kita sekarang *action-action* aja. Banyak-banyak cakap ini pun tak berapa nak sedap juga tapi apa pun saya nak bagi tahu kepada teman-teman YB, YB bahawa seluruhnya ini sedang dikaji sebab kalau kita nak ambil kalau kita nak kendali sendiri, negeri nak kendali sendiri ada beberapa paling tidak 6 implikasi. Implikasi yang pertama ialah implikasi undang-undang kita kena tengok ni sebab Alam Flora buat *agreement sign agreement* dengan *respective* PBT ada 11 PBT Hulu Selangor sahaja yang tak masuk. Tiap-

tiap satunya ada punya peruntukan undang-undang yang perlu disemak dalam hal ini kalau Hasan Ali semak, saya rasa tak *valued* dia dan saya hendaklah misalnya LA kita dan LA yang lain agaknya boleh bantu kita untuk buat semakan. Nombor dua implikasi kewangan. Seluruh PBT ini hutang kepada Alam Flora RM 133 juta. Hutang yang tak dibayar lebih dari 365 hari hutang itu ialah 11% daripada itu tak dibayar dan melebihi 365 hari. Kalau kita nak ambil, dia ada peraturan tu kena langsaikan dengan Alam Flora 7 minggu, 7hari kalau tak silap saya. Kita kena langsaikan. Kita kena tengok peraturan-peraturan itu. Nombor tiga ialah *logistic*. Masa Alam Flora ambil dulu. *The took in the hole lot toke and bearable*. Dia ambil lorinya, dia ambil pekerjaanya, dia ambil dia punya kontakanya, dia ambil seluruhnya dia ambil oleh itu adakah kita kerajaan negeri ini mempunyai keupayaan kapasiti kabiliti macam Alam Flora. Yang keempat saya nak sebut negeri-negeri Pakatan yang lain, yang saya tahulah sehingga hari ini semuanya menerima konsep yang dibentangkan oleh Kerajaan Pusat. Maknanya di bawah Akta 672 yang telah 2 kali di *postpone* untuk dilaksanakan. Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal Pemeriksaan Awam 2007 kalau mengikut yang saya selidik mereka akan jalankan tahun ini. Katakanlah kita ambil lagi 3 bulan, bulan yang kelima mereka akan ambil Kerajaan Pusat akan ambil seluruhnya PBT daripada hal-hal pengurusan sisa pepejal ini pembersihan dan sebagainya. Kutipan jadi macam mana kita nak menjalankan tugas dalam keadaan masa yang keadaan singkat begitu bila pengambilalihan ini berlaku. Pengambilalihan ini akan berlaku dan *state* terpaksa akan patuh kepada peraturan-peraturan pengambilalihan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Kemudian itu tentang guna tenaga. Guna tenaga ini kita nak guna tenaga kemahiran, kepakaran dan kalau kita tengok saya dah pergi tengok di *Perth*, di *Melbourne* dan sebagainya dan tengok mereka bekerja saya tengok dari segi pemandunya dari segi macam mana nak ambil sampahnya, pengasingan sampahnya, loji-lojinya kita letakkan dia punya tong. Tong tu betul-betul tak 2 inci ke tengah tak 2 inci ke tepi. Aaaa itu dia punya sistem dia. Kita akan sampai ke peringkat itu insya-Allah kalau betul-betul kita dapat bantu membantu di antara kita mewujudkan satu sistem pembersihan yang coraknya seperti corak negara-negara maju seperti itu. Kemudiannya ialah tentang teknologi saya sudah lihat saya harap satu hari nanti saya bukan nak bela Alam Flora, tidak. Tiada sebab saya nak bela Alam Flora. Satu hari nanti untuk adil pada semua pihak, adil kepada Alam Flora yang menjadi *company*. Mari kita ke pejabatnya tengok dia punya teknologi macam mana dia monitor tip-tiap lori tu dia monitor. Lori ini singgah di *point A* sampai *point B* dalam masa 1 km pukul berapa, bertolak pukul berapa sampai 1 km lepas tu berapa orang yang duduk daripada tiang ini ke sini, sampah dikutip tak dikutip, semuanya *under servey* lagi. Jadi ini satu sistem yang saya fakir hanya kalau kita dapat jalankan sistem ini dengan perubahan sikap, perubahan *mentality*, perubahan institut seluruh masyarakat bandar, masyarakat PBT saya yakin sistem ini dapat dijalankan. Akhirnya hubungan dengan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, sekejap-sekejap YB sekejap lagi. Hubungan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Kita ni Kerajaan Negeri dan sehingga ini Kerajaan Persekutuan tak layan Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat ni dengan layanan macam negeri-negeri yang lain tidak di bawah Pakatan Rakyat. Dan saya bimbang sangat dengan kerana layanan yang berbeda dengan keadaan yang sedemikian, kalau kita buat sesuatu yang bercanggah dengan kehendak peraturan Kerajaan Persekutuan, takut yang menjadi orang yang akan menerima padahnya nanti pihaknya ialah Kerajaan Negeri ini. Ini pun kita kena perhatikan. Apa yang saya nak lakukan bersama dengan YB-YB bersama dengan EXCO yang lain, kita akan kemukakan satu kertas yang betul-betul *comprehensive*. Dan saya akan kemukakan kepada EXCO dalam sebulan saja saya rasa. Saya akan kemukakan kertas yang betul-betul *comprehensive with all those options*, macam mana caranya untuk jangka pendek, untuk jangka pertengahan, untuk jangka panjang bagaimana kita dapat menyelesaikan supaya Shah Alam, supaya Petaling Jaya MPSJ, MPAJ, MPKj menjadi seperti negeri-negeri yang kita biasa lihat, negeri-negeri maju yang seperti bandar-bandar negeri-negeri maju yang seperti itu.

**YB TUAN LAU WENG SAN :** Tuan Speaker minta penjelasan. Apa yang saya cadangkan semalam ialah supaya PBT mengambil alih, Saya sedia maklum memang ada PBT yang tidak mampu. Cuma cadangan saya bagi PBT yang mampu mungkinkah boleh kita melakukan sesuatu. Ada sebab-sebab yang dikatakan tadi seperti masalah kewangan, notis dan sebagainya, malahan masalah dari segi undang-undang. Saya rasa bagi PBT seperti Majlis Bandaraya Petaling Jaya atau pun Shah Alam mereka mempunyai kapasiti untuk menyelesaikan masalah ini. Yan kedua ialah tentang persepsi orang ramai, persepsi orang ramai pada masa sekarang ialah dia anggap sampah ini adalah di bawah PBT. Memang di bawah PBT pun. kerana PBT yang bayar dia ada *pay master*. Tetapi masalahnya ialah setiap kali aduan ADUN atau Ahli Parlimen yang kena. Jadi tak membeza-bezakan ini siapa punya pasal. Dia tak kira sama ada Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan Pusat. Memang pada asalnya wakil rakyat mempunyai tanggungjawab untuk menjelaskan perkara ini, ianya seperti diswastakan. Tapi apa yang perlu dilakukan ialah bagaimana kita boleh melibatkan Kerajaan negeri Selangor atau Kerajaan Tempatan di dalam proses pemilihan kontraktor ini. Masalah sekarang ialah walau pun dia ada sistem dia, *survey lated* ini adalah satu teknologi yang saya kira bukannya satu yang canggih sangat. Memang sepuluh tahun atau lima tahun yang lalu, sistem ini sistem yang canggih. Tapi sekarang ini sistem ini sebenarnya merata-rata tempat pun ada. Termasuk kereta polis. MPV dia ada satu sistem *serveyer* sistem. Jadi walau pun Alam Flora ada teknologi sebegini masih ada rintihan, masih ada aduan. Apa yang berlaku sebenarnya.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI :** Terima kasih. lalah kalau kita nak cerita panjang perkara ini saya pun tak fahir nak cerita panjang perkara ini. Tuan Speaker ya, saya fikir secara umum dan secara ringkasnya sahaja benda ini *multifisated*. Masalah. Masalah yang *illegal dumpers*, masalah *illegal* kontraktor ada, masalah kontraktor-kontraktor yang memang tidak berupaya yang sudah dapat begitu banyak surat amara ada. Masalah- masalah pemilihan kontraktor-kontraktor pun ada. Ada masalah tentang pemilihan-pemilihan ini. Saya pun tak berfikir panjang tentang masalah pemilihan ini. Yang perlu kita selaraskan. Antara kita pun kita perlu selaraskan. Antara agensi pun kita perlu selaraskan. Antara PBT-PBT pun kita perlu selaraskan. Itu masih ada masalah. Tapi apa pun yang saya nak sebut, apa pun *option-option* yang dikemukakan nanti kepada EXCO dan saya sebelum mengemukakan itu saya minta nanti kalau dapat di panggil teman-teman di dalam PBT PBT semua sekali untuk mendengarkan pandangan-pandangan mereka. Kita akan panggil nanti misalnya komuniti *leaders* untuk mendengar pandangan-pandangan mereka. Dan akhirnya saya janjikan kita akan memanggil ADUN-ADUN kita dan Ahli Parlimen untuk mendengar cadangan-cadangan mereka sebelum kertas akhir dapat disampaikan kepada EXCO. Jadi ini lah yang saya rasa rancangan saya.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya terdengar tadi Yang Berhormat memberi tahu kita kena berhati-hati dengan Kerajaan Persekutuan sekiranya ada berlaku pelanggaran undang-undang mungkin Kerajaan Negeri yang akan menjadi mangsa. Tetapi fakta yang harus kita akui ialah Kerajaan Persekutuan yang melanggar banyak perlembagaan dan semangat perlembagaan. Dan kita jangan tunduk kepada Kerajaan Persekutuan, sebab kerajaan ini dibentuk atas dokongan rakyat yang mahu melihatkan perubahan dan mana perlu kita kena tegur. Kalau perlu lawan kita lawan di mahkamah. Walau pun tidak banyak keyakinan yang boleh kita letakkan dalam sistem kehakiman pada hari ini tetapi sekurang-kurangnya rakyat melihat kita tidak tunduk kepada kezaliman yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan. Itu yang pertama dan saya telah beri contoh semalam dalam perbahasan tentang tanah-tanah yang cuba juga di ambil kuasa oleh Kerajaan Persekutuan yang mungkin akan di jawab oleh EXCO yang lain. Tetapi berbalik kepada soal Alam Flora ini. Memang benar Yang Berhormat EXCO tidak mahu lagi bercakap

banyak kali dah. Tetapi kita juga belum melihat sebarang tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri. Dari segi *reality* di bawah. Saya bagi contoh kalau nak kata hanya Negeri Pakatan Rakyat yang akan terpaksa tunduk kepada beberapa peruntukan yang ada, Negeri Perak yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang haram ini. Negeri Perak baru membuka tender terbuka untuk semua PBT menswastakan projek pengurusan sisa pepejal. Ini negeri Kerajaan Barisan Nasional, walau pun tidak demokratik, tetapi Menteri Besarnya sendiri telah membuat kenyataan menswastakan semua pengurusan sisa pepejal. Itu yang pertama. Yang kedua, Bandaraya Kucing juga tidak menggunakan perkhidmatan Alam Flora sebuah syarikat yang diswastakan dan Bandaraya Kucing merupakan Bandaraya yang terbersih dalam Negara kita. Maka saya anjurkan Negeri Selangor seharusnya memimpin dalam persoalan ini. Kerana kalau nak kata kita boleh melawat Alam Flora, ya, kalau EXCO atau Menteri Besar datang memang dia akan memberikan *briefing* yang terbaik, taklimat yang terbaik yang canggih tetapi realiti di bawah di kawasan saya Ampang, sampah dipungut kalau lebih dua kilo di tinggalkan setengah hari. Jadi bagaimana sumbangan Kerajaan Negeri kepada Alam Flora begitu tinggi ratusan juta ringgit tetapi rakyat mengeluh kerana perkhidmatannya terlalu lemah. Ini yang harus kita teliti dan saya ingat kita harus lebih proaktif dalam perkara ini kalau Perak pun boleh swasta kan pengurusan ini, saya kita Negeri Selangor juga harus mengambil sikap yang lebih proaktif dan jangan terlalu terikut dengan rentak Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Antarabangsa. Saya tidak pun menyarankan supaya kita tunduk kepada Kerajaan Persekutuan ini. Saya hanya menyarankan dari segi peruntukan undang-undang. Kena tengok, kita kena tengok kena kaji yang mana boleh lawan yang mana tak boleh lawan, kita kena kaji. Keseluruhannya memang legalistik sifatnya. Kita kena tengok menguntungkan kita merugikan kita. Yang mana kita boleh, boleh lawan yang mana tak boleh lawan. Saya nak beritahu Bukit Antarabangsa bahawa saya tak fikir saya rasa jiwa kecil bila kita berdepan dengan Kerajaan Persekutuan dan sebagainya dan saya pun tidak terlalu sombong berjiwa terlalu besar bila berdepan dengan mereka. Tapi saya fikir kita harus *intelligent* dalam hal ini. Harus ada hikmah dalam perkara ini dan sebagainya untuk kita menyelesaikan perkara ini. Tapi apa pun saya mengatakan kalau kita lihat ini, kita kena lihat kajian-kajian dan data-data yang saintifik. Kalau misalnya data yang dikemukakan oleh Alam Flora diragukan, kita boleh tanyakan, kita boleh panggil dia, CEO dia bila-bila masa boleh datang, tidak ada masalah. Kalau kita panggil dia terangkan kenapa ini tak dikutip, kenapa satu kilo, setengah ada dua kilo tak dikutip setengah kilo ditinggalkan. Ini kita kena bagi tahu dia. Di mana tempat dia siapa yang melaporkan, betul ke berlaku benda-benda itu. Tapi inilah saya fikir keseluruhan yang saya tengok yang dibekalkan kepada saya ialah tentang dari tahun ke tahun *complaints* orang ramai. Terutamanya di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat sejak dua tahun empat bulan lima bulan yang lalu. *Complaints* semakin menurun, semakin menurun, semakin menurun semakin menurun. Ini fakta nya. Kalau di kita *distribute* kan fakta kita boleh *distribute*. Kita boleh buat kajian sendiri, sebagai *verification very fine* apa yang dilaksanakan oleh Alam Flora. Tapi banyaklah mekanisme – mekanisme nya tapi saya lebih suka kalau benda itu berdasarkan fakta, benda itu berdasarkan kajian saintifik, benda itu berdasarkan betul-betul apa yang ada di lapangan, apa yang dijanjikan, apa yang ada di lapangan. *The gap and analysis*, kita kena buat gap *analysis* ini. Daripada *gap analysis* inilah saya memikirkan, kita boleh mendapatkan kekuatan dan kelemahan dan akhirnya kita mendapatkan kekuatan. Saya nak pergi terus kepada masa tidak mengizinkan.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Hulu Klang minta penjelasan.

**YBTUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB** : Sedikit. Adakah pihak EXCO boleh mengaturkan pertemuan dan dialog antara pimpinan tertinggi Alam Flora dengan ADUN-ADUN Pakatan Rakyat.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : *Certainly, certainly*, insya-Allah. Dalam masa yang terdekat ini saya akan aturkan. Tapi saya minta sangat ya pihak kita, pihak ADUN-ADUN dan sebagainya kalau boleh seratus peratus kehadirannya. OK. Kemudian kita nak pergi kepada YB Sekinchan tentang ada sedikit tentang JAIS ya. Ia itu pembinaan SRA Taman Harmoni lepas ini habislah saya tak nak meneruskan lagi kerana beri peluang kepada YAB untuk memberikan golongannya penggolongannya. Tentang pembinaan SRA Taman Harmoni cadangan pembinaan SRA Taman Harmoni Sekinchan terpaksa di batalkan kerana keadaan fizikal sekolah sedia ada masih baik dan selamat untuk digunakan. JAIS telah pun membuat kerja-kerja pembaikan dengan menggantikan atap bangunan yang bocor dan kerja lain yang berkaitan. Dari siasatan yang telah dijalankan JAIS mendapati SRA Taman Harmoni itu masih boleh menampung pertambahan murid untuk tempoh lima tahun yang akan datang dan jika keperluan mendesak, JAIS akan menambah bangunan yang diperlukan. Itu dia punya apa, lima tahun ah.....

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker minta jelas sedikit. Saya sebab perkara ini sebelum 8 Mac pihak kerajaan yang lama telah meluluskan dengan secara dasar untuk membina sekolah di situ dan di war-war kan dipasang papan tanda di kawasan tersebut dan orang kampung pun ramai dah mengetahui akan projek tersebut. Tetapi selepas Pakatan Rakyat mengambil alih dan kemudian entah apa masalahnya dan kajian demi kajian projek itu di batalkan. Dan sekarang ini dijadikan senjata oleh puak-puak mereka inilah. Di kampung menghasut, siang hari, siang malam ya menghasut. siang dan malam sebelum esok dan *bengi* hasut wai orang *kampung,ngomong* kita zalim. Aa ..... minta izinlah kalau boleh.

**TUAN SPEAKER** : Apa itu bahasa Jawa tak faham.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Minta izin, siang dan malam ini dia menghasut. Maksudnya siang dan malam menghasut. Puak-puak itu. Jadi saya minta kalau boleh ada kemampuan tolonglah ya, tolong buat.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : *Dae gasut-gasut* ialah *perukan* dalam jail. *Lebokkan* dalam jail.

**TUAN SPEAKER** : Ini apa lagi ni Yang Berhormat. Ini bahasa jawa sahaja.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Masuk dalam jail. Mengasut-ngasut masuk dalam jail. Jadi yang ini saya haraplah kalau misalnya dia kata lima tahunlah untuk pengetahuan Yang Berhormat kedaifan sekolah-sekolah di bawah 52 tahun pemerintahan UMNO Barisan Nasional kita dapati sekolah-sekolah rakyat, sekolah agama sama ada JAIS sama ada sekolah Agama Rakyat paling daif. Barangkali di Malaysia ini antara tempat yang daif Selangorlah. Pasal mereka tidak pernah mengambil perhatian terutama sekolah rendah agama rakyat itu. Jadi kita harap dengan lima tahun akan dapat tahan ini kita lima tahun akan datang ini saya rasa kita dah masuk, kita dah masuk penggal yang berikutnya, yang berikutnya dan terus memerintah Negeri Selangor ini insya-Allahlah. Kemudian Taman perkuburan Kota Kemuning., Tapak perkuburan Islam Kota Kemuning seluas 20 ekar sehingga ke hari ini tidak dapat digunakan kerana terdapat perintah dari mahkamah tinggi yang menghalang penduduk Islam di kawasan itu untuk menggunakan tanah perkuburan tersebut. Perintah ini telah di perolehi oleh penduduk-penduduk yang tidak bersetuju dengan penempatan tanah perkuburan

yang terletak berhampiran dengan kediaman mereka. Pihak JAIS telah memohon pewartaan untuk tapak-tapak tersebut, namun proses pewartaan tidak dapat diteruskan kerana adanya perintah pemaju telah mengesahkan kerana adanya perintah mahkamah berkenaan. Mengikut maklumat yang ada pemaju telah mengesahkan bahawa tapak tersebut merupakan tapak kawasan lapang. Jadi apa pun JAIS akan bekerjasama dengan terutamanya penduduk tempatan untuk melihat opsyen-opsyen yang ada bagi kita menunaikan tanggungjawab kita dalam menyediakan satu tempat yang sangat penting, [ *wong-wong urep* ] Orang-orang hidup akan mati juga, ha sebab itu kita rasa Tuan Speaker cukup setakat itu, saya ucapkan terima kasih kepada mereka yang memberikan komen memberikan ulasan dan saya mengharapkan dengan ulasan-ulasan tersebut mengambil kira dan kita akan masukkan dalam apa yang perlu bagi kita membaiki keadaan daripada apa yang ada sekarang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Pandamaran.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Terima kasih Tuan Speaker, saya hanya ada beberapa perkara sahaja dalam penggugungan saya, Kerajaan Negeri amat prihatin ke atas perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa, dan Ahli-ahli Dewan yang berbahas mengenai peruntukan tambahan dan antara perkara yang dibangkitkan iaitu isu penswastaan pengurusan tempat letak kereta oleh SUASA EFEKTIF SDN BHD dan juga GODELL PARKING SDN BHD. Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mengadakan perbincangan dengan semua PBT yang terlibat bagi mengatasi masalah dan pertikaian terutamanya mengenai tunggakan pembayaran. Kerajaan Negeri Selangor sedang meneliti dan menyemak semula semua perjanjian berkenaan dan juga telah mengambil inisiatif dan bertindak sebagai *mediator* antara PBT dan Syarikat-syarikat berkenaan dalam menyelesaikan pertikaian terutamanya mengenai tunggakan pembayaran. Perjanjian kontrak perusahaan tempat letak kereta ditandatangani oleh tiap-tiap PBT dengan Syarikat konsesi, tiada perjanjian utama dengan Kerajaan Negeri, tempoh perjanjian konsesi adalah selama 20 tahun yang akan berakhir pada bulan April 2019.

Jadi, *Syarikat Suasa Efektif* telah menandatangani kontrak pengurusan tempat letak kereta bagi PBT berikut:-

- i) Majlis Bandar raya Shah Alam
- ii) Majlis Perbandaran Klang
- iii) Majlis Perbandaran Selayang
- iv) Majlis Perbandaran Ampang Jaya
- v) Majlis Perbandaran Kajang
- vi) Majlis Perbandaran Sepang
- vii) Dan Majlis Daerah Kuala Selangor – walaupun belum beroperasi.

Dan *Syarikat Godell* pula telah menandatangani kontrak pengurusan tempat letak kereta bagi PBT berikut:-

- i) Majlis Bandar raya Petaling Jaya
- ii) Majlis Perbandaran Subang Jaya
- iii) Majlis Daerah Kuala Langat
- iv) Majlis Daerah Hulu Selangor
- v) Dan Majlis Daerah Sabak Bernam yang belum beroperasi.

Jadi, bidang tugas kedua-dua syarikat konsesi adalah berdasarkan kepada perjanjian yang ditandatangani oleh syarikat dengan PBT yang terlibat.

Dan saya pergi kepada jumlah bayaran tunggakan kedua-dua syarikat mengikut PBT adalah seperti berikut:-

- i) MBSA tiada tunggakan
- ii) MPK banyak juga la, 1.1 juta
- iii) MPAJ 211,000 ribu
- iv) MPS 1 juta
- v) MPKj 157,000 ribu
- vi) MPSepang hanya 31,000 ribu
- vii) MDKS belum beroperasi.

Tunggakan kepada Gordell

- i) MBPJ 952,000 ribu sehingga 30 Jun 2010
- ii) MDHL, MDKL dan lain-lain tiada tunggakan ataupun belum beroperasi.

Jadi tunggakan bayaran oleh pihak syarikat adalah disebabkan beberapa perkara yang perlu dibincangkan bersama antara syarikat dengan PBT yang terlibat. Antara menjadi punca tunggakan bayaran adalah pertikaian terhadap bayaran gaji dan elaun penguat kuasa yang memerlukan penyemakan semula dan pelarasan yang dilakukan oleh pihak Majlis. Kutipan kompaun juga menjadi punca tunggakan bayaran di mana kompaun yang dikutip belum *di kontra kan* oleh pihak majlis.

Jadi segala tunggakan akan dibuat *re-imburement* setelah *adjustment dibuat.. dengan izin*. Ini terkandung di dalam perjanjian antara pihak syarikat dengan pihak Majlis di mana Artikel 10.1 *default of the company* menyatakan bahawa pihak syarikat perlu membuat pembayaran kepada Majlis dalam tempoh sehingga dua bulan, jika tiada bayaran dalam tempoh tersebut barulah dianggap sebagai *default*.

Saya pergi kepada isu, *sorry* ya...

**TUAN SPEAKER** : Boleh, Bukit Antarabangsa bertanya.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya bertanya kepada soalan tambahan, pertikaian yang kita bincangkan bukan sekadar soal tunggakan yang sekarang ini kalau berdasarkan angka yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi sudah mencecah hampir 5 juta ringgit, pertikaian yang kedua ialah soal perjanjian, saya ada salinan kedua-dua perjanjian dengan kedua-dua syarikat konsesi. Saya kurang bersetuju kalau Yang Berhormat EXCO mencari jalan mudah dengan mengatakan perjanjian ini tidak ditandatangani dengan Kerajaan Negeri ianya hanya melibatkan PBT-PBT yang dinyatakan tadi, sedangkan PBT ini juga di bawah port-folio Yang Berhormat sudah tentulah secara tidak langsung ia nya memberikan kesan kepada Kerajaan Negeri, kerana kegagalan syarikat yang ditawarkan projek ini membayar kepada Kerajaan PBT, sudah tentulah seperti yang saya nyatakan semalam akan memberikan kesan kepada prestasi kewangan PBT-PBT yang berkenaan.

Dan yang kedua kalau kita teliti perjanjian yang terkandung di dalam kedua-dua syarikat konsesi ini, syarikat-syarikat ini bukan sekadar diberikan kuasa untuk yang disebut sini operasi pengurusan dan juga *maintenance of all the municipal parking places of Selangor tetapi juga diwajibkan untuk provide additional parking places* jadi saya ingin tahu apakah kedua-dua syarikat konsesi ini telah memenuhi perjanjian yang telah dimeterai dengan PBT, kalau tidak saya percaya kita boleh mengambil tindakan untuk *review* balik perjanjian ini dan membatalkan syarikat-syarikat yang

berkenaan sebab konsesinya terlalu lama apakah kita bersedia tunggu sampai 2019, sedangkan mereka melanggar perjanjian yang telah dimeterai, yang keduanya PBT juga dibebankan kalau mengikut perjanjian ini soal *enforcement* penguatkuasaan dibebankan kepada PBT bila kutip duit syarikat yang mendapat

70%, PBT hanya 30%, yang 30% itu pun tidak dibayar kepada PBT. Jadi saya kira yang saya nyatakan semalam perjanjian ini berat sebelah dan tidak berpihak kepada Kerajaan Negeri dan PBT dan saya rasa Yang Berhormat perlu mengambil satu lagi sikap yang lebih proaktif untuk segera meneliti perkara ini dan kalau Yang Berhormat nyatakan tadi sedang diteliti saya ingat saya ingin tahun *time frame* nyalah kalau sedang diteliti kadang 2 tahun 3 tahun tak selesai kalau boleh saya cadangkan Yang Berhormat diberi selama 3 bulan untuk menyelesaikan perkara ini dan kembali kepada dewan untuk menyatakan apakah? kemajuan dalam tindakan yang perlu diambil kepada kedua-dua syarikat ini.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Bukit Antarabangsa memang saya pun setuju dan pada sesi dewan yang pertama selepas 2008 saya telah membangkitkan isu ini berpendapat bahawa kontrak-kontrak ataupun *agreement* yang ditandatangani di antara syarikat-syarikat konsesi dengan PBT di bawah arahan kerajaan pusat pada masa itu memang berat sebelah dan memang benar tidak adil misalnya 70% untuk konsesi 30% hanya untuk PBT masing-masing, jadi, saya juga setuju kalau selepas penelitian atau selepas perbincangan kalau kita mendapati syarikat-syarikat ini benar-benar bercanggah malah melanggar undang-undang ataupun syarat-syarat perjanjian maka saya bercadang lah, semua PBT akan mengambil tindakan untuk kalau boleh kita tidak mahu berterusan dengan *agreement* itu, kalaulah kita ada hak itu selepas penelitian itu,

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN** : Soalan tambahan Tuan Speaker, Subang Jaya ingin bertanya mengenai status kajian kerajaan negeri mengenai perjanjian tempat letak kereta dengan Gordell dalam sidang yang lalu saya telah bertanya mengenai status kajian dan saya telah diberitahu bahawa masih dalam kajian, jadi dalam sidang ini saya nak tahu apa *update* nya. Terima kasih.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Terima kasih Subang Jaya, kita mendapati kontrak ataupun *agreement* ditandatangani di antara Gordell dengan PBT adalah satu *agreement* dan dia berlainan dengan syarat-syarat atau *agreement* yang ditandatangani oleh *Suasa Efektif* dengan PBT-PBT yang lain, jadi walau pun dua konsesi tetapi syarat-syaratnya misalnya dalam contoh penguatkuasaan ada yang syarikat yang membayar gaji dan elaun untuk penguat kuasa ada yang membayar kepada PBT, PBT yang membayar elaun dan juga penguat kuasa, jadi ada yang berlainan bagaimanapun isu ini agak rumit dan tadi Bukit Antarabangsa pun bercadang kita kena tetapkan satu tahap la itu saya setuju dan kita cubalah sedaya upaya untuk mencari satu penyelesaian sebab masih sampai hari ini pertikaian tunggakan itu sedang dikaji dan akan dijalankan dan lain syarat-syarat akan kita mengkaji lah..Tuan Speaker, saya akan pergi kepada,

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Yang Berhormat saya akan sambung rakan saya Subang Jaya tadi.

**YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW** : Boleh.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Persoalannya khusus, Subang Jaya telah bangkitkan isu ini pada sidang yang lepas, apakah? Status kajian dengan Gordell. Kerajaan jawab sedang diteliti, hari ini Subang Jaya bangun lagi, jadi persoalan belum dijawab sama ada kajian yang dilakukan oleh Kerajaan negeri itu sudah selesai ataupun belum selesai ataupun di tahap mana.

Yang Berhormat jawab tadi persoalan yang kita bangkitkan semalam, soal tunggakan perjanjian, tetapi kajian khusus Kerajaan negeri dengan Gordell ini apa status sebenarnya.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Ya, walaupun beberapa mesyuarat telah diadakan, tetapi masih belum ada keputusan kita masih ada belum dapat menyelesaikan perkara ini dan harus ambil masa yang lebih panjang lagi sebelum kita boleh memberi satu laporan ataupun penyelesaian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya ingin pergi kepada soalan daripada Teratai keputusan kepada MMKN bertarikh 10 Mac 2010, telah menolak permohonan penukaran syarat kawasan tanah lapang kepada tapak pasar pagi dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, MPAJ diminta memberhentikan operasi operator lapang sasaran golf dan UPEN diminta melawat tapak bagi memberhentikan operasi di tapak. Keputusan MMKN membenarkan MPAJ memajak tanah kepada SUK dan disewakan kepada operator telah dibatalkan. Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat telah mengeluarkan notis 425 bagi operator mengosongkan tanah lapang tersebut sehingga 31 Julai 2010 selaras dengan keputusan MMKN. MPAJ telah mengeluarkan notis operator memberhentikan operasi lapang sasaran golf dan gerai di kawasan tersebut sehingga 31 Julai 2010 bagi menjadikan kawasan lapang Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina berdekatan terletak di Pandan Mewah yang jaraknya lebih kurang 4 kilometer dari kawasan yang di cadang untuk dirizabkan sebagai SRJK( C ) yang baru. MPAJ telah membuat perancangan untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan lapang bagi tujuan riadah tetapi oleh kerana Teratai masih berfikir ataupun masih mencadangkan dan berpendapat bahawa walaupun tanah 2.6 itu walaupun kecil tetapi masih sesuai untuk sebagai sebuah Sekolah Cina Komuniti jadi saya rasa Teratai boleh kita boleh *follow-up* dengan izin, dengan Kerajaan Negeri sama ada tapak yang disediakan yang dikatakan lebih kurang 4 kilometer itu lebih sesuai ataupun tapak yang dicadangkan oleh Teratai itu lebih sesuai. Kita akan kajilah dan kita minta Teratai pun boleh *follow-up* dengan izin Kerajaan Negeri.

**YB PUAN LEE YING HA** : Tuan Speaker, minta laluan. Terima kasih Y.B. EXCO. Bolehkah Teratai mencadang supaya kalau ada mesyuarat begitu yang menolak permohonan Teratai bolehkah melibatkan Teratai sebagai mewakili penduduk duduk dalam MTES kah atau apa-apa *meeting* supaya saya boleh jelaskan latar belakang dan juga sebab-sebab ini haruslah disokong oleh Kerajaan. Sebab tidak adillah semua yang tiada seorang pun yang buat lawatan ke tapak tersebut tapi ditolak langsung atas kertas sahaja. Saya rasa ini tidak adil bukan tidak adil untuk Teratai tapi tidak adil untuk penduduk di Pandan Perdana.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Tuan Speaker, ia Tuan Speaker saya bercadang Teratai boleh *follow-up* dengan Kerajaan Negeri mengenai tapak yang mana lebih sesuai dan sebagainya. Apa yang berlaku adalah satu laporan saya membuat di sini ekoran kerja-kerja yang diambil oleh MPAJ dan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan termasuk Pejabat Daerah. Dan memang adalah praktis Kerajaan Negeri apabila kita ada perbincangan di MTES dan sebagainya kita ada, kita ada menjemput ADUN dan juga Ahli Parlimen dan juga kadang-kadang wakil-wakil dari persatuan penduduk pun dijemput datang bersama-sama. Jadi saya pun tidak pasti mengapa apabila perbincangan mengenai tapak sekolah itu diadakan, Teratai tidak dijemput. Saya akan tanya kepada MTES lah.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Teratai ada soalan lagi.

**YB PUAN LEE YING HA** : Minta sikit laluan sahaja.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Ada lagi?

**YB PUAN LEE YING HA** : Bukan, sebab saya hendak tambah lagi. Kalau isu ini ditolak haruslah buat satu lawatan bersama dengan ADUN berkenaan. Itu secara adil dan saksama. Saya boleh jelaskan kepada penduduk, inilah hasil lawatan adalah alasan kenapa ini ditolak atau disokong. Saya rasa cara ini buat *meeting* ataupun atas kertas kerja sahaja dan ditolak tanpa apa-apa alasan yang kukuh, ini tidak adil untuk semua penduduk dan ini tidak profesional dan tidak menunjukkan profesional yang ada di Negeri Selangor.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Tuan Speaker, saya meminta Teratai jangan risau kerana Kerajaan telah menyediakan satu tapak yang rasa, kita rasa lebih sesuai tetapi walau bagaimanapun kerana Teratai masih rasa tapak yang dicadangkan itu lebih sesuai jadi kita boleh buat satu *follow-up*, buat lawatan bersama-sama bukan sahaja tapak yang dicadangkan oleh Teratai dan juga termasuk tapak yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, saya ingin pergi kepada pemilihan Ahli-Ahli Majlis yang dibangkitkan oleh Telok Datuk. Berhubung dengan pemilihan dan pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri amat menekankan kriteria berdasarkan taraf kelayakan pendidikan, sumbangan setiap Ahli Majlis kepada PBT serta penduduk setempat, berpengalaman luas dan keaktifan seseorang Ahli Majlis di dalam masyarakat seperti mana peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Akta Kerajaan Tempatan. Selain itu Kerajaan Negeri juga mensyaratkan agar seseorang Ahli Majlis yang dilantik hendaklah melepasi tapisan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan juga Jabatan Insolvensi. Dalam pada masa yang sama, Ahli-ahli Majlis juga akan dinilai berdasarkan prestasi perkhidmatan yang telah ditunjukkan Ahli Majlis yang mencapai tahap perkhidmatan cemerlang akan dipertimbangkan untuk meneruskan perkhidmatan sebagai Ahli Majlis ataupun sebaliknya. Penilaian prestasi Ahli-ahli Majlis berkenaan kemudiannya akan dilaporkan di dalam mesyuarat khas Penilaian Ahli-ahli Majlis PBT Selangor untuk penilaian seterusnya bersama-sama semua Ahli Dewan Negeri dan Ahli Parlimen

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : secara berperingkat mengikut PBT.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Boleh Bangi mencelah? Pernahkah dalam Majlis, Ahli Majlis dilantik satu kumpulan penasihat dan ada komen bahawa pelantikan ini akan membazirkan dari segi kewangan kerana mereka tidak turun padang? Terima kasih.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Terima kasih Bangi. Saya rasa tidak. Ini memang satu percubaan yang baru oleh sebagai satu usaha Kerajaan Negeri supaya memantapkan lagi prestasi PBT. Jadi ini tidak merupakan satu pembaziran dari segi kewangan

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Maaf Tuan Speaker, betapa jumlah mereka dan fungsi mereka macam mana agaknya yang dikatakan tidak akan membazir?

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Tuan Speaker, Lembaga Penasihat ataupun Majlis Penasihat ini belum ditubuhkan lagi. Ini masih dalam walaupun keputusan telah dibuat iaitu kita akan menubuhkan tetapi sehingga hari ini belum ditubuhkan, elaun pun belum ditetapkan. Jadi hanya anggotanya, hanya sekarang ada seorang, dua, tiga diberi tanggungjawab untuk menubuhkannya. Jadi setakat ini saya tidak dapatlah memberi *detail* yang lebih lanjut. Setelah proses penilaian selesai dibuat, mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Ahli-ahli Majlis PBT Selangor yang dianggotai oleh 5 orang wakil dipilih daripada setiap parti diadakan bagi tujuan mengesyorkan pencalonan Ahli-ahli Majlis bagi penggal 2010 hingga 2011. Seterusnya nama-

nama Ahli Majlis yang dicadangkan akan dikemukakan ke peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri iaitu EXCO untuk kelulusan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan terus menerus mengkaji sebarang pendekatan yang terbaik demi memastikan Ahli-ahli Majlis yang dipilih adalah berkaliber dan berwibawa demi menjaga kepentingan rakyat. Sebagaimana yang dipraktikkan, Ahli-ahli Majlis PBT yang dilantik akan diberi tempoh percubaan selama 6 bulan bagi menilai sama ada prestasi perkhidmatan penyampaian mereka memuaskan atau sebaliknya.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tuan Speaker, Tuan Speaker minta laluan.

**TUAN SPEAKER** : Ia, Taman Templer.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya hanya hendak bertanyakan kepada Yang Berhormat EXCO kerana kita menyentuh tentang Ahli Majlis dan pelantikannya. Baru-baru ini di kawasan saya sendiri, di Selayang di bawah Majlis Perbandaran Selayang, terlalu banyak rungutan yang telah pun dikemukakan oleh Pegawai-pegawai daripada Majlis Perbandaran sendiri kerana kononnya Ahli-ahli Majlis ini terlalu masuk campur dalam urusan kerja mereka. Kita tahu bahawa Kerajaan Negeri telah pun beri mandat kepada PBT-PBT menguruskan kerja tetapi kalau sekiranya tidak ada persefahaman di antara Ahli Majlis–Ahli Majlis dan pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan, khususnya YDP daripada PBT-PBT ini, maka saya rasa menjadi satu masalah isu besar kerana kerja perlu jalan tetapi kalau diganggu-gugat maka kerja tidak boleh dijalankan dengan sempurna. Maka saya hendak bertanyakan kepada ataupun bagi pandangan kepada Yang Berhormat EXCO kalau boleh sekiranya perlu ada satu garis panduan had di mana Ahli Majlis ini hanya melakukan kerja demi kepentingan rakyat tetapi jangan sampai mengucar-ngacirkan urusan PBT-PBT dan ini sekali gus akan menyukarkan layanan ataupun perkhidmatan baik diberikan kepada masyarakat di peringkat akar umbi. Dan saya berdoa supaya sebelum tamatlah tempoh ini segeralah Y.B. Sekinchan dilantik sebagai EXCO PBT supaya selesailah masalah ini cepat-cepat. Terima kasih.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Tuan Speaker, ini merupakan satu komen. Saya tak perlu jawab tetapi hanya saya ingin menegaskan di sini bahawa memanglah adalah tugas dan tanggungjawab semua Ahli Majlis bekerjasama dengan semua pegawai, bersama juga dengan semua Datuk Bandar dan juga YDP. Isu siapa yang lebih besar, lebih rendah itu tidak ada. Semua kena bekerjasama supaya memberi perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk. Dan Tuan Speaker, untuk makluman tambahan Kerajaan Negeri juga masih mengekalkan sebanyak 25% iaitu 75 orang daripada golongan NGO ataupun profesional sebagai Ahli-ahli Majlis PBT bagi penggal 2010 – 2011.

Saya ingin pergi kepada isu Juruaudit PBT. Bagi memastikan Juruaudit, Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa menunjukkan prestasi yang cemerlang dan memuaskan. Setiap Juruaudit berkenaan dengan jayanya telah mengikuti beberapa kursus dan bengkel di Institut Latihan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Akaun Negara dan agensi-agensi yang berkaitan. Di samping itu Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Selangor telah mengambil inisiatif mengadakan bengkel penambahbaikan manual Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat yang melibatkan Ahli Majlis dan juga Juruaudit daripada setiap PBT pada 21 – 23 April 2010 yang lalu dengan tujuan dapat mengukuhkan manual Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat PBT di samping memahami prosedur dan peraturan kerja semasa menjalankan tugas. Untuk makluman Dewan yang mulia, manual Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat PBT berkenaan dalam peringkat akhir semakan dan seterusnya akan dibentangkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri setelah manual JKAPK itu diluluskan untuk diguna pakai oleh

semua PBT Selangor. Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan bercadang untuk mengadakan bengkel penerangan khas kepada Ahli-ahli Majlis yang terlibat di dalam JKAPK dan juga Juruaudit PBT bagi memberi penjelasan yang lebih terperinci mengenai penggunaan dan pelaksanaan manual yang dipersetujui.

Tuan Speaker, sebelum saya mengakhiri, saya ingin menyentuh sedikit sahaja isu yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku bahawa ada komen daripada Timbalan Perdana Menteri bahawa Negeri Selangor akan mufliis kerana kita banyak membazirkan wang dalam Program Air Percuma. Saya rasa Kampung Tunku tak perlulah risau kerana Kerajaan Negeri memang ada keupayaan untuk membiayai walaupun setiap bulan kita membayar lebih kurang RM12 juta untuk air. Dan saya ingin menegaskan di sini kalaulah negeri-negeri mana ataupun Negara Malaysia akan mufliis ini adalah kerana UMNO, kerana siapa yang menguasai kabinet? Siapa yang menguasai GLC? Siapa yang menguasai konsesi TOL? Siapa yang menguasai konsesi syarikat air dan sebagainya? Siapa yang menguasai AP – AP dan sebagainya? Jadi semuanya dalam tangan UMNO. Jadi jangan salahkan orang lain kalau suatu hari nanti Negeri Malaysia menjadi mufliis. Sekian, terima kasih.

**YB PUAN LEE YING HA :** Tuan Speaker ada soalan tambahan yang belum di jelas.

**TUAN SPEAKER :** Dia sudah habis. Silakan Cempaka.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD :** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, selamat petang. Ada beberapa soalan yang perlu dijawab. Yang pertama adalah daripada Bukit Antarabangsa tentang menyelesaikan masalah projek-projek terbengkalai. Ingin saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan Negeri sedia maklum akan beberapa masalah yang dihadapi untuk memulihkan projek-projek terbengkalai yang dihadapi oleh kontraktor-kontraktor ataupun pihak-pihak yang turun sebagai penyelamat kepada projek-projek tersebut. Di antara masalah yang dihadapi oleh pihak yang memulihkan projek ini adalah berkaitan dengan cukai tanah yang tertunggak, isu-isu tanah yang lain, kelulusan-kelulusan daripada PBT dan juga kelulusan-kelulusan dari agensi-agensi Kerajaan yang lain. Sebelum ini *Task Force* projek perumahan terbengkalai akan membantu pihak kontraktor penyelamat untuk mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang berkenaan tetapi untuk mempercepatkan proses pemulihan peranan *Task Force* ini akan ataupun penstrukturan *Task Force* ini akan dirombak semula dan ianya akan dimuktamadkan setelah dirombak semula dan akan dimuktamadkan oleh EXCO selepas Dewan ini. *Task Force* ini akan ditambah keahliannya dan selain daripada menilai projek-projek terbengkalai ianya juga akan bertindak sebagai *One Stop Centre* untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi untuk memulihkan projek-projek tersebut. Buat permulaannya, ianya akan bermesyuarat. Kita mencadangkan ia akan bermesyuarat sebanyak sebulan sekali untuk memastikan kelancaran pemulihan projek-projek tersebut. *Task Force* ini juga akan menilai sama ada sesuatu projek itu layak untuk menerima sebarang bantuan atau suntikan kewangan jika ada daripada pihak Kerajaan Negeri. Keanggotaan *Task Force* yang diperbesarkan ini adalah EXCO Perumahan terdiri daripada EXCO Perumahan, Pembantu EXCO Perumahan, Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, wakil daripada Pejabat Tanah dan Galian Selangor, wakil-wakil daripada Pihak Berkuasa Tempatan, wakil daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, ahli-ahli profesional yang dilantik dari bidang-bidang hartanah dan wakil daripada Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor akan bertindak sebagai urus setia kepada *Task Force* ini dan untuk pelaksanaan, terdapat jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang akan memantau perjalanan projek ini. Oleh kerana dengan struktur ataupun cara yang baru ini tidak perlu lagi pemaju-pemaju ataupun kontraktor penyelamat ini berlari daripada satu jabatan ke satu jabatan tetapi kita akan kumpulkan agensi-agensi dan jabatan-jabatan terlibat

dalam satu bilik mesyuarat untuk kita selesaikan seperti mana OSC di peringkat PBT. Saya yakin bahawa dengan cara ini ianya akan mempercepatkan lagi pemulihan projek-projek terbengkalai.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** YB. Tuan Speaker dan YB. Exco, pertama saya ucapkan terima kasih kerana cadangan yang saya kemukakan semalam diberikan perhatian oleh YB dalam ucapan menggulung sebentar tadi. Cuma saya ingin mencadangkan di peringkat awal ini, kerana masalah yang kita bincangkan tentang soal rumah-rumah terbengkalai ini adalah suatu perkara yang cukup serius, pembeli-pembeli telah membayar pinjaman empat lima tahun yang lalu tetapi belum ada harapan untuk mendapatkan unit masing-masing, maka saya nak mencadangkan supaya *Task Force* ini mengadakan perbincangan lebih kerap. Yang dicadangkan tadi sebulan sekali, tetapi saya syorkan di peringkat awal ini sekurang-kurangnya dua kali sebulan supaya kita boleh “*take off*” daripada permasalahan yang kita hadapi pada hari ini. Dan yang keduanya seperti yang saya nyatakan semalam, kalau boleh, oleh kerana daripada 141 projek terbengkalai yang ada sekarang, saya pun faham kita juga tidak boleh terlalu “*ambitious*” untuk menyelesaikan semua masalah dalam masa yang terdekat. Cuma kalau *Task Force* ini boleh meneliti mungkin antara lima ke sepuluh projek yang benar-benar boleh dipulihkan dalam masa yang terdekat, sekurang-kurangnya ia dapat kembalikan semula keyakinan rakyat dan pembeli-pembeli bahawa kesungguhan Kerajaan Negeri itu untuk menyelesaikan masalah ini dalam keadaan yang begitu rumit kita dapat laksanakan dan saya kira *Task Force* boleh “*priorities*” projek mungkin dalam lima atau sepuluh yang boleh kita pulihkan dalam masa yang terdekat dan saya kira ianya dapat dilaksanakan kalau *Task Force* ini diperingkat awal mengadakan mesyuarat lebih kerap daripada apa yang disarankan sebentar tadi. Terima kasih.

**YB TUAN ISKANDAR A. SAMAD :** Terima kasih YB. Saya juga bersetuju dengan cadangan itu kalau kita mengadakan ataupun struktur *Task Force* ini adalah seperti OSC sendiri di peringkat PBT di mana ia diadakan dua minggu sekali. Ya kita akan kaji perkara itu dan kita akan melaksanakannya di mana ianya diadakan lebih cepat dan kita ada *target* sebenarnya beberapa projek-projek yang perlu kita siapkan dalam masa dalam tahun ini. Dan inilah projek-projek yang akan dimasukkan dibincangkan dalam *Task Force* ataupun *One Stop Centre* ini untuk diselesaikan dalam masa tahun ini untuk memberi kelegaan kepada rakyat yang menghadapi masalah. Perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Paya Jaras adalah tentang Rumah EXCO. Rumah EXCO sekarang ini tidak lagi dikenali sebagai Rumah Exco tapi sebagai Rumah Rehat kakitangan Kerajaan di Selangor dan ianya kita buka untuk disewa oleh EXCO, ADUN, Jabatan-jabatan Kerajaan, Agensi-agensi Kerajaan, Syarikat-syarikat Kerajaan ELC dan Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan untuk pelbagai program seperti penginapan tetamu-tetamu Kerajaan dari luar dan dalam negeri. Penginapan jangka pendek, kursus-kursus dan seminar-seminar, mesyuarat-mesyuarat dan majlis-majlis yang lain. Setakat ini di antara yang telah menyewanya adalah EXCO-EXCO dan Jabatan-jabatan dan beberapa penyewa-penyewa tetap akan menganjurkan kursus-kursus mereka di rumah ...di Rumah Kakitangan Kerajaan ini. Di antaranya adalah kursus Ketua Kampung dan Kursus Usahawan yang akan diadakan secara berkala dan juga Kursus SPIES juga secara berkala menggunakan Rumah EXCO dan juga Unit Penerangan, pejabat YAB Dato' Menteri Besar juga akan menggunakan Rumah EXCO. Kerajaan Negeri juga telah berjaya mengurangkan kos penyelenggaraan daripada RM 161,500.00 sebulan semasa Kerajaan yang lepas kepada lapan....sebulan ya.....kepada hanya RM81,000.00 sebulan untuk tahun...untuk penyelenggaraannya. Perkara yang seterusnya yang dibangkitkan juga oleh beberapa ADUN YB adalah tentang Kupon Air. Insya-Allah Kupon Air ini bukan hanya tinggal di peringkat di kawasan-kawasan perintis sahaja, tetapi ianya akan disebarluaskan di kawasan-kawasan lain dan Insya-Allah kita akan keluarkan jadual bagaimana ianya akan dikembangkan kepada syarikat-syarikat atau kawasan-kawasan lain. Saya tahu

sebab saya mendapat banyak permintaan daripada pemajuan-pemajuan kos rendah yang lain supaya ianya cepat dilaksanakan di kawasan mereka. Perkara yang ke empat yang dibangkitkan iaitu daripada Kota Damansara iaitu tentang masalah mereka di Kampung Berembang. Para peneroka Bandar di Kampung Berembang. Masalahnya.....

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Yang Berhormat.....

**TUAN SPEAKER** : Ya...Bukit Antarabangsa.....

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Masalah kupon...sebelum YB teruskan. Boleh saya tahu siapa penerima kupon ini sebab bagi rumah-rumah pangsapuri kos rendah ini yang tinggal dalam rumah itu tak semestinya pemilik rumah yang berkenaan. Jadi kupon ini diberikan kepada pemilik ataupun penghuni unit berkenaan.

**YB TUAN ISKANDAR A. SAMAD** : Serupa juga dengan projek-projek ataupun kupon kepada mereka yang duduk di "*lended property*" ataupun teres, di rumah teres. Jadi yang mendapat nikmatnya bukan sahaja pemilik yang mendapat nikmat tetapi mereka yang menyewa juga mendapat nikmat. Jadi bermakna bahawa kupon ini sepatutnya perlu dapat yang mendapat nikmat air percuma ini kepada semua. Bukan kepada mereka yang memiliki sahaja sebab kita punya Program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor bukan hanya kepada pemilik rumah tetapi juga kepada mereka yang tinggal di situ kepada rakyat Selangor yang tinggal di sini. Seterusnya adalah tentang Kampung Berembang. Kampung Berembang masalah ataupun masalah yang menghantui penduduk ataupun Peneroka Bandar di Kampung Berembang adalah tentang rumah yang tidak siap lagi. Rumah yang tidak siap adalah lebih kurang 65%. Itu masalahnya adalah yang telah siap adalah 65% itu *progress* dia setakat ini. Masalahnya bukanlah masalah yang kita di antara pihak Kerajaan Negeri atau dengan mereka dari segi perjanjian ataupun yang di mana kita telah berjaya menyelesaikan bagi setiap mereka yang tertinggal dahulu mendapat rumah atau mendapat satu unit berpeluang untuk membeli satu unit. Yang itu telah selesai. Tetapi masalahnya adalah masalah di tapak untuk menyiapkan projek tersebut. Jadi sekarang ni saya telah berjumpa dengan penduduk Kampung Berembang, peneroka...wakil-wakil Peneroka Kampung Berembang minggu lepas dan kita akan mengadakan satu perbincangan dengan pihak pemaju. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya dengan ini mempersilakan YAB Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut::

" Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan pada hari ini sehingga semua urusan yang berkaitan dengannya selesai dijalankan. "

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : Ya

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul dipersetujui. Dipersilakan Yang Berhormat.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya berpendapat Ahli-ahli Yang Berhormat agak sudah letih juga mendengar penjelasan-penjelasan yang dibuat oleh rakan-rakan EXCO tetapi saya ingin mengambil masa sedikit untuk bersama-sama menerangkan mengenai Belanjawan Tambahan yang saya anggap sangat penting untuk dibincangkan dan difahamkan bersama. Saya dapati perbincangan Belanjawan Tambahan ini sudah tentulah pertamanya, dipersoalkan daripada segi mengapa adanya Belanjawan Tambahan. Itu memang biasa dipersoalkan. Tetapi untuk ini saya ingin menjelaskan tentang proses Kerajaan Negeri membuat keputusan perlunya atau tidak Belanjawan Tambahan supaya kita dapat melihat usaha ini sama ada pengurusan itu dilihat tertib dalam kira-kira mereka untuk mengemukakan Belanjawan Tambahan.

Pertama, untuk mengkaji Belanjawan Tambahan STANCO - Jawatankuasa Tetap Kerajaan Negeri mengadakan perbincangan dan perjumpaan pertama adalah tentang Lembaran Pengimbangan ataupun "reserve" yang ada dalam Negeri Selangor supaya kalau ada reserve sudah tentulah berkeupayaan untuk membuat pembentangan Belanjawan Tambahan. Untuk ini, pada 31 Disember 2009, jumlah wang kumpulan wang yang disatukan adalah 1.32 bilion dan pada 30 Jun 2010 jumlah wang yang disatukan adalah 1.547 bilion. Jadi kita sudah nampak peningkatan. Oleh sebab itu keupayaan untuk....bukan menampung tetapi menyokong Belanjawan Tambahan itu, ada. Sebagai contoh, untuk rakan YB daripada Paya Jaras, boleh jadi dia tak ikut berbincang tetapi dia boleh membaca *handsard*. Untuk hasil yang disatukan sejak 2005 sehingga 30hb Jun, 2010, hasil ....akaun hasil yang disatukan wang tunai sahaja; 2005 - 415 juta, 2006 - 570 juta, 2007-776 juta dan 2008 - 733 juta, 2009 - 617 juta tetapi setakat 30 Jun 2010, ia meningkat menjadi 894.40 juta.

Kalau kita ambil akaun hasil yang disatukan, kita... bukan wang tunai tetapi kita ambil akaun yang disatukan sebab wang tunai kita kurangkan sejak 2008 sebab wang tunai tidak memberi pulangan. Jadi kalau kita ambil contoh pada wang...akaun hasil 2005 - 420 juta, 2006 - 492 juta, 2007 - 624 juta, 2008 - 673 juta, 2009 - 608 juta tetapi pada 30 Jun 2010 876 juta. Jadi ada peningkatan. Itu sebab apa bila perbincangan ini dijalankan kita mengambil kira tentang perkara tersebut. Kemudian kita juga melihat bukan sahaja ini sebagai contoh *reserve* ini. Untuk pengetahuan Dewan, Negeri Selangor adalah antara negeri-negeri yang mempunyai wang disatukan. Kalau kita ambil contoh macam... saya bukan nak mengambil contoh yang ....., sebagai contoh sahaja, Perlis, wang yang disatukan *reserve* tak ada, memang tak ada. Di Perak, baru-baru ini kita difahamkan mereka menggunakan wang disatukan untuk penambahan belanjawan sebab tak cukup. Jadi untuk Negeri Selangor ini kita sudah tentukan jumlah penggunaan wang itu tidak melebihi rizab yang kita sokong dan untuk ini saya nak tunjukkan tentang kutipan hasil kita. Jadi itu pun kita nak tengok daripada segi kutipan hasil. Kutipan hasil pada untuk bajet 2010 kita jangkakan adalah RM1.3 bilion tetapi sehingga 30.6.2010 kita sudah dapat mengutip RM785.7 biasanya kali dengan 2 ini pada Jun kita dapat melebihi RM1.5 juta. Jadi untuk hasil cukai yang kita anggarkan RM460 juta kutipan sehingga 30 Jun 2010 adalah RM383 juta iaitu pencapaian melebihi 83% kepada bajet yang kita lakukan. Jadi untuk itu ini menunjukkan bahawa daripada segi jumlah wang yang kita urus dan jumlah kewangan yang kita urus itu sudah mempunyai jumlah yang cukup untuk kita ambil sebagai satu asas mengapa kita buat bajet tambahan.

Itu yang selalu dibincangkan kita tidak melihat daripada keupayaan, ini berbeza nak beritahu hanya beberapa buah negeri kalau dibandingkan dengan belanjawan Persekutuan boleh jadi Paya Jaras jatuh pengsan atau tidak sebab ia punya defisitnya sentiasa bukan satu perkara

yang dikatakan aneh. Jadi nak kata *incompetency* saya ingat Selangor ini tidak boleh digunakan. Kalau dia kata Selangor *incompetency Federal Government is dead already* itu sebabnya itu. Saya harap kalau hanya alasan itu untuk berpolitik saya ingat *he lose his professional sense* maknanya dia tidak menggunakan alasan-alasan yang sesuai untuk menunjukkan ketidakmahiran sama ada menentukan perkara itu baik atau tidak. Kedua, saya lihat perkara yang penting dalam bajet adalah sama ada peruntukan tambahan ini perlu atau tidak. Itu yang penting perlu atau tidak atau sesuai atau tidak. Sebab-sebab bajet tambahan tidak boleh dibuat dengan cara meletakkan peruntukan jadi untuk ini ada dua perkara yang kita minta, iaitu ia berjumlah RM117 juta dan daripada RM117 juta kita gunakan yang besar adalah tambahan Mengurus RM110 juta dan tambahan Pembangunan RM7 juta dan RM10 juta ini kita nak gunakan RM74 juta untuk pembayaran bil air percuma cetakan kupon. Ini boleh dipersoalkan dan Kerajaan Negeri kata ini perlu sebab kita sudah menjanjikan memberi air percuma dan adakah kita boleh mempertahankan perbelanjaan ini?

Untuk makluman Dewan kita membuat keputusan untuk memberikan air percuma berasaskan bahawa air percuma ini boleh kita beri kerana pengurusan air di Selangor ini sepatutnya diuruskan oleh satu kumpulan yang hasilnya memberikan kebaikan kepada pengguna. Itu hasil kajian kita. Perjanjian antara Kerajaan Negeri Kerajaan Persekutuan, dengan SYABAS, ABBAS, SPLASH dan Puncak Niaga tidak memberi kebaikan kepada pengguna dan oleh itu kita mencadangkan dan serupa dengan Kerajaan Persekutuan supaya diadakan penyusunan semula pemilikan dan lesen pengurusan air tersebut. Daripada kira-kira tersebut keuntungan...

...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER : YAB**

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Minta maaf YAB Dato' Menteri Besar, saya dapat melihat YAB sedang menjurus ke arah pengurusan air dan saya ingat saya tak nak ganggu selepas ini kerana saya ingat Dewan kena tumpu hujah tentang Dato' Menteri Besar tentang pengurusan air dan sekali gus kita boleh rebat apa yang dakwaan oleh Timbalan Perdana Menteri. Jadi saya nak balik kepada persoalan asal yang Dato' Menteri Besar sebut tadi. Saya rujuk kepada perbahasan saya semalam di mana saya tidak sesama sekali mempertikaikan dalam pengurusan kewangan atau pun sesebuah Kerajaan Negeri. Kemungkinan perbekalan tambahan itu ada itu saya tidak nafikan. Malangnya laporan media hari ini memang kerja mereka memutar belitkan seolah-olah saya mempertikaikan keperluan perbekalan itu. Yang saya bangkitkan semalam ialah sementara keperluan itu ada. Apakah kemungkinan kita boleh kurangkan jumlah perbekalan tambahan. Kalau kita lihat statistik termasuk perincian yang diberikan oleh YAB sebentar tadi memang jelas Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan YAB Dato' Menteri Besar telah menunjukkan satu kemajuan yang cukup positif. Soal kutipan hasil meningkat dalam suku tahun kedua kita telah dapat mengutip RM785 juta dan insya-Allah ianya akan berterusan dan kita akan mencapai RM1.5 bilion dan kutipan cukai juga sudah mencecah 83% dalam tempoh suku tahun kedua. Ini semua angka-angka yang tidak boleh mana-mana pihak nafikan pencapaian terbaik YAB Dato' Menteri Besar di bawah kepimpinan Pakatan Rakyat. Cuma yang kita nak *concern* kita ialah sementara peningkatan hasil termasuk cukai itu telah meningkat. Pendapatan negeri meningkat mencecah RM1.5 bilion. Apakah kerana ini kita berbelanja yang saya nak tanya semalam daripada jumlah ini berapa peratus yang kita sumbangkan kepada simpanan atau pun rizab Kerajaan Negeri. Kerana sementara kita ada upaya untuk belanja apakah kita mesti berbelanja. Itu yang pertama yang kedua kalau kita berupaya meningkatkan hasil berapa peratus daripada hasil ini kita sumbangkan ke dalam Simpanan Kerajaan Negeri dan ini melibatkan definisi rizab yang mungkin Dato' Menteri Besar lebih arif daripada saya. Apakah rizab Kerajaan Negeri ini melibatkan simpanan tunai dan juga nilai aset tetap atau mengikut kefahaman saya rizab ini hanya melibatkan nilai simpanan tunai Kerajaan Negeri dan kalau simpanan tunai yang kalau mengikut statistik yang diberikan

tadi sehingga 30 Jun sudah mencecah RM894 juta apakah contoh teladan yang boleh ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sementara kita ada upaya untuk meningkatkan hasil sebahagiannya kita boleh belanja tetapi sebahagian juga kita harus simpan dalam Simpanan Kerajaan Negeri. Dan yang ketiganya sama ada perlu atau tidak sudah tentulah penjelasan awal YAB tadi memang ada keperluan tapi hujah yang saya tekankan semalam ialah oleh kerana perbelanjaan luar jangka yang telah pun dibajetkan dalam tahun 2010 sebanyak RM57 juta. Mengapa dalam begitu singkat RM57 juta ini telah dibelanjakan. Bagi saya kalau kita boleh berbelanja secara berhemah katalah perbelanjaan luar jangka yang dibajetkan untuk 2010 ini RM57 juta kalau kita boleh hanya menggunakan sebahagian daripadanya oleh kerana unjuran ekonomi ini memanglah tidak tepat. Yang tepat unjuran sotong *octopus* itu agak tepat setakat ini. Tapi katalah kita belanja hanya RM20 juta maka kita adalah perbelanjaan luar jangka RM30 juta maka perbekalan kita boleh tolak RM117 tolak RM30 juta mungkin kita hanya perlu minta kelulusan dalam RM70 juta atau RM80 juta yang itu *focus* saya dari semalam. Bukan soal perlu atau tidak dan saya yakin keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri itu memang tepat untuk meneruskan rancangan program untuk rakyat tetapi di pihak kita juga pengurusan kewangan yang berhemah itu dapat menjimatkan peruntukan perbekalan tambahan. Terima kasih.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tidak terganggu saya nak sambung yang menjadi statistik Dato' YAB beri tadi 2008 bajet kita RM733 juta, kita punya cukai RM673 juta tiba-tiba 2009 *drop* jauh jadi RM613 juta apa ini dari segi bajet pendapatan menurun kesilapan mengapa jauh menurun adakah bila naik 2010 kita naik balik tambah dua kali pertambahan nampak kita terlampau *relax* dan nak guna apa yang boros sedikit bila naik tahun 2010.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih banyak Puan Timbalan Speaker, biar saya terangkan sedikit. Belanjawan yang kita tumpukan mestilah berasaskan belanjawan berhemat maknanya kita mesti cermat terhadap penggunaan tersebut tetapi sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat tahu pada 2009 terdapat kejatuhan ekonomi kita sedikit. Sebab itu terjatuhnya kumpulan-kumpulan wang tersebut dan walaupun dalam bajet kita, kita meningkat perbelanjaan yang disatukan sebanyak 1.7 bilion. Sebenarnya kita tolak RM309, RM390 juta sebab itu hanya sementara yang kita berikan kepada MBI. Jadi kita tidak masukkan ke dalam akaun tersebut. Itu yang menyebabkan ada turun naiknya kewangan tersebut, tetapi itu hanya sebagai perakaunan. Tetapi yang dibangkitkan oleh Bukit Antarabangsa mengapa terdapat belanjawan yang tidak tepat walaupun daripada segi, sebagai contoh belanjawan yang dianggap luar biasa kenapa tak tepat? Jawapannya adalah kita meminta semua belanjawan itu tepat, kalau tak tepat kita masukkan belanjawan yang dipanggil luar biasa, itu statistik. Maknanya kalau ada tak tepat maknanya kita tak tahu belanjawan yang ada kita masukkan ke dalam luar biasa. Jadi oleh sebab itu tiap-tiap kali ada belanjawan yang tak tepat ia jelas terlihat sebagai luar biasa. Itu sebab kita sediakan hampir 50 juta tetapi setiap jenis belanjawan yang luar biasa kita ambil kira sebagai satu contoh luar jangka tu sebagai satu contoh, luar jangka kita tak hendak bayaran guaman tanah runtuk di Bukit Antarabangsa.

Bayaran guaman untuk Teoh Beng Hock, kita tak ada, kita masukkan supaya... Pembelian sistem perpustakaan, kita tak beri bajet sehingga kita jelas, dia nak beri sistem perpustakaan 300 dan operasi penguatkuasaan pasir 1.108 juta. Kita tidak masukkan sebagai, kalau dahulu cara-cara orang membuat belanjawan dia tambah lagi, dia 10 peratus, dalam bajet yang untuk itu, dia tambah lagi 10 peratus dalam jadual jangka dalam bajet yang dia buat untuk jabatan itu. Kita tak ada bajet luar jangka dalam jabatan. Kita hanya ada bajet satu luar jangka. Jadi maknanya kita tak nak ia berlebihan. Kita kontrol dari situ. Walaupun setiap luar jangka disebut Jawatankuasa Tetap Perancang kerana dia nak semak rumah-rumah di tepi Sg. Klang, itu dia kena buat bajet baharu dan di masuk ke dalam luar jangka. Oleh sebab itu caranya dia tidak

boleh menggunakan macam sesetengah cara pembuatan bajet dia buat luar jangka termasuk dalam bajet mereka, ia dikeluarkan daripada bajet mereka. Dengan cara itu semua luar angka terpaksa pergi kepada EXCO. Sebab itu EXCO pun meluluskan umpamanya pembelian kenderaan, hanya apabila kita setuju ada duit, beli sebanyak 5.6 juta sebab ia luar jangka. Kita tidak masukkan ke dalam belanjawan itu. Jadi ini teknik biasanya yang digunakan sekarang bukan cara yang dahulu dimasukkan di luar jangka dalam *department*. Sebab itu, saya pun setuju teknik begini sebab kita selalu bertanya kenapa luar jangka macam soalan Bukit Antarabangsa tanya saya ni. Kita juga boleh tanya; kenapa luar jangka? Oleh sebab itu kontrol lebih nampak dan lebih jelas. Sebab itu kita lakukan begitu. Jadi sudah tentulah boleh disoalkan belanja yang 100 membelanja untuk air: Belanja untuk air adakah duit tu boleh hapus? Jawapannya tidak. Tujuan kita hanya untuk membelanjakan duit memberi air percuma. Dalam belanjawan kita hanya sementara sebab apabila kita susun semula syarikat-syarikat air ini pendapatan daripada tersebut dibayar balik kepada peruntukan negeri. Sebab itu kita berani masukkan dalam peruntukan negeri sebab KDEB mempunyai syarikat-syarikat seperti SYABAS, ABBAS, SPLASH dan pelaburan lain. Oleh sebab itu apabila kita susun semula boleh mendapat keuntungan mengikut kiraan kita. Kalau keuntungan yang didapati melebihi 600 juta, keuntungan tersebut kita ambil kita bayarkan untuk air percuma kepada rakyat Selangor. Kita mahu keuntungan itu dibayar semula kepada rakyat Selangor. Jadi ..

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Minta penjelasan adakah keuntungan itu dalam bentuk aset ataupun tunai ataupun apa benda keuntungan 600 juta.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Keuntungan itu adalah *capital gain out of equity* Maknanya, ia ada *equity*. Dia membuat pelaburan 100 juta, katalah dalam Syabas. Apabila dia jual Syabas dia dapat 400 juta, 400 tolak 100 juta, dia untung 300 juta. 300 juta itulah yang digunakan untuk pemberian air percuma. Jadi *capital gain on equity* maknanya macam kita melabur saham dan harga saham kita labur adalah seringgit, kita jual saham tu tiga ringgit jadi untungnya dua ringgit. Jadilah...

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tambahan sikit tapi dia bukan cair, untuk bayar hutang dalam satu tempoh masa yang tertentu....

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Itu saya faham. Tetapi jawapannya adalah kita yang membuat penyusunan semula. Sebab itu penyusunan semula mesti dibuat dan wang itu mesti dibayar kerana sistem penyusunan semula ini dilakukan dengan Kerajaan Persekutuan sebab Kerajaan Persekutuan boleh membeli semua aset air di Negeri Selangor ini dan wang *cash* dipulangkan balik kepada pemilik-pemilik saham. Dengan demikian, duit yang kita dapat itu kita bayar untuk air percuma ini. Sebab itu, apabila saya buat kenyataan, kenyataan itu berbunyi: bahawa pemberian air percuma dibuat oleh KDEB kerana KDEB memiliki saham-saham penswastaan industri air di Negeri Selangor.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Silakan Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : YAB Dato' Menteri Besar, YAB jelaskan tadi bahawa *capital gain out of equity* ini akan diperolehi setelah KDEB menjualkan kepentingannya dalam, contohnya SPLASH 30 peratus, itu setelah proses penstrukturan semula ini berlaku, yang saya bangkitkan juga semalam bagaimana dalam keadaan sekarang dan sebelum ini. Di manakah keuntungan itu apakah keuntungan KPS melalui Syabas 15 peratus, SPLASH 30 peratus ini tidak ada langsung?

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Timbalan Speaker. Jawapannya sudah mengambil kira keuntungan sebelum. Maknanya, *the projected profit capital gain* itu dah termasuk dalam kira-kira pemberian air percuma. Apabila air percuma, penyusunan semula dilakukan untungnya dibahagikan kepada ini untuk di ambil kira. Dan penyusunan semula air itu mengambil kira air percuma dalam apa yang disebut syarikat baharu yang menguruskan industri air tersebut. *So it is a skill of arrangement* iaitu apabila semua pendapatan itu dipulangkan balik kepada pemilik-pemilik saham dan aset-aset air itu dikumpulkan, dimasukkan ke dalam satu syarikat yang mengendalikan operasi air dan kiraan operasi air itu mengambil kira kos pemberian air percuma selepas ini. Jadi ada dua *stage*, *free reorganisation* dan *push organisation* dan pemberian air percuma *free organisation* adalah melalui KDEB dan Kerajaan Negeri, *push* itu selepas itu. Sebab kita lakukan perkara ini sebagai memberitahu Kerajaan Pusat bahawa cara pemberian air percuma oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah mengikut bentuk yang kita hendak lakukan.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Adakah jangka panjang....

**TUAN SPEAKER** : Bangi tak dengar ke saya cakap Sri Muda dahulu, sabar, sabar.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Terima kasih Y.B. Puan Timbalan Speaker. Saya nak berbalik kepada apa YAB Ijok sebutkan di awal tadi berkenaan dengan kutipan hasil sehingga 30 Jun 2010 yang mana kutipan adalah berjumlah sebanyak 786 juta kurang lebih dan soalan saya, sebenarnya apakah yang menyebabkan kutipan ini boleh melonjak hingga ke 786 juta apakah ia selari dengan unjuran Kerajaan Negeri sebelum ini. Biasanya bila orang tanya apabila kurang, tetapi hari ini apabila lebih pun kita nak tanya jugalah sebab apa, mungkin boleh bagi sikit maklumat pada sidang dewan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Silakan Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih. Puan Timbalan Speaker. Saya merujuk kepada Dato' Menteri kata tadi kita akan jual saham yang 100 tu kepada 400 kita untung 300 juta, jadi untuk jangka panjang adakah air percuma yang kita akan beri pada rakyat bergantung pada 300 juta yang kita untung tu, yang kedua adakah dengan pengambilan Kerajaan Pusat kita akan tak ada kuasa langsung air yang dikuasai oleh Kerajaan Pusat. Selangor serah bulat-bulat pada dia Persekutuan, rugilah nampaknya.

Soalan saya ialah kita cakap tentang penstrukturan semula air. Sebenarnya apa yang dia cakap oleh YAB Tan Sri itu hanya akan berlaku selepas seluruh proses ini lengkap. Ke mana sahaja kita pergi sekarang orang ramai pasti akan tanya apakah perkembangan terkini, rundingan macam mana, ada apa-apa respons daripada PAP ataupun Kerajaan Pusat. Kita merasakan bahawa kita susah nak menjawab soalan ini dan cuma kita ingin tahu apakah perkembangan terkini rundingan yang sedang berjalan. Rakan saya Y.B. Tony Phua, Ahli Parlimen P.J. Utara nampaknya Kerajaan Persekutuan nak sangat Syabas mengambil alih industri air di seluruh Selangor ini tapi macam mana mereka boleh melakukannya. Saya baca surat khabar Star dan juga Star Business hari Rabu yang lepas ada satu bon *meeting* untuk Syabas dan mereka merasakan Kerajaan Persekutuan perlu mengambil suatu tindakan untuk menyelesaikan masalah ini. Jadi saya ingin bertanya mungkinkah YAB Dato' Menteri Besar memberi satu ulasan tentang perkara ini. Siapa yang perlu memberi respons pada masa sekarang untuk menyelesaikan kemelut ini kerana kita tidak hendak menunggu lama tentang perbincangan ini dan kita perlu nampak satu hala tuju dan ini kebbaikannya untuk Kerajaan Negeri dan juga untuk rakyat Negeri Selangor sama ada air ini akan diserahkan kepada konsesi ataupun diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri ataupun macam mana.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Puan Timbalan Speaker. Tiga soalan yang agak berbeza daripada...Untuk jawapan yang pertama mengenai sebab hasil meningkat dan apakah perkara-perkara yang menyebabkan hasil kutipan cukai itu meningkat? Satu, adalah hasil cukai. Maknanya cukai; terdapat beberapa cukai tunggakan yang tidak dibayar sebelum 2009 sebab keadaan peningkatan pembayaran cukai mula meningkat iaitu kutipannya kita jangkakan satu tahun adalah 460 juta sehingga 30 Jun 2010 kita sudah mengutip 383 juta. Termasuk cukai untuk tahun dan cukai lewat, cukai yang tidak dibayar. Jadi peningkatan itu yang tinggi. Juga terdapat hasil bukan cukai. Hasil bukan cukai itu sebab lesen-lesen dan *bisness-bisness* bertambah hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil, terimaan bukan hasil ini kita berkurang sebab peruntukan kerajaan Persekutuan mula berkurang. Jadi itu, jawapan saya.. *detail* nya saya akan berikan.

Kedua, soalan dari Bangi. Soalan ini agak kluatir tentang apabila tak dapat keuntungan modal itu bagaimana pula nak beri air percuma. Jawapannya bukan begitu. Kita memberi tahu kerajaan Persekutuan kita perlu menyusun semula industri air dan kita tunjukkan kepada kerajaan Persekutuan bagaimana kiraan industri air ini dilakukan. Kerajaan Negeri Selangor ingin membeli *asset, equity* industri air ini. Kerajaan Negeri Selangor ingin membelinya supaya dalam pembelian itu Kerajaan Negeri Selangor membuat kira-kira bagaimana pengurusan air di Negeri Selangor walaupun mengambil kira pembelian air percuma sebanyak 20 meter padu kepada setiap pembeli itu boleh menampung per operasi tersebut dan mendapat keuntungan. Tetapi kita boleh bukanlah mendapat keuntungan sampai sekarang kalau 25 ke 30 peratus. Tetapi kita dapat keuntungan 7 atau 8 peratus yang lain tu kita salurkan dengan menggunakan air percuma. Sebab itu Kerajaan Negeri ingin mengambil alih industri air ini. Sebab dengan pengambilan air industri air ini Kerajaan Negeri dapat menentukan pengurusan air itu dibuat dengan harga yang berpatutan dengan kos yang terbaik dan antara hasilnya tidak banyak peningkatan harga air, juga masyarakat Negeri Selangor akan mendapat air percuma. Itu sudah kita masuk dalam kiraan kita. Kita tahu berapa untung yang didapati oleh KDEB, apa semuanya itu kita dah tahu untungnya. Sebab kita yang nak mengambil alih ini. Jadi keuntungan daripada KDEB menjual saham-saham itu kepada Kerajaan Negeri kita ambil untuk dikira sebagai pembelian air percuma sebelum penyusunan semula industri air. Ah, itu jawapannya. Jadi, apabila kita buat air dalam syarikat yang baharu, kiraan itu sudah dimasukkan ke dalam kos pengendalian industri air tersebut.

Soalan yang ditanya oleh Kampung Tunku, adakah perkara ini dapat diselesaikan? Kita sudah sampai ke satu peringkat persetujuan dan tinggal lagi masih menunggu keputusan Kerajaan Persekutuan yang mereka kata boleh dilaksanakan. Sebab itu kita masih menunggu tetapi ah perbincangan kita adalah atas harga yang sepatutnya, yang berpatutan untuk kita beli harga yang berpatutan. Harga yang berpatutan yang kita beli yang dicadangkan oleh kerajaan Persekutuan untuk setengah daripada pemilik saham konsesi saham air ini melebihi 30% keuntungan tiap-tiap tahun. Jadi oleh sebab itulah kita beritahu kerajaan Persekutuan penyusunan semula air ini mesti dilakukan sebab kita tidak hendak lagi membayar harga yang terlalu tinggi untuk melepaskan mereka daripada lesen-lesen yang diberikan dalam kontrak 10 atau 20 tahun. Jadi oleh sebab itulah kita minta pembelian tersebut.

Jadi, Timbalan Yang Dipertua, perkara yang saya nak buktikan adalah belanjawan yang kita kemukakan berasaskan belanjawan air percuma itu adalah belanjawan sementara untuk negeri. Itu sebabnya yang utama yang kita minta 48 juta untuk selama sampai hujung tahun. Sebab kita sepatutnya sudah selesai penyusunan semula ni, tetapi dilengah-lengahkan. Oleh sebab itu Pengarah Kewangan Negeri dia tahu sepatutnya kita janji Jun, Julai tetapi dia *starchkan* dia sampai Disember. Kalau sebelum Disember sudah selesai maknanya tak perlulah peruntukan untuk Disember. Kalau sebelum November selesai November dan

Disember tak perlu guna duit tersebut. Jadi, sebab itulah supaya jangan terpaksa pergi lagi kepada Dewan kita buat sampai Disember. Kedua, kita tambah peruntukan yang baharu untuk premis yang tidak mempunyai paip, yang dahulu kita katakan kita tak nak pergi kepada mereka yang mempunyai meter. Tetapi kita dapati jawapannya adalah kerugian bagi mereka yang berpendapatan rendah kerana mereka tidak dapat menikmati air percuma oleh sebab mereka tidak mempunyai meter sendiri.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Silakan Kampung Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Kami pun berharap supaya perkara ini boleh diselesaikan menjelang akhir tahun ini yang dinyatakan oleh menteri di kerajaan pusat. Apa yang mengecewakan kami ialah saya masih ingat SYABAS pernah mengeluarkan satu kenyataan akhbar bahawa selagi, selagi rundingan penstrukturan semula industri air ini belum selesai SYABAS akan membatalkan ataupun membatalkan sementara waktu segala program menukarkan tiang paip lama dan oleh kerana dengan tindakan mereka ini ah di kawasan-kawasan perbandaran yang ah yang mempunyai populasi yang tinggi kebocoran paip dan sebagainya berlaku dengan kerap. Saya ingin bertanya bolehkah SYABAS berbuat demikian. Dan adakah ini satu tindakan yang cuba mengugut kegiatan terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Yang sebenarnya mengikut perjanjian yang ditandatangani antara SYABAS, Kerajaan Negeri Selangor dan kerajaan Persekutuan, SYABAS bertanggungjawab untuk menjaga semua harta yang disewakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha menguruskan pengagihan air. Sebab itu kita dapati perjanjian Kerajaan Negeri dengan SYABAS yang dahulunya dikuasai oleh PUAS, iaitu Pengurusan Urus Air Selangor, dikuasai oleh PUAS dan PUAS itu Kerajaan Negeri Selangor memiliki paip-paip dan hasil perjanjian itu Kerajaan Negeri menyerahkan sahaja semua paip itu kepada SYABAS dan SYABAS tidak dikehendaki membayar sewa tentang aset-aset tersebut kerana perjanjian tersebut bertujuan SYABAS menjaga paip-paip ini. Apabila SYABAS mendapat perjanjian ini dia memberitahu kerajaan Persekutuan mereka tak ada duit untuk menjaganya. Jadi oleh sebab itu mereka menunggu peruntukan kerajaan Persekutuan untuk melakukannya dan ini dipersoalkan oleh Kerajaan Negeri sekarang; mengapa kita adakan penswastaaan kepada satu syarikat yang tidak mempunyai keupayaan untuk memperbaiki dan mengurus pengagihan air di seluruh negeri Selangor? Mengapakah kita lakukan perkara tersebut?.

Oleh sebab itulah apabila kerajaan Persekutuan meluluskan undang-undang wasia (???) iaitu industri air yang kerajaan Persekutuan pun menghadapi masalah besar kerana pengurusan air tidak diurus dengan baik jadi diadakan satu undang-undang yang disebut *Waters Industry Act*. Akta Air itu membolehkan penyusunan semula industri-industri air dan Selangor pada Februari tahun 2008 diberitahu oleh Kerajaan Persekutuan pada masa tersebut yang kerajaan Persekutuan bersetuju supaya penyusunan semula Industri air dilakukan di negeri Selangor di bawah milikan penuh anak syarikat milikan negeri. Sudah ada, bukan satu perkara, sebab kita ingin meneruskan perkara ini yang sudah dipersetujui oleh kerajaan Persekutuan pada Februari 2008 dan pada Mac 2008 pengurusan sudah berubah tetapi kontrak masih ada lagi dengan kerajaan Persekutuan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Silakan Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Puan Timbalan Speaker. Yang Berhormat Datuk Menteri Besar menyatakan tadi dalam sesi yang lepas kita telah luluskan tambahan 69 juta ringgit untuk meneruskan program ini. Atas maklum balas yang diberikan oleh Pegawai Kewangan Negeri dengan harapan kita boleh selesai sehingga bulan September. Nampaknya

unjuran itu tidak tepat makna tak selesai lagi sampai September ini kita tambah lagi 48 juta sehingga bulan dua belas. Apakah jaminan Datuk Menteri Besar bahawa perkara ini belum selesai bulan Disember dan sekiranya tidak selesai bulan Disember apakah kita akan datang balik ke Dewan ini untuk memohon tambahan atau kerajaan negeri ada pelan tindakan yang kedua untuk berurusan dengan kerajaan persekutuan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Oleh sebab kita dah buat, kita jangkakan sampai September tetapi kita berbincang sekarang, Julai. Jadi oleh sebab Kerajaan Negeri hendak insurans wang kalau kita dapat selesaikan sampai September perkara peruntukan ini hanyalah boleh digunakan untuk perkara-perkara yang lain ataupun dimansuhkan supaya perbelanjaan dibawa ke tahun hadapan. Ini sebagai satu (...) untuk itu sebabnya kita dan kita ada pelan B. Pelan B sudah ada dan pelan C pun ada. Pelan C iaitu ada syarikat yang dalam pelan C yang saya terangkan dahulu. Pelan C adalah sebuah syarikat yang mempunyai industri air, iaitu SPLASH ada membuat *offer* atau pun tawaran untuk membeli semua saham ini. Tawaran itu juga memberikan keuntungan yang kita buat dalam kiraan ini. Sudah ada. *That is plan C.* Pelan B memerlukan kita membawa kes ini ke mahkamah untuk diadili sama ada Kerajaan Negeri patut diberikan kuasa untuk mengambil alih semua syarikat air ini. Ada pelan A, Pelan B dan Pelan C. Jadi, daripada segi kewangan kita boleh pergi ke Pelan C. Tetapi daripada segi hak kita boleh pergi ke Pelan B. Jadi dua-dua dah ada draf, draf untuk pergi ke mahkamah sudah mula kita sediakan. Jadi kita, sebab itu... tapi Pengarah Kewangan Negeri masih minta supaya.. sebab duit ada dia cakap *why don't*, mengapa kita tidak buat kontingensi begini. Itu sebab kita beri. Jadi, maknanya kita sudah ada kontingensi untuk perkara ini.

Selain itu, kerana kita dah tambahkan bajet tambahan, kita juga mengambil kira tentang peruntukan seperti 1 juta ringgit untuk tunggakan Alam Flora Sdn. Bhd., Sebab kita dapati timbul banyak masalah di Kuala Selangor yang pengutipan sampah tersebut agak lembap sebab pembayaran tidak dibuat dan Kuala Selangor dan Sabak Bernam antara PBT yang menghadapi masalah kewangan kerana tidak cukup kutipan untuk pengurusan. Kedua, tentang perkara caruman membantu kadar premis kerana perjanjian kita dengan Majlis Bandaraya Shah Alam yang kita perlu membayar sewa tetapi kita lambat-lambatkan pembayaran sewa. Jadi, oleh sebab kita sekarang mengadakan satu sistem hutang mesti bayar kita berhutang pun kita kena bayar. Maknanya kita *now we are very discipline. If people don't pay us*, kita pergi cari. *People* yang nak minta duit pun kita kena cari. *So we have now reaching to more* apa tu adap kita mesti serupalah. Maknanya kita punya. Dan kebajikan masyarakat saya ingat ini perlu. Sebab kita perlu mengadakan perbincangan bagaimana peruntukan ini diberi. Bukan sahaja kita dah buat kiraan tetapi kita hendak buat perbincangan bagaimana peruntukan ini diberi kerana kita hendak fokus pada membasmikan, apa yang dipanggil orang yang miskin, yang termiskin, yang kita hendak hapuskan. Jadi, kita hendak melihat semula kiraan-kiraan ini tetapi daripada segi ini kalau kita kiraan kita ini 7 juta ini dapat bersama-sama dengan peruntukan kita, ada, peruntukan ini bukan peruntukan, tetapi tambahan. Kita pun mengikut kiraan belum habis menggunakan peruntukan yang lepas. Tetapi kita nak tambah supaya lebih ramai mereka ini mendapat kebajikan daripada usaha kita ini.

Jadi, satu perkara yang dibangkitkan dalam belanjawan ini adalah tambahan pembangunan, 7 juta. Untuk Jabatan Kerja raya kerana pembinaan jalan-jalan masuk projek perumahan Bukit Beruntung. Yang ini saya hendak beritahu bukan ini kita dapati pihak Talam sudah membina rumah-rumah pangsa di sana dan *apartment* tetapi orang dah duduk jalan tak ada. Dan kita tak boleh beri CF (*Certificate of Fitness*). Kita tidak boleh beri. Kita kata Talam sepatutnya buat. Dan orang pun tanya kenapa tak buat. Dan kalau kita tunggu macam itu, dah sepuluh tahun dah tunggu kita tak boleh selesaikan perkara yang kita lakukan kita beritahu Talam mereka kena buat, kalau dia tak buat, kita hendak buat. Tetapi kita hendak caj kos ini kepada Talam.

Dan kalau mereka tak bayar lagi, kita ambil lagi tanah-tanah atau pun nilai-nilai tersebut. Sebab apa saya masukan ini, saya hendak tunjukkan, walau apa pun yang kita lakukan, kita masuk rekod untuk pengetahuan Dewan. Yang ini, yang sebenarnya jumlah projek ini 20 juta tetapi kita buat dahulu dan soalan yang disoal oleh rakan adalah kenapa ada papan tanda sebelum diluluskan? Sebenarnya duit awal itu sudah kita beri. Duit awal itu sudah kita beri, dan kita tempatkan di PBT Hulu Selangor dan mereka dah boleh, dah mula buat. Dan duit ini hanya untuk menambahkan lagi tetapi saya masukan dalam peruntukan ini untuk memberitahu Dewan duit ini tidak hanya digunakan untuk pembuatan jalan dan kita hendak ambil balik daripada Talam. Oleh sebab itu sekarang kita menunjukkan beberapa cara peruntukan dan penggunaan kewangan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri ini dengan telus. Sila...

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Ah!..

**TUAN SPEAKER :** Sila Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Hasrat di sebalik usaha ini adalah baik untuk membolehkan rakyat mempunyai rumah-rumah yang ada *CF*. Tetapi ini juga merupakan satu dulu kan satu *precedent*. Maknya sekarang ini banyak juga projek-projek terbengkalai. Yang pemaju masih aktif tetapi tidak ada wang. Dan sebahagian daripada projek terbengkalai melibatkan *CF* adakah juga nanti, adakan diperuntukkan pinjaman-pinjaman untuk membolehkan pemaju menyiapkan jalan, longkang, Infra bagi tujuan-tujuan keselesaan rakyat untuk mempunyai rumah terbengkalai.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Hulu Kelang. Pertama, kita hendak memberitahu PBT-PBT sekarang, iaitu sebelum memberikan kelulusan untuk pembangunan-pembangunan perumahan perkara ini mesti diambil kira. Oleh sebab itulah pembangunan kampung, pembesaran kampung tidak hanya kira-kira pembuatan rumah sahaja tetapi prasarana yang diadakan. Jadi masa hadapan kita dapat diselesaikan dengan pentadbiran. Hal ini kita sudah tentukan, yang mesti dipantau dengan lebih baik lagi. Kedua, mengenai perkara-perkara yang lepas, projek-projek yang terbiar. Projek-projek yang terbiar kita hendak kaji sama ada Kerajaan patut memberikan sokongan atau pun tidak. Jadi kita tidak bolehlah katakan kita biarkan sahaja, tetapi kita hendak buat penetapan atau buat keputusan sama ada boleh kita kaji atau tidak.

Jadi, jawapan saudara, saudara, saudara takut ia merupakan satu *precedent*, sebenarnya dia akan menjadi satu *precedent*. Jadi mengingatkan kita supaya kita jangan ada kelulusan dalam keadaan ini. Dan ini boleh mendatangkan beban kepada Kerajaan Negeri. .. Saya sekejap lagi Timbalan Puan Speaker...

Tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Rawang. Tentang projek terbengkalai di Shah Alam.: Saya hendak beri nama syarikat tersebut, iaitu Syarikat Khidmat Makmur yang Ahli Lembaga Pengarahnya adalah tiga orang, iaitu Dato' Manan Md. Said, Mustafa Kamal Salaman dan Lim Chee Huat. Dato' Manan ini saya ingat ada juga rakan-rakan sebelah sana kenal beliau..... Kedua saya ingin juga maklum balas tentang kawasan tanah lapang itu... sudah dijawab oleh rakan saya sendiri. Dan saya hendak membangkitkan satu perkara untuk rekod Dewan; iaitu Sekinchan sudah membangkitkan tentang soal monopoli pembelian benih padi. Dan dijawab oleh Ahli EXCO saya bahawa hanya satu syarikat yang ditugaskan untuk itu. Dan saya menanya soalan ini kepada Menteri Pertanian dan Asas Tani, menyatakan mengapa Kementerian membenarkan sebuah syarikat monopoli penjualan benih padi di Kuala Selangor dan menutup pusat proses benih padi di Sg. Burung yang menjejaskan

produktiviti padi serta pendapatan penanam-penanam padi yang rata-rata masih hidup di bawah garis kemiskinan. Ini jawapan menteri dalam Parlimen.

“ Kerajaan telah melantik 13 syarikat swasta sebagai pengeluaran padi sah pada tahun 2010 di seluruh Semenanjung. Pelantikan ini berdasarkan kelulusan jemaah menteri pada 20 Mac 2009 serta kriteria seperti berikut:

- mempunyai kemampuan kewangan
- mempunyai kapasiti loji, peralatan yang mampu memenuhi kuota yang ditetapkan
- mempunyai kakitangan yang cukup untuk operasi syarikat
- mempunyai kakitangan berteknikal yang cukup mahir dan berstatus Bumiputra

Penjualan benih padi di Kuala Selangor dibenarkan kepada kesemua 13 syarikat. Pengeluar bergantung pada permintaan, bukan hanya kepada sebuah syarikat pengeluar. Pusat penghasilan benih padi di Sg. Burung tidak pernah ditutup tetapi operasi pusat berkenaan sudah diambil alih oleh MADA daripada Jabatan Pertanian mulai April 2010”

Kalau kenyataan Ahli Parlimen Menteri dalam Parlimen adalah salah, maka menjadi tanggungjawab kita dalam Parlimen untuk mengemukakan ini balik kepada Parlimen bahawa jawapan yang diberi adalah tidak benar. Saya hendak minta rakan Yang Berhormat Sekinchan untuk menyatakan secara bertulis kepada saya sama ada kenyataan yang diberikan oleh Menteri ini benar atau tidak.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Puan Speaker, saya minta mencelah saya akan cuba hubungi apa jawapan yang diberikan oleh Menteri itu, yang disampaikan oleh YAB Tan Sri tadi, dan saya nampak tentang pemberian yang 13 syarikat untuk memberi benih padi ini sebenarnya masalah tentang kuota ini hanya diberikan kepada 2 syarikat dengan kuota yang begitu banyak. Dalam 13 syarikat ini hanya 2 yang mendapat kuota subsidi yang begitu tinggi iaitu 17 ribu tan yang lain 3 ribu hingga 5 ribu. Apakah rasionalnya kedua-dua syarikat ini diberi kuota subsidi pada benih yang sebegitu tinggi, apa kelayakan mereka dan salah satu syarikat Haji Mat Nor di Tali Air 8 ini saya tidak nampak beliau mempunyai kebolehan untuk memberi sehingga 17 ribu tan maka dengan itu, susulan daripada permasalahan ini telah menyebabkan benih padi yang dihasilkan oleh syarikat Haji Mat Nor ini telah mendatangkan banyak masalah tentang kualiti dan padi angin menyebabkan ramai petani di kawasan sawah sempadan dan seluruh Sabak Bernam ini menghadapi masalah kualiti dan penghasilan padi yang kurang pada musim ini, ini juga. Yang kedua tentang proses loji pemprosesan padi benih dan saya akan siasat dan saya akan beri jawapan, respons secara bertulis kepada Yang Amat Berhormat kerana setahu saya, saya memang sudah diserahkan kepada Haji Mat Nor Sdn Bhd dan ditamatkan operasinya pada bulan Ogos yang lalu, operasi pusat loji tersebut. Sekian, terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih. Maaf Timbalan Speaker: Saya hendak bangkitkan ini walaupun ia tidak kena mengena dengan perbincangan peruntukan tetapi sudah dibangkitkan dalam perkara tersebut. Pertama, saya ingin membangkitkan mengenai perkara pasir yang menjadi perbincangan yang begitu emosi dengan sebab boleh jadi tidak dapat kontrak atau pun atas sebab rakan-rakan tidak dapat lagi peluang untuk mendapatkan hasil daripada operasi pasir. Walau bagaimanapun, hari ini saya hendak membentangkan ini, melampirkan ini untuk rekod di dalam Dewan yang saya hendak keluarkan untuk makluman masyarakat di mana kecurian berlaku, di mana kecurian pasir berlaku dan syarikat-syarikat yang kita kenal pasti melakukan pencurian pasir dan tempat-tempat yang mereka ada. Ia menunjukkan bahawa sebelum 2008 sudah ada operasi pencurian pasir, yakni bukan satu perkara yang baharu tetapi sudah ada operasi pencurian pasir yang melibatkan lebih 1 juta tan

pasir setiap bulan. Kita ada rekodnya, itulah sebabnya saya rasa dewan yang mulia ini patut mendapat rekod ini dan kita simpan dalam *hansard* untuk menunjukkan bahawa tindakan Kerajaan Negeri untuk mengawal perlombongan pasir adalah penting dan perlu demi kestabilan industri pembuatan dan perumahan di negeri Selangor.

Kedua, kita cadangkan Menteri yang berminat tentang pasir, Menteri Kerajaan Persekutuan ataupun Ketua Pembangkang dengan duitnya sendiri jangan gunakan duit negeri bolehlah menyewa helikopter untuk mengambil gambar lubang-lubang yang ditebuk oleh pencuri-pencuri pasir supaya kita dapat kenal pasti di mana tempatnya. Dan saya sendiri juga tidak menggunakan helikopter apa semua ni dan saya minta pihak swasta KSS (Kumpulan Swasta) untuk memantau Semesta, untuk memantau aktiviti ini jadi saya hendak bantah sebagai rekod supaya ia menunjukkan pencurian ini bukan satu perkara yang baharu tetapi sudah begitu lama yang memberi akibat kerugian kepada kerajaan. Akhir sekali saya juga hendak memberikan kertas kerja mengenai kajian industri pasir yang dimaksudkan sebagai rekod dewan yang kajian itu menunjukkan jumlah pasir yang ada di negeri Selangor dan usaha untuk membangunkan industri tersebut. Oleh sebab itulah Kerajaan Negeri berpendapat industri ini mesti diurus dengan baik dan dipantau supaya hasilnya digunakan untuk masyarakat di negeri Selangor dan untuk kestabilan serta pemuliharaan alam sekitar di negeri Selangor. Itu sahaja. Terima kasih.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Puan Speaker, Puan Speaker satu .... ada satu isu...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Pihak kerajaan sudah habis menjelaskan...

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Saya ingin bertanya tentang pelantikan kontraktor secara lantikan terus yang saya bawa tadi. Ini isu penting....

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Saya minta maaf, saya tak tahu ada kontraktor yang di lantik terus.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Terdapat dalam ucapan saya telah menyatakan bahawa ada insiden di mana terdapat tuduhan peruntukan MARRIS untuk sesebuah PBT di Lembah Klang diberi kepada kontraktor secara pelantikan terus dan setiap satu kontraktor ini diberi kerja, nilai kerja itu antara 104 ribu ringgit ke 139 ribu ringgit dan ianya dibuat secara pelantikan terus tanpa tender atau pun sebut harga.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Puan Speaker. Saya hendak jawab secara bertulis tetapi kita sudah membuat keputusan pada April supaya mulai pada April semua peruntukan dan juga kontrak-kontrak yang ditandatangani mestilah melalui tender terbuka. Kita mula memberikan keputusan tetapi kalau keputusan dibuat pada tahun 2009 boleh jadi kita tidak ada terikat dengan keputusan yang kita buat.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Saya minta Tan Sri untuk terus menyemak dengan Setiausaha Media kerana semua butiran itu saya telah serahkan kepada dia untuk dia serahkan kepada Tan Sri, untuk siasatan Tan Sri.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Ok...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik terima kasih. Pihak kerajaan telah pun memberikan penjelasan jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat

yang bersetuju sila kata ya, (Semua Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap ya) Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang yang disatukan negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Puan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangankan Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Timbalan Speaker, saya menyokong.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 1 dan fasal 2.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian Rang Undang-undang, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya (semua Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap ya) Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Jadual yang menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya (semua Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap ya) Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Puan Pengerusi saya menyokong.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dewan bersidang semula.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Puan Speaker, saya memohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui sepenuhnya tanpa pindaan, oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Puan Speaker, saya menyokong.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata ya (semua Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap ya) Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan No. 22010.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat jam sudah menunjukkan 5.42 petang dengan itu saya menangguhkan dewan sehingga 10 pagi esok, dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 5.42 petang)**